

[Senarai Ahli Parlimen dilampirkan]

[Kandungan dilampirkan]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 20 Julai 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya seperti rakan-rakan yang lain ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk di atas pemilihan jawatan Ketua Pemuda MCA. Tahniah Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Terima kasih.

1. **Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman [Mersing]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan taman perumahan di seluruh negara yang masih belum memperolehi Sijil Layak Menduduki (CF) sehingga 30 Jun 1999 dan sejauh mana berkesannya pelaksanaan dan penguatkuasaan pekeliling bertajuk "Prosedur Bagi Mempercepat Pengeluaran CF di PBT" dalam menangani masalah ini. Berapakah bilangan permohonan CF yang dapat diluluskan dalam masa 14 hari sebagaimana dihasratkan dalam Pekeliling tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian pada masa ini belum dapat menyatakan angka sebenar bilangan taman perumahan di seluruh negara yang belum mendapat sijil layak menduduki (CF) sehingga bulan Jun 1999 kerana masih dalam proses mengumpul maklumat tersebut.

Walau bagaimanapun, melalui maklum balas yang diterima dari pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia bagi tempoh bulan Julai hingga Disember 1998 sebanyak 48% permohonan CFO bagi taman perumahan berjaya dikeluarkan CF dalam tempoh masa 14 hari seperti yang ditetapkan.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada perjanjian jual beli sekarang, pemaju rumah boleh menyerahkan rumah dengan vacant possession, dengan izin, kepada pembeli tanpa menyediakan CF dan ini telah menimbulkan banyak masalah dan banyak pemaju perumahan telah sengaja berbuat demikian, dengan itu boleh melepaskan tanggungjawab mereka. Tidakkah boleh kita mengubah atau meminda perjanjian sekarang supaya pemaju perumahan tidak boleh menyerahkan rumah tanpa CF?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedang dalam peringkat mengambil satu tindakan untuk mengubahsuaikan standard surat perjanjian jual beli itu supaya pihak pemaju perumahan apabila rumah itu diserahkan kepada pembeli, ia juga dilengkapi dengan CFO.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pihak kementerian apakah sebab-sebab utama terdapatnya kelewatan pemaju ini mendapatkan CF ini?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Faktor-faktor kelewatan ada pelbagai, terutamanya pihak berkuasa tempatan menghadapi masalah kekurangan kakitangan teknikal untuk menyemak perakuan-perakuan yang diterima dari agensi-agensi teknikal bagi tujuan mengeluarkan CFO. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga tidak mematuhi pekeliling yang kita sebutkan tadi dalam memproses permohonan CFO seperti menerima Borang 'E' yang tidak lengkap. Broang 'E' itu mengenai perakuan-perakuan yang patut dibuat oleh agensi-agensi teknikal. Keputusan melulus CFO masih dirujuk kepada Mesyuarat Majlis penuh dan ini akan mengambil masa.

Pihak PBT juga mengenakan syarat-syarat tambahan yang tidak disyaratkan di dalam kelulusan pelan bangunan dan syarat-syarat itu tiada berkaitan dengan CFO. Ada banyak lagi masalah sebabnya ada kelewatan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang, kita cubalah mengingatkan pihak PBT supaya perkara-perkara yang tidak terus berkaitan dengan pengeluaran CFO itu tidak diambil kira lagi.

[Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Richard Riot Anak Jaem [Serian] tidak hadir]

[Soalan No. 3 – Y.B. Tuan Amihamzah bin Ahmad [Lipis] tidak hadir]

[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok] tidak hadir]

5. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) apakah kerajaan mencadang beberapa produk pelancongan baru yang terlibat golongan Orang Asli; dan
- (b) sejauh manakah kerajaan bersedia untuk mengumpul data dan membuat kajian bagi mengekalkan identiti pelbagai kaum golongan Orang Asli untuk khazanah kebudayaan negara.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sedang merancang untuk menubuhkan Sebuah Muzium Seni Kraf Orang Asli yang akan dibina berhampiran bangunan Muzium Negara sebagai satu lagi produk pelancongan baru khusus mengenai masyarakat Orang Asli. Muzium ini akan ditadbir oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- (b) Khazanah kebudayaan Orang Asli memang telah lama dikumpul dan dikaji oleh beberapa institusi pengajian

tinggi dan agensi kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung terhadap masyarakat Orang Asli. Muzium Perak di Taiping umpamanya, telah mengumpulkan pelbagai khazanah Orang Asli sejak muzium tersebut dibuka pada tahun 1885. Usaha-usaha yang lebih giat diteruskan apabila Muzium Kraf Orang Asli ditubuhkan kelak.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah di atas begitu prihatinnya kementerian Yang Berhormat berkaitan dengan Orang Asli.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat, apakah pihak kementerian akan juga memperluaskan kegiatan muzium ini kepada tempat-tempat yang lain selain daripada di Kuala Lumpur. Umpamanya di Kota Bharu walaupun tidak ada penduduk Orang Asli dalam kawasan saya, tetapi ia menjadi tempat tumpuan pelancong. Jadi, sekiranya khazanah Orang Asli dapat dipamerkan di satu tempat di kawasan zon budaya di Kota Bharu, saya rasa ini akan menambahkan lagi produk pelancongan bagi kawasan saya Parlimen Kota Bharu.

Saya juga ingin bertanya apakah persatuan-persatuan di mana ada lebih dari satu persatuan Orang Asli diajak oleh pihak kementerian Yang Berhormat untuk bersama-sama membincangkan produk-produk baru ini.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebab memang negeri Kelantan mempunyai suatu kumpulan Orang Asli yang agak besar berbanding dengan negeri-negeri lain, cadangan Ahli Yang Berhormat itu saya akan berbincang dengan Ahli Yang Berhormat tentang kemungkinan itulah.

Keduanya, untuk mengadakan perkara-perkara dengan Orang Asli di merata-rata tempat, sungguhpun ini adalah satu pandangan yang baik, tetapi kita harus mengimbangkan dengan keperluan, selama manakah kita hendak jadikan

Orang Asli itu kekal sebagai Orang Asli. Saya rasa ada baiknya juga kita memikirkan bagaimana kita dapat serapkan Orang Asli kita ini secepat mungkin supaya mereka menjadi sama seperti kita yang lain, jadi kita tidak mahu mereka ini menjadi satu kaum yang menjadi satu bahan tontonan orang buat selamanya.

6. **Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) belanjawan yang diperuntukkan oleh kementerian dari tahun ke tahun kepada Biro Bantuan Guaman; dan
- (b) sama ada “means test” (ujian kelayakan) yang sedia ada perlu dipertimbang semula (review) supaya bantuan guaman percuma dapat diberi kepada mereka yang memerlukannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ibrahim

bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Biro Bantuan Guaman Malaysia menerima peruntukan belanjawan mengurus tahunan daripada Kementerian Kewangan. Jumlah peruntukan yang diperuntukkan bagi tahun 1997, 1998 dan 1999 adalah seperti berikut:-

Tahun	[RM]
1997 -	5,431,800
1998 -	5,134,133
1999 -	5,134,133

- (b) Ujian kemampuan telah dilaksanakan sejak tahun 1970 berikutan dengan penubuhan Biro Bantuan Guaman. Kali terakhir semakan ke atas ujian kemampuan telah dibuat dan diwartakan pada 17 Februari 1995. Jabatan saya berpendapat bahawa ujian kemampuan yang berkuat

kuasa sekarang adalah sesuai dan tidak perlu disemak semula.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Kerajaan memang membelanjakan peruntukan yang begitu besar untuk Biro Bantuan Guaman ini. Jadi, di antara kes-kes yang dirujuk kepada Biro Bantuan Guaman ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, berapa kes yang telah dirujuk itu yang telah pun diselesaikan dan berapa kes lagi yang masih tidak dapat diselesaikan dan apa sebabnya?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod setakat yang saya ada, sejak penubuhan Biro pada tahun 1970 jumlah kes yang didaftarkan ialah sebanyak 150 kes sahaja, jumlah ini semakin bertambah dari tahun ke tahun. Statistik kes yang mendapat khidmat dari Biro sehingga Jun 1999 sebanyak 212,000 kes telah dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman.

Kes-kes yang dikendalikan bagi tahun 1995, 1996, 1997 dan 1998 adalah seperti berikut:-

Tahun		Jumlah Kes
1995	-	160,715
1996	-	174,327
1997	-	188,744
1998	-	206,065
Jun 1999	-	212,000

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya melihat peruntukan semenjak tahun 1997 hingga 1999 ada menurun sedikit, tetapi kes yang dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman ini masih meningkat. Persoalan saya ialah, apakah skop kes-kes yang boleh ditangani oleh pihak Biro Bantuan Guaman.

Di Sarawak, Biro ini telah memberi perkhidmatan yang cemerlang dan baik tetapi masalah anggota berkurangan dan tidak mencukupi untuk seluruh negeri Sarawak. Persoalan saya, adakah skop-skop bagi kes-kes yang boleh dibawa kepada Biro Bantuan Guaman ini dibukakan lagi, ditambahkan lagi oleh kerana banyak kes yang melibatkan orang yang miskin dari luar bandar ialah kes dispute berhubung dengan hal tanah dan hak harta mereka yang tidak boleh dibawa kepada pihak Biro Bantuan Guaman dan bagaimanakah pandangan kementerian dalam hal ini. Terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar dengan jumlah kes yang begitu banyak manakala buat masa ini Biro Bantuan Guaman mempunyai 185 orang kakitangan dan ada sebanyak 18 cawangan di seluruh negara termasuk di Sarawak dan juga cawangan kecil termasuk satu di Miri, Sarawak dan memandangkan jumlah kes yang begitu besar dan kakitangan begitu terhad, maka sudah tentu kita menghadapi masalah. Jadi, kalau Yang Berhormat memikirkan bahawa kita perlu menambahkan lagi khidmat Biro Bantuan Guaman, kita perlu menambahkan jumlah kakitangan dan saya mintalah sokongan Yang Berhormat supaya meminta Kementerian Kewangan menambahkan budget kepada kakitangan.

[Soalan No. 7 – Y.B. Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan] tidak hadir]

8. **Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) sama ada pengotor alam sekitar dikehendaki membuat kerja-kerja komuniti seperti dibangkitkan di Parlimen dan adakah kementerian telah membuat kajian mengenainya. Apakah keputusan kajian yang dibuat oleh kementerian dan langkah-langkah untuk menguatkuasakannya; dan

- (b) apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah pengurusan pembuangan sampah khususnya di kawasan perumahan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian ini telah mengkaji maklumat daripada beberapa buah negara bagi mengenakan hukuman khidmat masyarakat (community services) ke atas seseorang yang membuang sampah di merata tempat. Dari kajian tersebut, pihak kementerian telah mengenal pasti undang-undang di bawah kementerian ini yang boleh dipinda untuk melaksanakan hukuman khidmat masyarakat tersebut. Cadangan dasar untuk meminda undang-undang yang berkaitan telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk pertimbangan sebelum pindaan tersebut dilaksanakan. Pegawai agensi-agensi kerajaan tertentu akan diberi kuasa untuk melaksana dan menguatkuasakan undang-undang tersebut kelak.
- (b) Kementerian sedia maklum terdapat beberapa masalah dari segi pengurusan sisa pepejal khususnya di kawasan perumahan. Beberapa langkah telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah ini seperti mempertingkatkan kutipan sisa pepejal mengikut jadual yang ditetapkan, menyediakan tong sisa pepejal kimia yang mencukupi dan mengurus serta membersihkan longgokan sisa pepejal yang dibuang secara tidak terkawal. Di samping itu, pihak berkuasa tempatan telah diminta untuk menganjur, memberi kerjasama dan menggalakkan aktiviti gotong-royong di kalangan masyarakat setempat demi menjaga kebersihan kawasan mereka dan juga meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kebersihan melalui pendidikan awam.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kajian kementerian Yang Berhormat mengenai faktor-faktor menyebabkan masalah yang wujud sekarang dan dengan adanya penswastaan di seluruh negara termasuk Syarikat Alam Flora dan sebagainya mengapa masalah masih wujud dengan teruk di kawasan-kawasan perumahan yang disebutkan tadi. Adakah ini bermakna penswastaan itu tidak begitu berjaya dan setakat ini bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana pihak Syarikat Alam Flora dibayar?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, mengenai faktor yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya sudah jawab daripada jawapan asal saya tadi iaitu pelbagai faktor terutamanya sikap masyarakat umum tentang kesedaran kebersihan dan sebagainya. Mengenai keberkesanan kerja daripada Syarikat Alam Flora, saya rasa buat masa sekarang tidak ada masalah besar yang dihadapi oleh pihak Syarikat Alam Flora dan buat masa sekarang, Syarikat Alam Flora dibayar sebagai kontraktor bagi PBT-PBT yang diambil alih oleh syarikat itu.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Antara kenderaan yang mengutip sampah ialah lori jenis 'compactor' dan apabila mereka mengumpul sampah-sarap di kawasan perumahan 'compactor' ini akan mengeluarkan cecair yang akan bertaburan di atas jalan. Selepas lori 'compactor' ini lalu, bau busuk akan berlanjutan selama satu hari atau dua hari. Apakah tindakan yang boleh diambil supaya dapat mengubah suai kenderaan jenis ini supaya cecair tidak bertaburan di atas tanah?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya kita akan menswastakan kutipan sisa-sisa pepejal ini kepada satu syarikat yang mampu untuk membeli kereta-kereta 'compactor' yang terkini dan canggih supaya tidak mengeluarkan bau busuk apabila sampah-sarap itu di 'compact' kan.

[Soalan No. 9 – Y.B. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus) tidak hadir].

10. **Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan pendirian kementerian tentang guru-guru khasnya di Sabah yang mengikuti kursus Ijazah PJJ (Pendidikan Jarak Jauh) sama ada mereka akan diserap ke DG3 atau dibiarkan begitu di gred yang mereka kini berada walaupun sudah memperoleh ijazah yang diiktiraf.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, guru-guru yang mengikuti Kursus Pengajian Jarak Jauh dan mendapat kelulusan Ijazah yang diiktiraf oleh kerajaan perlulah memohon kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) untuk dilantik ke jawatan pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah Gred DG3. Pelantikan mereka adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan dan kesesuaian serta keperluan bidang perkhidmatan yang dimiliki.

11. **Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad [Tanah Merah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah levi yang diperolehi hasil daripada kemasukan pendatang asing.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah levi atas penggajian pekerja asing yang dikutip bagi bulan Januari hingga Jun 1999 ialah RM188,334,842.40.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu apakah polisi yang terkini mengenai kedatangan membawa pekerja-pekerja asing ke negara ini memandangkan beberapa notis yang berbeza telah diberi beberapa bulan ini dan di antara pekerja yang dibenarkan masuk ke negara ini adakah pekerja-pekerja pembantui rumah (house servants) yang dibenarkan dari negeri India dan Sri Langka. Adakah ini akan dibenarkan? Kalau tidak, mengapa tidak.?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, pembantu-pembantu rumah diizinkan khasnya dari negara Indonesia dan negara-negara lain jika diperlukan, perlu mendapat kebenaran khusus.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah jaminan bank majikan yang menguruskan sendiri pekerja asingnya lebih mahal daripada pekerja-pekerja yang diuruskan oleh agensi?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya tidak tepat dari segi anggapan. Sebenarnya semasa pekerja-pekerja asing diuruskan oleh agensi-agensi tempatan dan asing, kos kepada pekerja adalah amat tinggi. Contohnya, pekerja dari Sri Langka. Ada pekerja-pekerja yang perlu membayar antara RM5,000 hingga RM8,000 sebelum mereka dibawa bekerja di Malaysia. Sebab itu kerajaan telah memperketatkan sistem dan pada hari ini eksploitasi dari segi pekerja-pekerja adalah amat berkurangan.

12. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah perkembangan terbaru mengenai sistem kewangan Islam di bank-bank selain daripada Bank Islam. Adakah kemungkinan kesemua bank di negara ini beralih kepada sistem kewangan Islam yang semakin mendapat sambutan sekarang ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, setakat 31 Mei 1999, jumlah deposit yang dimobilisasikan oleh sektor perbankan Islam termasuk Bank Islam Malaysia Berhad berjumlah RM22.9 bilion iaitu merupakan 5.2% daripada jumlah deposit dalam keseluruhan sistem perbankan. Manakala jumlah pembiayaannya pula adalah berjumlah RM11.7 bilion iaitu 2.9% daripada jumlah pembiayaan dalam keseluruhan sistem perbankan di Malaysia.

Skim Perbankan Islam yang sebelum ini dikenali sebagai Skim Perbankan Tanpa Faedah menyumbang 82% kepada jumlah deposit perbankan Islam dan 68.5% kepada jumlah pembiayaan perbankan Islam. Setakat 31 Mei 1999, 54 institusi perbankan telah menyertai Skim Perbankan Islam yang terdiri daripada 24

bank perdagangan, 18 syarikat kewangan, 5 bank saudagar dan 7 syarikat diskaun. Di samping itu 4 bank perdagangan telah membuka sejumlah 7 cawangan perbankan Islam sepenuhnya, manakala 3 syarikat kewangan telah membuka sebuah cawangan setiap satu. Ini bermakna jumlah cawangan perbankan Islam sepenuhnya adalah berjumlah 90 buah termasuk 80 cawangan Bank Islam Malaysia Berhad.

Di samping kemudahan perbankan Islam yang boleh diperolehi di lebih 1,000 cawangan, langkah ini bukan sahaja menunjukkan komitmen kerajaan dan Institusi Perbankan Islam (SPI) untuk mengembangkan sektor kewangan Islam tetapi turut memberi manfaat kepada pelanggan yang ingin bermuammat secara Islam sepenuhnya di Institusi Perbankan Islam (SPI) iaitu Skim Perbankan Islam.

Sebagai salah satu usaha untuk memperkembangkan lagi muammat Islam di Malaysia, kerajaan sudah bersetuju supaya sebuah lagi bank Islam ditubuhkan. Bank Islam kedua ini dikenali sebagai Bank Bumi Muammat Malaysia Berhad (BBMMB), terhasil berikutan penggabungan Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) dan Bank of Commerce Malaysia Berhad (BOCB). BBMMB dijangka beroperasi pada bulan Oktober 1999 dengan sejumlah 40 buah cawangan di seluruh negara. Adalah dijangka penubuhan BBMMB akan merencanakan lagi perkembangan perbankan Islam di negara ini.

Kerajaan sedang dalam proses merangka satu rancangan strategik jangka sederhana bagi pembangunan Sistem Perbankan dan Kewangan Islam. Antara langkah-langkah terdekat ialah kerjasama dengan LOFSA untuk menubuhkan sebuah pasaran wang secara Islam di peringkat antarabangsa. Labuan telah dikenal pasti untuk dijadikan salah satu pusat kewangan Islam antarabangsa dan penubuhan pasaran Islam ini adalah langkah permulaan menuju ke matlamat tersebut.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang kita sedia maklum, Sistem Perbankan Islam ini juga

menarik minat pelanggan bukan Islam. Soalan saya ialah adakah negara-negara luar juga pernah datang mempelajari atau mendekati sistem kita ini dan bagi pelanggan-pelanggan bukan Islam ini, apakah tarikan utama sehingga mereka turut serta dalam skim ini?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya. Memang ada bank-bank dari luar negara telah datang melihat sendiri tentang pelaksanaan perbankan Islam dalam negara kita dan sememangnya mereka tertarik dengan perkembangan yang begitu menggalakkan mengenai Perbankan Islam dalam negara Malaysia ini dan mereka berharap untuk melaksanakannya di negara mereka.

Saya telah difahamkan bahawa ramai mereka yang bukan beragama Islam juga menyertai Sistem Perbankan Islam ini kerana mereka merasa selesa dengan sistem ini yang mana memberikan kongsi keuntungan daripada memberikan faedah yang mungkin tidak setinggi mana yang mereka harapkan. Apatah lagi kalau pada waktu ini kita lihat bahawa kalau mereka meletakkan deposit dalam bank-bank yang bukan dalam Skim Perbankan Islam, faedahnya begitu rendah. Jadi, ini merupakan satu daripada beberapa tarikan yang menyebabkan mereka menyertai Sistem Perbankan Islam ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa memang dengan sistem perbankan Islam ini boleh menarik negara-negara Islam di dunia. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat terangkan peratusan sistem perbankan Islam yang didapati dalam sistem perbankan pada keseluruhannya di negara ini dan apakah jangkaan untuk masa lima, sepuluh tahun akan datang. Peratusan aktiviti sistem perbankan Islam sekarang dan juga

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Satu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Belum habis lagi soalnya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Satu sahaja. Peraturan kita satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat diingatkan bahawa soalan tambahan itu dihadkan kepada satu sahaja, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Ya, satu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Disampuk]* Ini memang, itu memang lampiran *[Disampuk]* kepada yang pertamanya. Bukan dua, sebahagiannya dan bolehkah Yang Berhormat

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana Yang Berhormat menunjukkan minat dalam sistem perbankan Islam ini.

Walau bagaimanapun, saya harap lain kali apabila saya membuat jawapan jangan tidur, kalau tidak tidur mungkin pekak kot. Sebab kalau Yang Berhormat tanya berapa peratuskah aktiviti perbankan Islam dalam kita punya sistem perbankan, saya sudah sebut. Jumlahnya ialah RM23 bilion yang merupakan 5.2% daripada jumlah sistem perbankan Malaysia yang sebanyak RM442.4 bilion. Jadi saya sudah jawab, lain kali jangan tidur.

Dr. Tan Seng Giaw: lima, sepuluh tahun akan datang. Itulah

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan asal bertanya adakah kemungkinan kesemua bank di negara ini beralih kepada sistem kewangan Islam. Jadi ini termasuklah jangkaan dalam lima, enam tahun daripada sekarang. Jadi, dia tidak dengar apa saya jawab, semua jawapan sudah ada dalam ini. Saya sudah beritahu tadi, saya jawab dekat tiga muka surat, kalau dia tidur jangan kacau orang, lain kali dengar betul-betul. Saya sudah jawab. *[Ketawa]*

[Soalan No. 13- - Y.B. Tuan Asmat Nungka (Beluran) tidak hadir]

[Soalan No. 14 - Y.B. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut) tidak hadir]

[Soalan No. 15 - Y.B. Datuk S'ng Chee Hua (Julau) tidak hadir]

[Soalan No. 16 - Y.B. Dr. Patau Rubis (Mas Gading) tidak hadir]

[Soalan No. 17 - Y.B. Datuk Lim Si Cheng (Senai) tidak hadir]

18. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kedudukan terkini berkenaan dengan langkah kawalan modal serta 'exit tax' yang telah diimplementasikan oleh Kementeriannya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kepong dengarlah, jangan tanya soalan dua kali nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan pertukaran asing terpilih telah menstabilkan pasaran kewangan negara. Keadaan ini telah membolehkan kerajaan meneruskan usahanya untuk melaksanakan dasar-dasar makro ekonomi dan kewangan serta menstruktur semula sistem kewangan dan sektor korporat berkuat kuasa pada 15 Februari 1999.

Levi penghantaran balik telah diperkenalkan untuk mengganti peraturan pemegangan modal portfolio selama satu tahun. Levi penghantaran balik ini telah meletakkan Malaysia di kedudukan yang lebih baik dan telah diterima dengan baik oleh pasaran dan pengurus dana. Kini asas-asas ekonomi pada keseluruhannya telah bertambah kukuh. Kadar inflasi adalah sederhana iaitu 2.1% pada bulan Jun 1999. Rizab luar negara telah meningkat US\$31.1 bilion pada 30 Jun, cukup untuk membiayai 6.8 bulan import tertangguh. Sementara keyakinan pengguna dan pelabur semakin meningkat. Kadar jualan kenderaan penumpang dan perdagangan misalnya telah meningkat dengan kukuh dalam lima bulan pertama tahun 1999. Sementara kelulusan pinjaman oleh sistem perbankan untuk aktiviti perkilangan dan pembinaan juga meningkat. Kedudukan ekonomi yang lebih baik ini juga dicerminkan oleh pemulihan dalam keluaran sektor perkilangan semenjak bulan Februari 1999.

Pelabur portfolio asing menerima baik perlonggaran kawalan ke atas modal jangka pendek pada bulan Februari tahun ini. Daripada 15 Februari sehingga 7

Julai 1999, terdapat aliran masuk bersih dana baru sebanyak RM4.2 bilion ke dalam negara. Malaysia terus mencatatkan aliran masuk bersih dana yang baru walaupun levi penghantaran balik untuk dana yang dibawa masuk ke Malaysia sebelum 1 September 1998 telah berkurangan kepada 10%. Sehingga 7 Julai 1999, levi yang dipungut oleh kerajaan berjumlah sebanyak RM75.3 juta. Pendek kata kawalan modal serta exit levi yang diperkenalkan oleh kerajaan telah mendatangkan kesan-kesan positif kepada ekonomi negara.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan berminat untuk menurunkan kadar pertukaran daripada RM3.8 kepada RM3.3 untuk US Dollar kerana mengikut pasaran antarabangsa. Sebenarnya, nilai pertukaran US Dollar should be 3.3. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita memperkenalkan 'fixed exchange rate' US\$1 kepada RM3.8 ialah untuk mengelakkan kita daripada spekulasi dan juga fluctuation, dengan izin, Ringgit Malaysia yang naik turun tanpa ada ketentuan.

Jadi, walaupun telah dikatakan bahawa Ringgit Malaysia telah bertambah kuat dan kalau kita bercadang untuk menukarkan kadar itu kepada kadar yang lain bermakna, kita terikat kembali kepada fluctuation, dengan izin, di dalam pasaran wang antarabangsa. Tujuan kita ialah untuk menstabilkan wang Ringgit Malaysia ini. Maka oleh hal yang demikian, kerajaan tidak bercadang untuk menukarkan kadar faedah Ringgit kepada wang US Dollar.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, adalah pandangan umum bahawa apabila kawalan modal akan luput satu tahun pada 1 September, maka modal asing akan keluar dari negara kita. Soalan saya ialah apakah pandangan kerajaan mengenai anggapan ini dan apakah tindakan yang sedang difikirkan untuk mengatasi masalah ini mungkin terjadi. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Soal balik, saya tidak faham.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Apabila kawalan modal ini akan luput pada 1 September, kawalan atau tukaran asing akan selesai pada 1 September. Maka, anggapan umum ialah banyak modal asing akan keluar dari negara kita. Adakah kerajaan berpendapat seperti begitu dan apakah tindakan yang sedang difikirkan?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita telah mengambil kira tentang anggapan yang telah dibuat oleh sesetengah pihak iaitu apabila 1 September 1999 datang, maka ada anggapan yang mengatakan iaitu bahawa mungkin aliran wang keluar akan keluar begitu banyak. Namun, saya ingin menyatakan di sini disabitkan oleh kerana reserve kita adalah begitu tinggi sekali, maka kita merasakan bahawa kalau paling tinggi sekalipun wang keluar mengikut jangkaan kita, dengan izin, 'we can absorb' pengeluaran aliran wang keluar dari negara Malaysia.

Saya sebut sebentar tadi kerana reserve kita tinggi, dengan izin, 'we can absorb this' dan kerajaan tidak merasakan bahawa ia akan mendatangkan apa-apa masalah kepada kita.

19. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) kos membina "paperless" hospital di Selayang dan masa hospital ini akan mula dijalankan; dan
- (b) apakah kemudahan hospital ini dibandingkan dengan sebuah hospital biasa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan –

- (a) Kos untuk membina Hospital Selayang adalah sebanyak RM546.2 juta. Jumlah ini melibatkan semua kos pembinaannya termasuk kos pendirian infrastruktur, piling, pendirian tapak, pembinaan bangunan, peralatan, IT dan lain-

lain kemudahan yang berkaitan. Hospital ini akan dibuka berperingkat-peringkat, fasa pertama akan dibuka pada 1 November tahun ini.

- (b) Di antara kemudahan yang terdapat di Hospital Selayang berbanding dengan hospital biasa ialah:-
- (i) penggunaan komputer dalam semua urusan hospital iaitu Sistem Informasi Berkomputer yang Bersepadu seluruhnya (Total Hospital Information System), dengan izin, termasuklah dalam penyelenggaraan pesakit;
 - (ii) Perkhidmatan Perubatan Khusus (Tertiar) seperti Hepatology, Hepatobiliary, Surgery, Hand & Microsurgery, Urology, Nephrology dan Gastroenterology;
 - (iii) kemudahan perkhidmatan dan wad yang lebih baik termasuklah kemudahan bilik tandas di setiap ruang/bilik pesakit, ruang rehat pesakit di wad, bilik-bilik bersalin individu, gerobok pakaian, sistem gas perubatan dan sistem panggilan jururawat bagi setiap katil pesakit;
 - (iv) kemudahan awam yang lebih baik seperti kedai, taman permainan kanak-kanak, 'therapy garden', bilik pelawat yang besar, 'basement car park' dan lain-lain;
 - (v) peralatan yang terkini seperti MRI (Magnetic Resonance Imaging), CT Scan, Lithotripter, Elevated Hydrotherapy Pool, peralatan laser dan lain-lain;
 - (vi) kemudahan kakitangan yang lebih baik seperti bilik bersalin, pakaian dan 'locker' penjagaan kanak-kanak, bilik-bilik seminar di setiap wad dan lain-lain.

Dr. Yap Yit Thong Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kementerian kerana ada sebuah hospital yang moden dan canggih. Memang ianya merupakan satu aplikasi Multimedia Super Corridor.

Soalan saya, adakah satu program atau latihan dirancang untuk memastikan bahawa semua doktor, jururawat serta kakitangan lain mahir menggunakan komputer dan peralatan berkomputer yang canggih? Sekian, terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, apabila hospital ini dibina sebelum satu tahun yang lalu kita ada pos beberapa orang doktor dan jururawat di hospital ini dan memberi training kepada mereka. So, memang satu masa yang akan datang kita pun ada 'trial-run' dengan hospital.

Dr. L. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, adakah Kementerian Kesihatan mempunyai sebarang cadangan untuk membina lebih hospital bestari atau IT seperti ini di seluruh negara. Jika ya, saya ingin tahu bilangan dan tempat ia akan didirikan di masa hadapan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kita ada lagi satu Hospital IT di Putrajaya dan kita ada beberapa cadangan di tempat lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran.

Tuan M. Kulasegaran: Soalan saya yang ke-20. Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit pindaan pada barisan yang ketiga iaitu sebelum perkataan 'Ahli-ahli Parlimen' dibacakan dengan ini 'kepada setiap Ahli-ahli Parlimen'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Pembetulan ya.

20. Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan] minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah peruntukan untuk perbelanjaan kawasan telah diberikan sehingga hari ini kepada setiap Ahli-ahli Parlimen. Senaraikan untuk tujuan apa peruntukan ini digunakan dan mengapa peruntukan tidak diberikan kepada ahli-ahli Parlimen pembangkang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan yang telah dipersetujui setakat ini bagi tahun 1999 ialah RM96 juta. Peruntukan ini digunakan untuk membiayai projek-projek infrastruktur kecil dan kemudahan awam seperti jalan, jambatan, surau dan sebagainya yang boleh digunakan oleh seluruh kampung dan orang ramai.

Selain daripada itu peruntukan ini juga boleh digunakan untuk bantuan kecemasan kepada mangsa-mangsa bencana, pemberian komputer, projek-projek ekonomi, pembiayaan kursus, pemberian kepada jabatan dan agensi kerajaan dan bantuan kepada persatuan-persatuan untuk menjalankan aktiviti masing-masing.

Peruntukan tidak diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen pembangkang kerana peruntukan ini adalah peruntukan kerajaan dan ia hanyalah untuk wakil-wakil rakyat kerajaan mencadangkan projek-projek kecil di kawasan masing-masing untuk kemudahan rakyat.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Speaker, pertamanya saya telah membuat pindaan mengatakan untuk setiap Ahli Parlimen. Saya harap jawapan bertulis diberi mengenai hal itu. Kedua, saya hairan dengan pendirian kerajaan memandangkan pembangkang juga adalah dipilih oleh rakyat, pembangkang juga membayar

Seorang Ahli: Asalnya ditolak.

Seorang Ahli: Pembangkang bukan kerajaan.

Tuan M. Kulasegaran:membayar tax dan sebagainya.

Seorang Ahli: Masuk MIClah.

Tuan M. Kulasegaran: Apakah rasional kerajaan mengatakan hanya untuk Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja peruntukan itu telah dan akan diberi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, bagi Wilayah Persekutuan, semua projek dicadangkan oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan

Nasional dan dihantar kepada saya untuk kelulusan. Bagi kawasan-kawasan yang diwakili oleh pembangkang maka saya sendiri menjaga peruntukan tersebut.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, pihak kita difahamkan, bahkan pihak penduduk bagi kawasan-kawasan yang diwakili oleh pihak pembangkang projek kecil ini diurus oleh pegawai daerah melalui parti Barisan Nasional khususnya Ketua Bahagian UMNO. Adakah pihak kementerian telah menyiasat prosedur ini kerana terdapat aduan-aduan di mana soal pilih kasih dan seterusnya terjadi dan bukannya fakta ini bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang kita sedang bincangkan. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Ini betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tertib.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya hairan dan takjub kerana Ahli Yang Berhormat bagi Bandau pernah duduk dalam Barisan Nasional, pernah duduk dalam kerajaan negeri dan bersama-sama dengan kerajaan negeri, bukan sahaja ini dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat tetapi juga oleh Kerajaan Negeri Sabah yang mana Yang Berhormat pernah bersama dengan Kerajaan Negeri Sabah dahulu. Jadi, saya hairan kenapa pada masa itu Yang Berhormat tidak terfikir berkenaan dengan hak asasi manusia, tetapi hari ini baru terfikir. *[Ketawa]*

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa soalan ini adalah soalan politik dan kita lihat yang bangun ini kebanyakan DAP dan PBS, mengapa PAS tidak bangun bertanya? Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat adakah benar bahawa di Kelantan wakil-wakil rakyat daripada PAS dapat peruntukan daripada kerajaan negeri. Ahli Parlimen saya difahamkan mendapat RM40,000. Dahulu waktu Semangat 46 dalam pembangkang mereka pun dapat. Bila mereka keluar daripada pembangkang dan masuk BN peruntukan

RM40,000 telah tidak diberi. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ini memang gimmic politik parti pembangkang. Kalau dia memerintah seperti di Kelantan dia juga tidak mengamalkan hak asasi manusia. *[Ketawa]*

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bersetuju. Tetapi bagi Ahli-ahli Parlimen Semangat 46 mereka beruntung kerana kalau dahulu mereka tidak mendapat RM40,000 sekarang mereka dapat lebih daripada itu.

21. Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu] minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan berapakah jumlah pusat latihan orang cacat di seluruh negara dan apakah program latihan yang diwujudkan serta berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada pusat-pusat tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia bertanggungjawab dalam mentadbir dan menguruskan pusat-pusat latihan dan pemulihan bagi dua kategori kecacatan, iaitu kurang upaya anggota dan kurang upaya akal. Kini terdapat 2 pusat latihan dan pemulihan bagi orang kurang upaya anggota dan 5 buah Taman Sinar Harapan bagi orang kurang upaya akal.

Pusat latihan dan pemulihan untuk kurang upaya anggota menyediakan program dan kursus seperti pemulihan, perubatan, komputer dan kesetiausahaan, jahitan dan rekaan fesyen, pembuatan anggota tiruan, membaiki TV, Radio, pertukangan kayu, kraftangan, lukisan serta kursus akademik. Manakala Taman Sinar Harapan menyediakan pelbagai kursus untuk golongan kurang upaya akal yang berbentuk pravokasional, pemulihan, pendidikan agama dan moral, sukan, rekreasi dan non-formal academic.

Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM6,580,297 untuk tujuan pentadbiran dan pengurusan pusat-pusat latihan dan pemulihan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian Yang Berhormat sedar bahawa ada sindiket memungut orang-orang cacat dan diagih-agihkan di tempat strategik untuk meminta sedekah. Sebab saya difahamkan bahawa kementerian Yang Berhormat ada pusat-pusat latihan tertentu selepas memberi latihan dan ada tugas-tugas masing-masing. Tetapi ada sindiket di Malaysia yang memungut orang-orang cacat dan meletakkan di tempat strategik. Kalau sedar, adakah tindakan diambil terhadap mereka ini?

Dato' G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sedar bahawa ada kegiatan-kegiatan seperti ini tetapi kita tidak sedar bahawa ada sindiket yang mengambil bahagian dalam pengagihan orang-orang cacat ini di pusat-pusat bandar atau lain-lain kawasan. Kalau Yang Berhormat ada berita-berita yang terperinci dan maklumat-maklumat yang tepat berikan kepada kementerian untuk tindakan selanjutnya. *[Ketawa]*

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sering mendengar rayuan daripada pihak kerajaan supaya pihak-pihak majikan sama ada kerajaan mahupun swasta mengambil pekerja daripada mereka yang cacat. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan bagaimanakah sambutan kepada pihak-pihak majikan ini terhadap memberi peluang pekerjaan kepada mereka. Setakat ini berapa ramaikah orang-orang cacat ini telah diberi peluang pekerjaan oleh majikan sama ada swasta ataupun kerajaan?

Dato' G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, sambutan yang diberi oleh pihak swasta termasuk pihak kerajaan dan MIC, kita pun memberi pekerjaan kepada dua orang anggota cacat dan sambutannya baik tetapi saya tidak ada angka-angka berapa jumlah yang diberi peluang pekerjaan. Saya minta notis.

22. Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam] minta Menteri Pengangkutan menyatakan prestasi Keretapi Tanah Melayu (KTM) dari segi pembangunan kemudahan dan perkhidmatan penumpang serta kargo, status kewangan dan aset, dan juga rancangan 'upgrading' lintasan keretapi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya yang pertama ialah mengenai pembangunan kemudahan KTM. Selain daripada kemudahan pengangkutan kereta api yang sedia ada beberapa projek infrastruktur baru telah pun dirancang oleh kerajaan iaitu landasan berkembar dari Rawang ke Ipoh, tempoh siapnya 60 bulan dan kerja-kerja mengenai projek ini akan dijalankan; landasan berkembar elektrik dari Sentul ke Batu Caves juga akan bermula dan tempoh siap projek ini ialah 30 bulan dan sambungan rel ke Pelabuhan Tanjung Pelepas juga akan bermula tidak lama lagi dan projek ini akan siap pada Januari 2002.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perkhidmatan penumpang pula prestasi perkhidmatan penumpang telah meningkat dengan tambahan ketetapan masa dari 70.1% pada tahun 1997 ke 78% pada tahun 1998. Pada November 1998 koc kelas satu berhawa dingin yang baru bertemakan 'Hotel on Wheel', dengan izin, telah pun diperkenalkan di dalam sektor KL ke Singapura dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Hasil kargo telah pun merosot daripada RM87 juta dalam tahun 1997 kepada RM71.8 juta pada tahun lepas. Ini adalah disebabkan suasana ekonomi yang agak muram tetapi dijangka akan pulih tahun ini.

Dari segi status kewangan, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kos operasi telah pun dikurangkan pihak KTMB masih mengalami kerugian RM98 juta berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM133 juta. Baru-baru ini kerajaan telah pun bersetuju untuk menghulurkan bantuan kewangan sebanyak RM25 juta dalam bentuk ekuiti untuk membolehkan KTMB meneruskan operasinya tanpa menjejaskan keselamatan operasi. Dari segi status kewangan pula, aset semasa KTMB adalah RM90 juta, tanggungan semasa adalah RM293 juta, aset tetap ialah RM964 juta. Dari segi akaun untung-rugi KTMB iaitu aset

semasa RM90 juta, hasil yang dipungut pada tahun 1998 ialah RM244 juta dan hasil sebelum cukai adalah defisit RM98 juta.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, rancangan upgrading lintasan kereta api. Lintasan rata kereta api akan ditingkatkan kepada lintasan bertingkat sebagai sebahagian daripada kerja-kerja projek infrastruktur yang telah pun dinyatakan di atas.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masa yang diambil untuk berjalan dari Butterworth ke Kuala Lumpur bagi kereta api ialah lebih kurang sembilan jam. Tetapi bas ekspres dari Butterworth ke Kuala Lumpur adalah hanya empat jam setengah. Bagaimanakah KTM boleh bersaing dengan kenderaan-kenderaan awam yang lain dengan masa yang begitu panjang dan juga baru-baru ini kantin KTM dikatakan kotor sehingga diberhentikan membekal makanan kepada penumpang-penumpang di KTM. Apakah sebabnya kantin KTM ini begitu kotor dan tidak dijaga dengan sempurna?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar tentang saingan pelbagai jenis pengangkutan dari Butterworth ke Kuala Lumpur. Memang benar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bagan iaitu sekarang kalau kita mengambil pengangkutan dengan koc ataupun bas menggunakan jalan raya memang lebih cepat daripada kereta api. Tetapi kerajaan sedang merancang supaya satu perkhidmatan rel pengangkutan kereta api dari Ipoh ke Butterworth akan diadakan di mana koc yang lebih canggih, yang lebih cepat akan dibina dan diguna pakai dalam dua-tiga tahun mulai dari sekarang.

Dari segi masalah kekotoran di kantin kereta api, memang ini seringkali dibangkitkan oleh pelbagai pihak dan KTMB sedang dalam proses dari masa ke semasa mengawal supaya tahap kebersihan di kantin dalam kereta api ini sentiasa dipelihara. Walau bagaimanapun, memang terdapat satu-dua kali kemungkinan isolated occasion di mana kekotoran memang ada, masalah ini memang ada dan kita akan mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap masalah ini.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah yang dicadangkan oleh KTMB supaya menolong menyelesaikan masalah kesesakan lalu-lintas di mana lintasan kereta api itu ada pintu-pintu lintasan kereta api yang menyebabkan kesesakan lalu-lintas. Apakah yang boleh dibuat oleh KTM untuk menolong menyelesaikan masalah ini?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memang dalam negara kita terdapat banyak lagi lintasan rata yang berada di merata tempat di mana bila kereta api lalu semua jenis pengangkutan yang menggunakan jalan raya harus juga berhenti supaya laluan diberikan kepada kereta api. Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini telah memperuntukkan wang ringgit – saya mengaku di sini bahawa saya tidak tahu sebanyak mana peruntukan itu, tetapi ada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh di mana lintasan kereta api, di mana laluan jenis pengangkutan yang lain yang begitu banyak dan sesak akan ditingkatkan.

Dalam perkataan lain peruntukan ini akan digunakan supaya lintasan kereta api yang berbentuk bertingkat-tingkat dapat dibina dan saya tidak boleh pasti berapa lintasan kereta api baru yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi memang ada peruntukan telah disediakan supaya kita dapat membina lebih banyak lintasan kereta api berbentuk bertingkat-tingkat di mana pengangkutan jenis lain yang menggunakan jalan raya, tidak diganggu apabila kereta api berjalan. Sekian.

23. **Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah langganan ASN 2 sejak ianya dilancarkan dan apakah kelebihannya berbanding amanah-amanah saham yang lain; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk memudahkan cara pengeluaran caruman KWSP bagi menggalakkan lebih ramai rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah terutamanya bumiputera untuk melabur.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua,
jawapan soalan:

- (a) Sehingga 9 Julai 1999, ASN2 yang telah dilancarkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 9 Jun 1999 telah berjaya menarik seramai 7,000 orang pelabur dengan pelaburan berjumlah 52 juta unit. Bagi menggalakkan lagi penyertaan yang menyeluruh, PNB telah pun mengadakan Majlis Pelancaran ASN2 di peringkat negeri yang dimulakan dengan negeri Terengganu pada 6 Julai 1999. Ini akan diikuti dengan pelancaran di kesemua 12 negeri yang akan dibuat dalam bulan Julai ini.
- (b) Berbanding dengan saham amanah yang lain, ASN2 memberi kelebihan berikut:
- (i) menawarkan insentif 20 unit percuma bagi 1,000 unit yang dibeli iaitu daripada 10 Jun sehingga 30 September 1999;
 - (ii) menyediakan bayaran khairat kepada pewaris pelabur yang telah meninggal dunia yang layak menerimanya;
 - (iii) membolehkan pencarum KWSP menggunakan sebahagian dari simpanan KWSP mereka untuk melabur dalam ASN2 melalui Skim Dana Pelaburan KWSP; dan
 - (iv) membolehkan pelabur-pelabur ASN, ASB dan ASW 2020 bumiputera yang telah mencapai tahap maksimum di dalam pelaburan mereka melabur dalam satu lagi saham amanah yang diuruskan oleh PNB ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 Jun 1999 seramai 185 orang ahli KSWP telah mengeluarkan sebahagian simpanan KWSP bagi tujuan pelaburan di dalam skim ASN2. Nilai pelaburan yang terlibat adalah sejumlah RM1,549 juta. Objektif utama KWSP ialah untuk menyediakan faedah persaraan kepada ahli dalam tempoh persaraan. Ahli KWSP yang mempunyai sekurang-kurangnya

RM55,000 dalam akaun satu (akaun persaraan) dan belum mencapai umur 55 tahun boleh melabur sendiri sebahagian daripada jumlah simpanan tersebut melalui 35 institusi pengurusan dana yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Pelaburan ini boleh dibuat setiap tiga bulan dari tarikh pemindahan terakhir dibuat dan skim ini terbuka kepada semua ahli warganegara Malaysia. Oleh yang demikian buat masa sekarang KWSP tidak bercadang untuk meminda syarat pengeluaran simpanan ahli yang sedia ada bagi tujuan pelaburan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk kerana menang Ketua Pemuda MCA. *[Ketawa]* Bukan saya yang bercakap ini tetapi daripada Yan, terima kasih. Semalam saya sibuk sedikit dengan Perdana Menteri. Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, saya amat berpuas hati dengan jawapan Timbalan Menteri tentang ASN dan juga mungkin bayaran balik tetapi apabila ekonomi negara kita menghadapi sedikit masalah suatu ketika dahulu, boleh dikatakan kebanyakan amanah saham negeri menghadapi sedikit masalah dan pembayaran dividen mereka itu kadang-kadang tidak mencukupi untuk membayar balik pinjaman yang mereka ambil daripada pihak bank semasa membeli saham tersebut. Bagaimanakah kedudukan amanah-amanah saham negeri ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Satu soalan cukup, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, satu. Bagaimanakah keadaan amanah-amanah saham negeri pada ketika ini dan bolehkah amanah-amanah saham negeri ini dapat membayar dividen yang lebih menggalakkan kepada pelabur-pelabur mereka? Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita melabur dalam skim-skim amanah saham. Ia banyak bergantung kepada kedudukan ekonomi semasa dalam negara kita. Jadi, kalau pada waktu kita menghadapi kegawatan ekonomi, maka sudah tentulah dividennya sama ada kurang ataupun kalau tidak boleh dibayar, tidak dibayar pada tahun itu. Walau bagaimanapun kita sentiasa berusaha untuk memastikan supaya ekonomi kita akan bertambah baik dan sekali gus ia akan membolehkan skim-skim amanah saham untuk membuat bayaran dividen yang baik daripada tahun ke tahun.

Jadi, kalau Yang Berhormat dari Yan bertanya kepada kita, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan supaya skim-skim amanah saham ini akan dapat memberikan bayaran dividen yang baik, maka sudah tentulah jawapannya kita akan berusaha bersungguh-sungguh untuk membolehkan kedudukan ekonomi dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Masa untuk soal jawab telah pun suntuk.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 2-4, 7, 9, 13-17 dan 23 hingga 66 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG PENJAGAAN
BUDAK (PINDAAN) 1999****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penjagaan Budak (Pindaan) 1961, dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA
HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 1999****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

11.10pg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Datuk Menteri, diminta sambung.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:
[Bangun]

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat Datuk Menteri. Yang Berhormat yang ke berapa?

Tuan M. Kulasegaran: 18(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Lapan belas.

Tuan M. Kulasegaran: Satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Saya telah mengusulkan satu usul mengenai Southern Labour India Fund (Pembubaran) dan saya telah memberi notis kepada Tuan Speaker bahawa perkara itu sangat mustahak dan kepentingan orang ramai dan definite. Tetapi saya telah menerima surat mengatakan ia telah ditolak. Saya telah menerima beberapa panggilan dari seluruh negara mengatakan bahawa perkara ini sangat merunsingkan masyarakat India, di mana wang kepunyaan mereka telah diambil oleh kerajaan. [Sorak] Saya memohon agar usul ini didengar serta-merta supaya satu ketetapan diambil oleh Dewan yang mulia ini dalam perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Baik, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan, memang benar bahawa beliau pernah mengemukakan satu usul atas Peraturan Mesyuarat 18(1). Tetapi saya hendak mengingatkan Yang Berhormat bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 36(3), adalah salah pada peraturan mesyuarat jika cuba menimbangkan semula apa-apa perkara tertentu yang telah diputuskan oleh majlis mesyuarat dalam penggal majlis yang ada sekarang kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi membatalkan keputusan majlis mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.

Jadi, Yang Berhormat jelaslah bahawa keputusan itu pernah dibuat pada penggal yang sama dan itulah sebabnya usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ditolak dan tidak dibenarkan untuk membaca usul itu dalam Dewan ini Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Walaupun sedemikian di mana satu perkara yang tidak rasional, saya rasa ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: sama ada Yang Berhormat terima atau tidak, itu terpulang kepada Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Adakah Dewan Rakyat memerlukan beribu-ribu orang datang ke Dewan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Saya rasa Yang Berhormat jangan buat ugutan.

Tuan M. Kulasegaran: Bukan ugutan tetapi saya rasa perkara ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Hak asasi ribu-ribu ...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa ribu-ribu?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya juga boleh mencari sepuluh ribu, kalau rompin datang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Mahukah?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Boleh, saya boleh bawa sepuluh ribu rompin, boleh datang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya punya pun boleh ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, bertenang, itu kerja saya. Yang Berhormat Datuk Menteri, diminta sambung.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya tengok Yang Berhormat dari Teluk Intan ini tidak faham sedikit, sayang, kasihan. Tuan Yang di-Pertua, semalan saya telah memulakan penggulangan perbincangan dan saya ingin menyambung pada pagi ini.

Pertamanya, saya kecewa sekali dengan pendirian pembangkang yang mempertikaikan kejujuran dan keikhlasan kerajaan dalam usaha bagi menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Kita sememangnya faham dengan kedudukan mereka yang kerjanya tidak lain daripada hanya membangkang apa juga yang mahu dilakukan oleh kerajaan. Namun demikian, kita berharap agar mereka mengambil sikap terbuka terhadap perkara-perkara penting dan mempunyai matlamat yang murni dan tidak berbau politik. Janganlah semuanya mahu dipolitikkan, kerajaan tidak begitu mengharapkan sangat sokongan pihak

pembangkang terhadap rang undang-undang ini tetapi sekurang-kurangnya memberi pandangan yang membina.

Dalam proses untuk menyediakan rang undang-undang ini, kita menjemput agensi-agensi kerajaan yang berkenaan untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas dari pelbagai sudut. Kita juga membaca, meneliti, mengambil kira pandangan dan pendapat NGOs dalam merangka undang-undang yang dibentangkan. Tidak mungkin kita dapat menggunakan ke semua pandangan yang dikemukakan tetapi percayalah kita memahami dan menghayati pandangan-pandangan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka dalam merangka rang undang-undang. Saya juga ingin menjelaskan supaya mereka daripada NGOs tidak menggunakan cara dan taktik parti pembangkang dalam mengemukakan pendapat dan pandangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam merangka Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia, kerajaan tidak sekali-kali melepaskan tanggungjawabnya untuk mentadbir dan melaksanakan amanah kepada rakyat secara keseluruhannya. Saya telah mendengar dan meneliti dengan penuh tanggungjawab terhadap semua pandangan yang dikemukakan. Namun demikian, walau apa pun pendirian kita, yang paling penting ialah kita harus putuskan intipati, dengan izin, essence kepada pandangan yang jelas iaitu pada keseluruhannya Dewan yang mulia ini bersetuju supaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ditubuhkan.

Kita juga mendengar parti pembangkang mengenai badan kehakiman negara. Saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang bahawa mereka jangan terlalu ghairah menyerang dan mengkritik badan kehakiman yang menjadi sistem yang kita gunakan dan melaksanakan keadilan selama ini. Kita kluatir dengan serangan yang melulu tanpa memikirkan tentang kepentingan negara keseluruhannya, ia akan meruntuhkan keyakinan rakyat terhadap sistem demokrasi berparlimen dan rule of law di negara ini. Akhirnya, ia boleh menjejaskan keamanan dan kesejahteraan rakyat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa masalah di sini bukanlah serangan yang dibuat oleh parti pembangkang mengenai sistem kehakiman. Masalahnya ialah serangan yang dibuat oleh sistem kehakiman terhadap keadilan sistem dispensation of justice sehingga menghilangkan kepercayaan orang ramai terhadap kebebasan sistem kehakiman kita. Seolah-olah sesiapa yang boleh mempengaruhi kepercayaan orang ramai terhadap sistem kehakiman selain daripada sistem kehakiman sendiri tidak boleh memberi kepercayaan bahawa ia sememangnya benar bahawa rule of law bukan mengikut apa yang pada undang-undang tetapi berasaskan keadilan rule of law dan bukan rule by law.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, apa juga yang kita katakan menunjukkan bahawa teks semalam dan semasa Yang Berhormat membahaskan, Yang Berhormat mengatakan bahawa sistem mahkamah irrelevant dan tidak berguna, betulkah itu? Itu betul. Apabila Yang Berhormat mengatakan sedemikian, Yang Berhormat menyerang badan kehakiman dan menyerang sistem keadilan yang dilaksanakan di dalam negara kita.

Apa yang saya katakan ialah sistem keadilan ini adalah sistem yang telah membolehkan kita untuk terus mencapai keadilan, untuk kita mentadbir dan menguruskan rule of law. Yang Berhormat tidak bersetuju, itu pendapat Yang Berhormat tetapi kita berpegang dengan pendapat kita bahawa sistem keadilan yang dilaksanakan di negara ini adalah satu sistem keadilan yang patut kita sanjungi dan yang patut kita hormati. Kalau kita tidak melaksanakan sedemikian, ia boleh menjejaskan pelbagai perkara yang mendatangkan mudarat kepada rakyat jelata.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat*].

Tuan Lim Kit Siang: Ya saya akui bahawa saya ada kata dalam ucapan saya bahawa sistem kehakiman di negara kita sekarang irrelevant kepada dispensational of justice (keadilan) dan ini bukan oleh kerana kenyataan saya, kenyataan saya ialah tidak mustahak apa yang mustahak ialah kelakuan sistem kehakiman di mana berlagak sehingga dianggap oleh masyarakat bahawa tidak ada bersangkutan paut dengan keadilan, sungguhpun rule by law, tetapi tidak ada rule of law itulah mustahak dan kita tidak boleh mengeneipikan pandangan yang begitu luasnya dalam negara kita oleh kerana ini sudah mencetuskan satu keyakinan terhadap sistem kehakiman. Ini kita perlu untuk mengatasi.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu Yang Berhormat kata dan Yang Berhormat memang mula start serang, bila Yang Berhormat tidak bersetuju dengan keputusan mahkamah ia menjadi satu personal punya serangan yang cuba menggambarkan seolah Yang Berhormat mewakili rakyat ramai. Kalau parti pembangkang mewakili rakyat ramai pada hari ini parti pembangkang sudah menjadi pemerintah dan kita menjadi pembangkang. Jadi soalnya tidak timbul oleh kerana sistem. *[Disampuk]* Kita akan menunggu election, sebab itu jangan gunakan untuk pembentangan Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Malaysia ini untuk membuat election gimmick.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa parti pembangkang daripada PAS dan juga daripada DAP telah menunjukkan minat mereka untuk menyerang pihak polis dan dikritik dengan hebat dalam perbahasan mengenai rang undang-undang ini. Kononnya polis gagal menjalankan tugas dan telah menyalahgunakan kuasanya. Namun pihak pembangkang jangan lupa bahawa mereka tidur lena dan bebas bergerak lebih-lebih lagi Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan ke sana ke mari untuk berceramah dan berkempen ke seluruh pelosok negara adalah disebabkan oleh khidmat dan jasa bakti pihak polis dalam menjamin

keamanan dan law and order.*[Tepuk]* Dalam keghairahan kita untuk menegakkan keadilan sebagaimana Yang Berhormat bagi Tanjong katakan, jangan pula kita memberikan keutamaan kepada penjenayah dan mereka yang melanggar undang-undang lebih daripada pihak polis yang melaksanakan tanggungjawab mereka dengan cukup baik pada keseluruhannya.

Perlu kita memberitahu pihak pembangkang bahawa di mana-mana negara pun kadang-kala terdapat kesilapan dan penyalahgunaan kuasa oleh pihak penguatkuasa. Ini termasuklah negara-negara Barat yang sering kita gunakan sebagai contoh sama ada di Britain, Jerman, Perancis ataupun di Amerika Syarikat sendiri, tetapi ia tidak bermakna bahawa sistem itu telah gagal ataupun perkhidmatannya boleh dikritik dengan secara sedemikian. Jangan kita..

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tanjong bangun.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya habis this sentence ya dengan ayat dengan izin. Saya hendak habiskan ayat ini ya.

Jangan kita lupa kepada pengorbanan pihak polis dalam mempertahankan keamanan negara, ramai yang terkorban dan tercedera dalam menjalankan tugas mereka yang murni ini. Ini termasuk Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang suka membuat tuduhan melulu.

Tuan Yang di-Pertua, daripada pandangan dan pendapat mereka jelas sekali bahawa pihak pembangkang menolak Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Malaysia yang dibentangkan. Mereka telah memberikan pelbagai alasan. Sebenarnya saya telah menjawab dengan penuh apa yang dikemukakan oleh pihak pembangkang dan saya harap mereka tidak mengambil peluang untuk mengambil masa Dewan dan membazir masa...

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Penjelasan mengenai apa, polis?

Tuan Lim Kit Siang: Polis. Ya saya rasa perlulah penjelasan bahawa kita menghargai perkhidmatan, pengorbanan pihak polis dalam menjalankan tugas mereka. Apabila kita mahu satu pasukan polis ada profesionalisma ini bukan bermakna bahawa kita menyerang semua anggota polis, kita pun rasa only minority black sheep tetapi apa yang mustahak ialah sungguhpun kita tidak mahu membela penjenayah tetapi kita tidak mahu mangsa-mangsa khasnya warganegara menjadi mangsa-mangsa di tangan polis yang melakukan penyalahgunaan kuasa, tidak ada profesionalisma dan apa yang kita mahu ialah satu mechanism di mana apabila berlaku penyalahgunaan kuasa oleh pihak polis bahawa satu siasatan bebas boleh diadakan, bukan oleh pihak polis sendiri oleh kerana ini ada basic interest yang ada ditunjukkan pada kes bekas...

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Apa penjelasannya, ini ucapan. Duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri setuju bahawa apa yang kita perlu untuk menyakinkan orang ramai terhadap profesionalisma pihak polis bahawa satu mechanism sebagai satu polis ombudsmen diadakan, di mana orang-orang terkenal bebas boleh menyiasat segala kompelain terhadap pihak polis dan ini patut dialu-alukan.....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang : ...dan ada di negara yang lain.

Seorang Ahli: Ombudsmen di dalam DAP.

Tuan Lim Kit Siang: Patut dialu-alukan untuk menunjukkan akauntabiliti.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Okay, saya fikir mungkin kita pun patut ada badan pengawas untuk mengawas DAP.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, bolehkah hendak kawal DAP?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya sokong.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: DAP.

Tuan Lim Kit Siang: Apa pasal kawal DAP?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Jangan-jangan.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, okay jangan debate lah.. Kita menumpukan masalah hak asasi manusia...

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dia tidak ada apa, dia hendak bagi, saya hendak jawab ini duduk. Ikut prosedur. *[Disampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Okay jangan cheapen debate.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ikut prosedur, saya tadi cakap Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak bercakap berkenaan menggunakan mekanisma, Yang Berhormat juga perlu menghayati mekanisma di dalam Parlimen. Parlimen ada Peraturan Mesyuarat. Ini Yang Berhormat bercakap semasa saya bercakap, macam mana? Itu tidak betul Yang Berhormat, jadi biar saya bercakap, tadi saya dengar Yang Berhormat walaupun dia bukan penjelasan ia sebenarnya ucapan saya fikir cara yang selalu dibuat oleh Yang Berhormat bagi Tanjong, ialah tiap-tiap kali kita tidak puas hati dengan sesuatu tubuhkan suruhanjaya, itu ada satu badan bebas. Sekarang kita mesti melihat apa juga yang dilakukan oleh polis bukan sesuatu yang tersembunyi. Mereka juga ada yang dibawa ke mahkamah, di muka pengadilan tindakan disiplin diambil, jadi kita perlu menghormati tugas, jasa, khidmat mereka untuk menentukan Yang Berhormat ini selamat sentiasa. Jadi be thankful dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin meneruskan penggulungan saya supaya saya dapat habiskan pagi ini untuk menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Parit Sulong saya mengucapkan terima kasih kerana pendapat beliau dan saya bersetuju dengan pendapat beliau bahawa piawaian hak asasi manusia bagi amalan Malaysia tidak perlu divedok 100% dari dunia luar

kerana keadaan dan situasi kita tidak serupa. Saya juga bersetuju dengan cadangan supaya fungsi suruhanjaya memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan perlu diberikan tekanan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Seputeh yang turut menyokong rang undang-undang ini walaupun sokongan tersebut diberi dengan amaran agar suruhanjaya tersebut tidak dijadikan satu suruhanjaya yang ditubuhkan untuk mengabui mata rakyat. Biar saya jelaskan di sini dan saya tekankan bahawa kita tidak menubuhkan suruhanjaya ini dengan tujuan untuk mengabui mata rakyat ataupun dengan tujuan untuk mengambil kepentingan di dalam pilihan raya dan saya ingin mengatakan bahawa suruhanjaya ini adalah sesuatu yang positif yang dapat membantu untuk membangunkan kefahaman dan penghayatan terhadap hak asasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong.... apa entah dia cakap? Yang Berhormat bagi Kepong sekurang-kurangnya telah memberi sedikit 'cahaya' kepada 'zaman gelap' dan tidak bersetuju segala perkara yang dicakap oleh ketua pembangkang semuanya betul, ini ada dalam rekod, dalam *Handsard*.

Ahli Yang Berhormat bagi Kepong hendaklah mengikiskan perasaan sangat sangsi terhadap tindakan kerajaan memilih menubuhkan suruhanjaya kerana pilihan raya akan diadakan. Sebagaimana saya mengatakan suruhanjaya ini tidak perlu diadakan kerana akan diadakan pilihan raya tetapi ianya perlu ditubuhkan oleh kerana ramai yang memohon dan meminta supaya suruhanjaya ini ditubuhkan bagi mendidik, bagi memupuk semangat kefahaman terhadap amalan hak asasi yang telah pun menjadi satu perkara yang lazim yang dilakukan oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Ahli Yang Berhormat bagi Kepong yang mengesahkan bahawa nilai hak asasi manusia perlu mengikut keadaan kesesuaian dalam sesebuah negara. Inilah yang sedang kita lakukan. Kita tidak mahu ceduk 100% daripada apa yang dikatakan oleh orang luar dan kita tahu bahawa ada fahaman-fahaman yang berbeza-beza dan kita hendak tentukan bahawa apa yang

dilaksanakan di negara kita adalah mengikut acuan dan kemahuan dan kehendak negara kita.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Duduklah Yang Berhormat, saya hendak mengatakan para 5 ya, kalau kita ambil Vienna Declaration and Program of Action dengan izin, yang telah diterima di persidangan dunia berkaitan hak asasi manusia pada tahun 1993, ada menyebut dengan izin, *“The international community must treat human rights globally in a fair and equal manner on the same footing and with the same basis, while the significants of national and regional particularities and various historical and cultural and religious background must be born in mind. It is the duty of state to enforce human rights”*, this is what - ini apa yang kita lakukan yang disebut, di dalam deklarasi tersebut adalah yang diamalkan di dalam negara kita dengan secara seimbang dengan cara mengambil kira politik, budaya dan kemasyarakatan dalam negara kita.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya berharap apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat ‘Kota yang Tinggi’ ini dapat disempurnakan, dapat dituntaskan dengan lebih ‘tinggi’. Kota Tinggi bukan kota rendah, kita hendak yang tinggi. Jangan kita cakap sini, di luar buat yang lain jangan, jangan. Adakah Yang Berhormat sedar

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ini macam ini, macam ini..... **Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Takut sama Ketua Pembangkangkah?

Dr. Tan Seng Giaw: Everything has two handles dan satu handle itu untuk publisiti, satu handle itu untuk pelaksanaan dan apakah handle yang digunakan oleh pihak kerajaan sekarang?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Okay. Dia saya fikir bila ada Ketua Pembangkang, dia takut sedikit.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Takut!.... [*Ketawa*] . Takut kena pecat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ya, kalau tidak dia bebas sahaja bercakap. Ini dia jaga, jaga main dengan tangan. Tetapi walau bagaimanapun, memang tiap-tiap perkara yang kita lihat sebab itu dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *there's always two sides to a coin*. Jangan kita mengingatkan satu. Kerajaan kita tidak ragu-ragu membentangkan akta ini walaupun kita tahu ada NGO bersependapat dengan parti pembangkang dan parti pembangkang mempunyai pendekatan yang tersendiri. Bagi kita, kita kena mengambil tindakan permulaan dan tindakan ini telah dilakukan bagi merealisasikan apa yang telah kita amalkan selama ini. Oleh itu kita akan mengambil kira pandangan-pandangan Yang Berhormat tetapi ianya bukanlah segala-galanya, betul apa Yang Berhormat bercakap, Yang Berhormat keluar pun pergi kempen pun lain saya dengar bercakap.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Dia bangun lagi Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti, tidak usahlah dahulu, Yang Berhormat, nanti tidak habis, ini sudah pukul 11.30 pagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dari Yang Berhormat bagi Kepong oleh kerana ada masanya bagus pemikiran kita tidak terkepong.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lumar di atas sokongan beliau kepada rang undang-undang ini dan perkara-perkara yang beliau sebut kebanyakannya, dengan tersendirinya terjawab dalam penjelasan-penjelasan yang telah saya lakukan. Saya bersetuju dengan pandangan beliau bahawa beberapa banyak surat cara yang ditandatangani ini oleh sesebuah negara tidak boleh dijadikan ukuran bagi kita merumuskan sama ada rekod amalan hak asasi manusia di negara tersebut adalah baik ataupun tidak baik.

Terdapat banyak contoh di mana negara-negara yang menandatangani banyak daripada konvensyen dan treaty tetapi dari segi amalannya tidak sebagaimana yang mereka lakukan melalui penandatanganan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, adalah penting bahawa kita menyedari di Malaysia ini amalannya sangat kita boleh banggakan dan ianya memberikan kebebasan dan hak demokrasi kepada rakyat jelata untuk bertindak bebas dan menubuhkan persatuan sebagaimana yang diperakukan oleh kepentingan hak asasi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menjelaskan berkenaan ratifikasi, oleh kerana dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat sama ada negara-negara, kita lihat ada 25, Australia meratifikasikan 19, Canada meratifikasikan 17, China meratifikasikan 8, France meratifikasikan 17, Germany meratifikasikan 23, Italy meratifikasikan 18 dan Jepun meratifikasikan 9, Russian Federation meratifikasikan 18, United Kingdom meratifikasikan 17 dan Amerika Syarikat meratifikasikan 10. Ratifikasi ataupun tidak, ini menunjukkan bahawa soal meratifikasikan konvensyen dan treaty ini bergantung kepada kepentingan dan keperluan sesebuah negara untuk menentukan ianya bersesuaian dengan kehendak dan kepentingan negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya berharap Yang Berhormat tidak akan lagi membawa perkara-perkara ini di dalam hal yang saya sebutkan tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat bagi Kepong bangun lagi Yang Berhormat

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan apakah konvensyen yang telah kita ratifikasi di Malaysia, lima bukan? Apakah yang kita ratifikasikan?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya kena tengok dalam kertas yang saya tulis tetapi tidak ada di sini, nanti saya beri Yang Berhormat.

Yang kita ratifikasikan, semua konvensyen yang kita ratifikasikan adalah lima konvensyen yang kita ratifikasi, enam kita tandatangani. Kalau Yang Berhormat hendak mengetahui berkenaan Political and Civil Rights kita belum tandatangan dan kita tidak meratifikasikan, kita belum tandatangan Economic Social and Cultural Rights, itu pun belum diratifikasikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tanjong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri kata bahawa ada konvensyen-konvensyen yang perlu diratifikasikan dan ia harap bahawa perkara ini tidak akan dibangkitkan lagi. Sebenarnya perkara ini patutlah dibangkitkan sehingga kita boleh meratifikasikan segala konvensyen-konvensyen antarabangsa oleh kerana kita ada komitmen antarabangsa dalam arena hak asasi. Masalah ialah, saya setuju memang sama ada sebuah negara meratifikasikan satu konvensyen antarabangsa mengikut keadaan dan kesesuaian tetapi kenapa dalam perkara ini khasnya International Covenants for Civil and Political Rights sudah begitu lama tahun 1966, sudah 33 tahun, kenapa perkara ini tidak ada satu perbahasan yang melibatkan masyarakat madani, semua NGO termasuk semua parti politik supaya membincangkan sehingga mana kita boleh meratifikasikan.

Sebaliknya semua ini menjadi satu monopoli Barisan Nasional, tidak pernah dibincang, dibahaskan. Bukankah lebih sesuai bahawa semua konvensyen yang pada saat ini kerajaan tidak mahu meratifikasikan, didedahkan kepada orang ramai, rakyat Malaysia untuk mengadakan satu proses rundingan dan perbahasan di mana keputusan diambil perkiraan pandangan-pandangan orang ramai. Still could not find, you want me to go on?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, apa juga yang kita lakukan Yang Berhormat akan tidak bersetuju dan negara-negara yang meratifikasikan konvensyen-konvensyen itu tidak bermakna mereka sebelum mengadakan perkara berkenaan

hak asasi mereka telah meratifikasikan. Itu tidak bermakna langsung, ianya boleh dilakukan kemudian, sebab itu kita mengambil tindakan dan pendekatan melalui proses evolusi untuk kita membawa persoalan yang bersabit dengan konvensyen dan treaty di bawah hal hak asasi ini.

Jadi, oleh itu saya berpendapat bahawa ia tidak menjadi satu kesalahan untuk kita tidak meratifikasikan kesemuanya dan saya ingin membacakan beberapa konvensyen yang telah kita tandatangani.

- (i) Supplementary Convention on the Evolution of Slavery, slave trade, institution and practices similar to slavery and this was done in Geneva on 7th September 1956, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.
- (ii) Convention on the Nationality of Married Women yang diperlakukan di New York pada 20th February 1957.
- (iii) Convention on the Prevention and Punishment of the Crime of Genocide adopted by the General Assembly on 9th December 1948.
- (iv) Convention on the Rights of Child adopted by the General Assembly United Nation pada 20th November 1989.
- (v) Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women adopted by the General Assembly United Nations 18th December 1979.

Ini semua boleh dikatakan kita achieved to the agreement daripada tahun 1957 sehinggalah pada tahun 1995. Ini dilakukan kerana kita berpendapat ianya sesuai dan sejajar dengan apa yang kita kehendaki bagi kepentingan negara kita. Namun demikian, kita sedang mengkaji 19 lagi konvensyen untuk diperakukan atau untuk kita pertimbangkan ataupun untuk kita membuat reservation oleh kerana dalam konvensyen tiap-tiap negara, apabila ia hendak melakukan ratifikasi ia akan meneliti tiap-tiap perkara dan ia berhak untuk membuat reservation dalam perkara-perkara tertentu supaya ia tidak bertentangan dengan fahaman pegangan agama, undang-undang ataupun perkara-perkara yang sedemikian.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang setuju, kita mesti kaji dari semua aspek, semua perspektif, itu tidak boleh dinafikan. Tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan, adakah negara ini sudah pun meratifikasikan Universal Declaration of Human Rights by itself because tadi saya tidak dengar ada Universal Declaration of Human Rights yang merangkumi Civil and Economic Rights and all that, 30 perkara.

Yang Berhormat mesti ingat saya bangkitkan hal ini kerana Parlimen yang pertama, yang meluluskan deklarasi hak-hak asasinya ialah di Paris, Perancis pada tahun 1789. Ini bermakna 210 tahun pun kemudian kita di Malaysia, di Dewan Rakyat membicarakan hal hak-hak asasi, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, jadi 210 tahun. Saya setuju tidak bermakna negara itu meratifikasikan konvensyen-konvensyen ini, mereka akan mengamalkan, itu tidak semestinya. Begitu juga untuk Malaysia dan saya hendak penjelasan itu, adakah kita mengiktirafkan atau meratifikasikan Universal Declaration of Human Rights by itself.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua kerana Yang Berhormat bercakap dari bermulanya Revolusi Perancis, Yang Berhormat salah, ada fahaman-fahaman, pegangan ahli-ahli falsafah yang berbeza daripada apa Yang Berhormat cakap. Islam sendiri adalah satu agama yang lama dan mengakui kewujudan dan kepentingan hak asasi. Masa 200 tahun dahulu Yang Berhormat tahu kezaliman yang dilakukan oleh pihak penjajah amat dahsyat sekali. Jadi, jangan kita bawa contoh orang-orang yang tidak mengamalkan pada ketika itu, lihat pada masa sekarang. Jadi, duduklah dulu. Sudah cakap - cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu berkenaan dengan Universal Declaration of Human Rights. Apabila kita menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kita tergabung di dalam Universal Declaration of Human Rights. Sebab itu banyak negara mengambil contoh daripada Universal Declaration of Human Rights untuk memuatkan di dalam perlembagaannya, prinsipnya, intipatinya. Kita pun berbuat demikian dengan mengisikan dalam Artikel 5 hingga

13, sama ada itu mencukupi kehendak Yang Berhormat atau tidak, itu soal lain. Itu bermakna kita sudah pun dari segi undang-undang, dari segi amalan kita mengambil prinsip 30 yang terkandung dalam Universal Declaration of Human Rights. Jadi, soal itu tidak berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong yang kadang-kala dia cuba jadi intelektual tetapi kerana dia duduk satu tempat yang mengepung pemikirannya dan saya cadangkan tidak usahlah lama duduk dalam DAP. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Gelang Patah mencadangkan supaya ada sekatan dari segi tempoh seseorang itu yang patut berkhidmat. Saya fikir soalnya sekarang ialah biar kita tubuhkan dan kita tidak memberikan sekatan dari segi tempoh dua tahun dan ianya boleh disambung kemudian.

Yang Berhormat dari Machang telah mengemukakan pandangan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari PAS walaupun mereka bercakap berkenaan Islam, mereka selalu menganjurkan fitnah, mereka membuat pembohongan, mereka menyalahafsirkan Al-Quran dan mereka mengelirukan umat Islam. Jadi, mereka perlu membuat pembetulan dalaman kepada perjuangan parti mereka yang berasaskan bukan sahaja kepada pembacaan ayat-ayat Al-Quran tetapi juga pengamalan apa yang dianjurkan oleh Al-Quran dan sunnah Rasulullah. Jadi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Machang.

Daripada Sepang saya menghargai pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada wanita, daripada Barisan Nasional yang menggambarkan bahawa kita perlu mengatasi soal-soal diskriminasi, soal-soal yang dianggap menyentuh hak dan kepentingan wanita. Kita akan mengambil kira segala pandangan itu dan tentukan bahawa ianya akan dapat akhirnya mendatangkan manfaat kepada kaum wanita di dalam negara kita yang memberikan sumbangan yang amat banyak terhadap pembangunan negara kita.

Yang Berhormat dari Senai telah memberikan pandangan bahawa tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk memperkukuhkan asas ekonomi dan pembangunan negara adalah satu perkara penting yang terkandung di dalam Economic Social and Cultural Rights. Oleh itu beliau memberikan sokongan, kita mengucapkan terima kasih di atas sokongan Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Teluk Intan, saya ingin mengingatkan Yang Berhormat dari Teluk Intan, jangan beliau menggunakan Dewan ini untuk menggunakan dan mengambil tindakan dan menggugut yang di luar undang-undang. Apa juga yang kita kita lakukan perlulah ianya dilakukan mengikut proses undang-undang. Jangan kita bawa orang untuk berdemonstrasi, untuk tunjukkan kekuatan kita. Kalau ada apa-apa ancaman kepada keselamatan dan keamanan awam, kerajaan terpaksa mengambil tindakan. Oleh itu saya berharap Yang Berhormat dari Teluk Intan lebih berhati-hati di dalam beliau memberikan pandangan berkenaan perkara itu dan beliau sendiri adalah seorang yang menang dalam pilihan raya kecil. Kalau dia menang dalam pilihan raya kecil menunjukkan bahawa amalan demokrasi dalam negara kita wujud dengan subur dan beliau berjaya untuk duduk di sini. Oleh itu beliau kena bersikap lebih bertanggungjawab di dalam membuat kenyataan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Bendera walaupun menyokong, beliau adalah salah seorang yang menganggap bahawa Akta ISA - Keselamatan Dalam Negeri perlu dihapuskan, dimansuhkan. Jadi, saya menghargai pandangan beliau, namun demikian, ini saya hendak beritahu pada Tanjong, orang-orang daripada Barisan Nasional, mereka boleh membuat pandangan dan pendapat mereka masing-masing.

Mereka membuat pandangan dan pendapat oleh kerana beliau percaya bahawa undang-undang lain boleh digunakan untuk tujuan yang sama ataupun memenuhi hasrat dan cita-cita. Buat masa ini walaupun kita terus mengkaji kepentingan dan keperluan undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri,

namun demikian belum ada tujuan untuk kita memindanya buat masa ini tetapi pandangan Yang Berhormat kita ambil kira.

Yang Berhormat dari Tuaran telah mengatakan bahawa ini adalah sebagai PR Exercise dan saya ingin mengatakan bahawa ia bukanlah PR Exercise dan kita bersungguh-sungguh, jujur dan ikhlas di dalam membentangkan rang undang-undang ini.

Yang Berhormat dari Kota Bharu memberikan pandangan wanita dan kita mengalu-alukan pandangan beliau dan kita mengambil perhatian. Begitu juga Yang Berhormat daripada Serdang, kita mengalu-alukan pandangan dari Sibul, dari Johor Bahru, kita bersetuju bahawa apa juga yang kita lakukan kita mesti memberikan input daripada negara kita sendiri untuk menjamin bahawa negara kita akan dibangunkan mengikut acuan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa walaupun kita mempunyai akta-akta yang mengawal beberapa cara kita melaksanakan dan mengamalkan kebebasan, kita lihat di universiti dan maktab-maktab diadakan pelbagai ceramah dan parti-parti pembangkang sering memasuki universiti dan maktab-maktab untuk mempengaruhi pelajar-pelajar. Kita boleh mengambil jalan menyekat ini semua, tetapi kerajaan dari segi amalannya membiarkan ini semua berlaku. Oleh itu Yang Berhormat daripada parti-parti pembangkang hendaklah mengambil jalan yang munasabah yang tidak boleh memporak-perandakan atau membohongi orang ramai terhadap perkara yang sebenar yang berlaku dalam negara kita.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar, saya dalam tempoh dua dekad ini sering pergi ke universiti tetapi tidak membohongkan sesiapa. Kita bincangkan secara akademik apakah perlu dibincang untuk negara ini dari segi pelbagai masalah termasuk ekonomi dan politik. Semua dalam keadaan bernas dan membina.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu Yang Berhormat kata, tetapi cara Yang Berhormat mengemukakan pendapat dan mengemukakan sesuatu adalah bertujuan untuk mencari pengaruh politik. Oleh itu, Yang Berhormat cuba mempolitikkan apa juga maklumat yang telah Yang Berhormat berikan. Walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat buat kerja-kerja yang bagus, kita boleh gunakan Yang Berhormat untuk tujuan kerajaan dan masuk parti kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya ingin mengucapkan terima kasih kepada setiap seorang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Mungkin daripada penggulangan saya tadi, ada tertinggal mana-mana pandangan, pendapat atau saranan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai saya telah mengambil nota, kita akan mengambil perhatian di atas tiap-tiap pandangan yang dikemukakan. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Semalam saya ada cadang kepada Yang Berhormat Menteri meminta persetujuan beliau bahawa rang undang-undang ini dirujuk kepada Select Committee. Sungguhpun semalam beliau kata bahawa tidak bersetuju apabila saya jumpa dia di luar Dewan saya pun ada cadang patutlah dikaji semula oleh kerana kita mahu satu Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia

yang berkesan, yang berwibawa, yang boleh dapat sokongan semua lapisan masyarakat. Kita di dalam DAP bukan menentang menubuhkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya mahu cadang. Dalam cadangan saya bahawa rang undang-undang ini dirujuk kepada Jawatankuasa Terpilih oleh kerana perlulah satu peluang di mana semua lapisan boleh memberi pandangan untuk menyempurnakan rang undang-undang ini oleh kerana kita bukan menentang suruhanjaya ini tetapi kita mahu satu suruhanjaya apabila ditubuh ada kredibiliti, kewibawaan dan kita rasa ini cara yang baik dan menandakan satu permulaan yang baik untuk melibatkan semua lapisan masyarakat dalam menggubal rang undang-undang ini. Saya cadang bahawa rang undang-undang ini dirujuk kepada Select Committee.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peraturan mesyuarat saya kena kemukakan kepada Dewan cadangan Yang Berhormat bagi Tanjong. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan ataupun Select Committee.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
***mempengersukan Jawatankuasa*]:**

Fasal 1 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2 – [Pindaan daripada Yang Berhormat bagi Tanjong].

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya sudah beri notis untuk meminda Fasal 2 “Tafsiran” mengenai “hak asasi manusia” dipinda seperti berikut:

Batalkan bahagian ayat selepas perkataan “merujuk kepada kebebasan asasi sebagaimana” dan digantikan dengan “dan dijamin di bawah Bahagian II Perlembagaan Persekutuan atau yang termaktub di dalam perjanjian-perjanjian, konvensyen-konvensyen serta persetujuan-persetujuan antarabangsa yang mana Malaysia merupakan sebahagiannya”.

Tuan Pengerusi, maksud pindaan ini ialah supaya suruhanjaya hak-hak asasi manusia apabila ditubuhkan bolehlah ada jurisdiction, ada kuasa menyiasat segala isu-isu yang ada bersabit dengan hak-hak asasi dan kalau definisi yang kita ada dalam rang undang-undang yang terhad kepada apa yang ada dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan Malaysia sangat sempit khasnya kita boleh lihat banyak evolusi. Yang Berhormat Menteri kata banyak evolusi konsep hak asasi sudah berlaku dalam 40 tahun sejak perlembagaan ini digubalkan.

Sebagai contohnya, dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan sungguhpun ada menyebut bahawa tidak ada diskriminasi asas kaum atau agama, tidak ada sebut bahawa tidak patut ada diskriminasi atas jantina. Ini perlulah disempurnakan, sebab itu kita perlu rujuk kepada konvensyen-konvensyen dan covenant antarabangsa dan di mana adalah memberi makna yang lebih sempurna kepada hak asasi. Semalam dalam perbahasan pun ada ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional yang kata kenapa pihak kuasa-kuasa negara-negara Barat tidak menumpukan mengenai hak-hak asasi khasnya daripada segi sosio-ekonomi khasnya hak untuk pembangunan.

Kita bersetuju bahawa hak asasi bukan sahaja ditumpukan kepada political civil tetapi juga social economic cultural. Dan sebab itu kalau kita terhad kepada definisi dalam perlembagaan yang ada sangat sempit dan saya tidak tahu kenapa

Yang Berhormat Menteri sendiri kata dalam ucapan beliau menegaskan betapa pentingnya hak asasi lain-lain daripada yang ada dalam perlembagaan yang disebut atau didefinisikan dalam perlembagaan. Sebab itulah kita perlu satu konsep, satu definisi hak asasi yang seluas-luasnya dan sebab itu saya bercadang kita bukan sahaja rujuk kepada Bahagian II Perlembagaan Persekutuan tetapi perjanjian-perjanjian, konvensyen-konvensyen serta persetujuan-persetujuan antarabangsa yang mana Malaysia merupakan sebahagiannya.

Tadi kita dengar bahawa Malaysia belum mahu meratifikasikan covenant-covenant hak-hak asasi antarabangsa khasnya tiga instruments yang penting. Instruments yang penting tersebut ialah Universal Declaration of Human Rights, International Covenant of Civil and Political Rights dan International Covenant of Social, Economic and Cultural Rights. Saya pun tidak boleh bersetuju bahawa sebab-sebab kenapa begitu lama Malaysia ambil untuk meratifikasikannya. Tetapi kita perlu pinda Fasal 2 "Tafsiran" supaya Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia apabila menjalankan tugasnya boleh rujuk kepada konvensyen-konvensyen, covenant-covenant antarabangsa mengenai hak-hak asasi di mana Malaysia adalah menjadi sebahagiannya. Kita ada undi sokong dalam general assembly tahun 1966, kita ada memberi undi untuk menyokong International Covenant of Political Civil Rights. Ini mustahak oleh kerana kita perlu faham bahawa hak asasi yang ada didefinisikan dalam perlembagaan kita sangat sempit.

Satu lagi contoh ialah hak mengenai rights to development, rights to information, semuanya sangat mustahak. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri kata ini ada dikaji oleh negara-negara yang lain tetapi apa yang mustahak bukan dikaji oleh negara-negara yang lain ialah bahawa hak-hak ini dihormati, dijunjungi oleh negara kita 'rights to information' supaya kita menjadi seperti Thailand atau Philipine ada freedom of information act, kenapa kita di Malaysia tidak ada? Soalan sekarang bukan sama ada kita patut mengadakan satu freedom of information act.

Sungguhpun kita patut tetapi ialah hak rights to information sangat mustahak patut dianggap sebagai satu hak asasi dan sebab itu kalau kita ikut Perlembagaan Malaysia ini tidak timbul tetapi kalau kita memindahkan tafsiran di mana Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia merujuk kepada perjanjian-perjanjian, konvensyen-konvensyen dan persetujuan-persetujuan antarabangsa hak-hak asasi yang lebih menyeluruh boleh menjadi satu landasan untuk memberi panduan kepada Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong itu sekarang terbuka untuk dibahas. Kepong.

11.55 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini untuk menyokong cadangan Yang Berhormat bagi Tanjong dan saya berharap di sebelah sana termasuk Yang Berhormat bagi Tambun pun boleh mengambil bahagian kerana semua itu menganggap hak asasi manusia itu penting sekali. Jadi saya tidak terhad kepada pengaruh daripada Yang Berhormat bagi Tanjong. Di sini saya beritahu Yang Berhormat bagi Kota Tinggi, dia ini Kota Tinggi, orang tidak begitu tinggi tetapi hasrat tinggi juga. *[Ketawa]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, saya fikir dia sudah membuat sangkaan buruk kepada keadaan dan kalau hendak bercaka, cakap sahaja, jangan macam ini, lepas itu saya boleh jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila teruskan perbahasan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita hendak dia tinggi pun tidak boleh. Dia kata sangkaan jahat pula. Jadi janganlah sangka jahat begitu cepat. *[Ketawa]*.

Tuan Pengerusi, cadangan ini adalah baik kerana seperti mana yang saya sebutkan skop yang termaktub dalam rang undang-undang ini adalah sangat sempit. Saya bangkitkan masalah yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat

bagi Kota Tinggi ialah mengenai nilai-nilai seperti masalah pengabdian (slavery) dan forced labour yang tidak timbul di negara ini, saya berharaplah tidak timbul. Ini bermakna kita mesti meluaskan skop kita dari segi semua jenis nilai hak asasi manusia.

Di sini Yang Berhormat bagi Tanjong sudah pun ada sebutkan mengenai International Covenant on Civil and Political Rights dan juga International Covenant on Civil and Economic Rights dan sebagainya dan ada yang lain termasuk Helsinki accords dan di benua-benua lain seperti American Convention on Human Rights juga ada, The European Convention on Human Rights, mungkin Asian Convention on Human Rights akan diadakan di Asia, mungkin akan dianjurkan oleh pihak Malaysia, saya pun merasa bangga jikalau itu boleh dibuat dan juga mungkin kita perlu adakan satu sidang kemuncak (summit) untuk masalah hak-hak asasi. Di sini saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat bagi Kota Tinggi bahawa saya bersetuju pada satu hakikat bahawa Yang Berhormat dan kerajaan ada pengiktirafan dan kesedaran sedikit bahawa hak-hak asasi ini penting.

Tujuan untuk mengadakan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Tinggi bahawa tujuan semuanya adalah baik, semuanya autistic. Kita ada tujuan yang baik. Tidak ada udang di sebalik batu. Adakah ini benar? Jadi sangkaan orang tidak benar dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya berharap semua itu benar.

Walaupun bagaimanapun, yang saya tekankan di sini bahawa bukan zahir sahaja, form rangka ataupun pada zahirnya setuju tetapi yang penting sekali ialah isi kandungannya. Yang disebutkan oleh Kota Tinggi itu intipati yang penting. Saya bersetuju juga, kita mesti mengkaji sedalam-dalamnya bagaimana kita melaksanakan nilai-nilai sejagat yang termaktub di dalam semua konvensyen ini dapat dikuatkuasakan di Malaysia ini dengan beransur-ansurlah.

Saya bersetuju kita tidak boleh hendak melaksanakan dengan begitu cepat, tetapi walau bagaimanapun, kerana ada tekanan-tekanan daripada luar dan juga daripada rakyat Malaysia sendiri termasuk NGO maka kerajaan hendak menunjukkan kepekaannya untuk mengadakan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia walaupun lewat sedikit.

Saya berharap inilah time and tied hendak menggunakan phrase Shakespeare juga, time and tied dan golden opportunity untuk melaksanakan penguatkuasaan dan menghayati hak-hak asasi manusia dengan merangkumi nilai-nilai sejagat yang termaktub di dalam semua konvensyen hak-hak asasi manusia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tanjong Karang.

12.01 tgh.

Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin memberi pandangan sedikit mengenai cadangan pindaan yang dibawa oleh Ketua Pembangkang yang meminta kita juga mengikuti perjanjian-perjanjian konvensyen serta persatuan pejuang antarabangsa dan Malaysia merupakan sebahagiannya.

Saya kira cadangan ini tidak munasabah untuk kita laksanakan kerana memang benar kita ini memperkatakan hak asasi sejagat, tetapi hak asasi sejagat kita mestilah sesuai dengan keadaan negara kita, dengan norm kita, dengan budaya kita dan juga negara kita yang berbilang agama, berbilang kaum di Malaysia ini.

Saya amat bersetuju kalau dinyatakan bahawa definisi ini mestilah tertakluk kepada Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan kerana ini kita telah terimapakai seperti mana Yang Berhormat Menteri menyatakan semua 50 resolusi itu termaktub di bawah Bahagian 2 tetapi kita ubahsuai, kalau hendak kira hak asasi manusia sejagat, saya rasa artikel-artikel di dalam Perlembagaan ini juga kita masih boleh pertikaikan. Seperti Artikel 8 sebagai contoh, a quality before the

law, persamaan hak dari segi undang-undang. Tetapi di Malaysia ini kita telah menerima bahawa Sultan sebagai contoh, above the law. Kalau hendak menerusi hak asasi mesti semua tidak kira Sultan ataupun siapa, mesti tertakluk kepada undang-undang yang sama.

Begitu juga kita di Malaysia ini, kita ada dua mahkamah sebagai contoh, kalau ikut undang-undang sesiapa sahaja yang dihadapkan di mahkamah, ia mesti boleh didakwa tetapi di negara kita, di Mahkamah Syariah sebagai contoh, kalau ada dua orang didakwa, khalwat sebagai contoh, yang satu Islam dan yang satu bukan Islam, jadi di Mahkamah Syariah yang bukan Islam terlepas, yang Islam sahaja yang boleh didakwa.

Ini daripada segi Perlembagaan kita juga seolah-olah tidak adil, tetapi ini kita telah terima,. Kita telah terimapakai di Malaysia ini, kita menghormati bahawa kebebasan beragama dan kita sesuaikan dengan keadaan kita. Sebagai yang dikatakan Sultan above the law, kerana kita tahu sejarah kita, Sultanlah yang merupakan pemerintah yang asal dan kita terima. Oleh itu, kita meletak mereka ini di atas undang-undang.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Begitu juga Mahkamah Syariah yang saya nyatakan tadi, kalau kita melihat Artikel 10, kalau kita hendak kebebasan berpersatuan, bermakna semua orang di Malaysia ini bebas masuk mana-mana parti politik, boleh memegang jawatan di dalam parti politik tetapi ada golongan yang tertentu seperti pegawai-pegawai kerajaan dalam Kumpulan A tidak boleh berpolitik, dia memegang jawatan pun tidak boleh. Kalau dalam UMNO Kumpulan A mempengerusikan Mesyuarat UMNO Cawangan. Mesyuaratnya tidak sah, hendak jadi jawatankuasa biro pun tidak boleh kecuali pembangkang. Ini sekarang pihak pembangkang mengambil kesempatan, pegawai-pegawai Kumpulan A yang mana tidak mendapat tempat di dalam UMNO, mereka memberi sokongan kepada parti pembangkang, PAS ataupun DAP kerana mereka ini telah memang terkenal tidak akan menghormati

undang-undang dan juga peraturan. Bila kita langgar undang-undang dia nampak, tetapi bila dia yang melanggar undang-undang, dia tidak nampak.

Jadi, begitu juga kumpulan yang lain, tentera dan polis sebagai contoh, tidak boleh berpolitik dan juga para pelajar seperti yang saya nyatakan semalam.

Tuan Yunof Edward Maringking: [*Bangun*]

Tuan Haji Noh bin Omar: Bolehkah penjelasan dalam perbahasan begini?

Tuan Pengerusi: Ya, ya boleh.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Pengerusi, mesti boleh, mengapa tidak boleh, minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Karang kerana tadi kakitangan kerajaan yang dalam Kumpulan A tidak ada tempat dalam UMNO maka penyokong pihak pembangkang. Jadi, Yang Berhormat kata mereka bersifat demikian oleh kerana memang tidak mahu menghormati undang-undang.

Adakah ini pandangan Yang Berhormat bahawa hanya kalau dia menyokong UMNO ataupun Barisan Nasional baru boleh dikatakan turut kepada undang-undang. Jadi, apakah hak asasi manusia be gini?

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, itulah yang saya nyatakan tadi, saya ambil contoh bahawa kalau ikut Artikel 10 ini semua orang bebas berpolitik tetapi di negara kita, kita menerima pegawai-pegawai Kumpulan A tidak boleh berpolitik dalam UMNO. UMNO sebagai parti yang memerintah, kita menghormati Perintah Am Bab D ini, mana-mana Kumpulan A yang memegang jawatan dalam parti dengan sendirinya terbatal, menjadi perwakilan pun tidak boleh, jadi pemeriksa kira-kira pun tidak boleh.

Kalau dia jadi pengerusi mesyuarat, mesyuarat UMNO itu batal. Tetapi pembangkang, sebagai contoh PAS – berapa ramai guru-guru Kumpulan A yang pegang jawatan. Jadi, bila kita kompelin kepada pihak kerajaan, dia kata: “Ha, lihat orang-orang UMNO suka kompelin, suka minta tukar pegawai-pegawai

kerajaan.” Kerana kita dapati parti pembangkang sendiri tidak tegas, tidak seperti UMNO. Kalau betul-betul tegas, mana pegawai-pegawai kerajaan Kumpulan A’ yang pergi berceramah, yang pegang jawatan di peringkat cawangan dan juga kawasan. Parti-parti pembangkang kena diambil tindakan, jangan terima mereka ini kerana undang-undang kita ada.

Jadi, itulah yang saya nyatakan tadi, kalau ikut Artikel 10 memang betul, kebebasan berserikat tetapi kita sudah terima bahawa di dalam negara kita ada kumpulan-kumpulan tertentu tidak boleh berpolitik seperti orang bankrap. Di dalam undang-undang Akta Pertubuhan mereka yang bankrap tidak boleh berpolitik, tidak boleh memegang jawatan dalam politik, mereka yang kena tahanan penjara seperti Lim Guan Eng, selama lima tahun dipenjara dan lepas daripada tarikh dia keluar baru dia boleh bertanding dalam pilihan raya. Kalau hendak dikira hak asasi sejagat ini patut tidak boleh timbul, dia kena penjarakah, dia bankrapkah, itu hal peribadi.

Jadi, sebab itu, hari ini kita mesti pegang kepada Perlembagaan kita yang kita telah terima selama ini, selama kita merdeka. Jangan cuba ubah status quo ini yang boleh mengelirukan rakyat, yang ini yang kadang-kadang pihak pembangkang mengambil kesempatan, menimbulkan semangat-semangat yang perkara baru yang boleh mengelirukan rakyat seolah-olah negara kita tidak adil.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali, kita ada sovereignty kita sendiri, hak kuasa mutlak kita sendiri, Mahkamah tertinggi, kita bimbang kalau kita tertakluk dengan perjanjian-perjanjian antarabangsa, nanti ada pula pihak-pihak tertentu yang lebih bijak pergi membuat rayuan apabila tidak puas hati dengan suruhanjaya kita ataupun mahkamah kita mungkin mereka boleh merayu kepada Court of Human Rights di Geneva. Ini berlaku di United Kingdom beberapa kes yang diputuskan oleh Mahkamah Agungnya- House of Lord, mereka tidak puas hati, mereka pergi appeal kepada Court of Human Rights.

Jadi, kalau kita buka ruang ini seluas-luasnya, saya percaya ada orang-orang atau rakyat Malaysia terutamanya parti-parti pembangkang yang biasa mempunyai hubungan di peringkat antarabangsa seperti Ketua Pembangkang, bercakap sahaja di arena antarabangsa menghentam kita, seolah-olah kita tidak ada hak asasi manusia dan sebab itu kita tidak boleh membuka ruang ini seluas-luasnya kerana kita ada mahkamah kita sendiri dan mahkamah yang tertinggi kemudian kita tidak rela apabila keputusan mahkamah yang tertinggi di Malaysia ini telah membuat keputusan ada pula pihak yang hendak merayu pula kepada Court of Human Rights di Geneva kalau kita tidak memberi tafsiran yang sejelas-jelasnya apa erti hak asasi manusia ini.

Oleh itu, saya amat menyokong cadangan daripada pihak kerajaan bahawa definisi hak asasi manusia ini hanya tertakluk kepada Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Pengerusi: Tuaran.

12.07 tgh.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya bangun untuk menyokong cadangan ini yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong selaku pencadang pindaan yang sudah pun kita dengar alasan beliau tadi.

Kelmarin semasa membahas akta ini, saya telah katakan bahawa tafsiran hak asasi manusia yang terkongkong kepada Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan itu, saya rasa adalah tidak memadai oleh kerana kita tahu bahawa apa yang tertera ataupun yang termaktub di dalam Perlembagaan itu sendiri memang kita sedia maklum yang ianya hanya tertumpu kepada hak-hak yang ada di situ, tetapi masih ada keperluan sejagat yang perlu kita mengambil kira dan menghormati hak rakyat Malaysia yang mana walaupun kita ini mempunyai undang-undang sendiri tetapi kita jangan lupa, we are part of the international community, dengan izin.

Jadi, kalau kita menafikan kesesuaian Declaration of Human Right of United Nations itu sedangkan kita juga ahli Bangsa-Bangsa Bersatu, maka kita ini seolah-olah double standard. Oleh kerana kadangkala kita mempunyai kepincangan sendiri di mana tafsiran kita mengenai hak asasi manusia itu, we try to limited to the very minimum to suit our own or certain people need.

Jadi, saya rasa pindaan ini adalah sesuai dan perlu dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Saya ulangi bahawa tidak semestinya kita luluskan undang-undang ini dalam persidangan ini, kita boleh tangguhkan, walaupun ianya hanya menjadi PR exercise, tetapi kerajaan tidak akan hilang air muka, ataupun won't loose its face, kalau kita tangguhkan kelulusan rang undang-undang ini.

Sebaliknya mungkin kalau pihak kerajaan mengambil kira cadangan dari Tanjong ini, ia akan membuktikan kepada dunia bahawa sesungguhnya kita serius di dalam pelaksanaan Human Rights Act ini.

Yang keduanya, ialah saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya kita tidak dapat menerima International Declaration of Human Rights ini. Saya tidak bercadang bahawa kita menerima sepenuhnya tetapi cadangan dari Tanjong ini bukan bererti kita mesti terikat sepenuhnya. Kita harus melihat apa yang tertera ataupun apa yang ada dicadangkan di situ, jelas mengatakan bahawa yang dijamin di bawah Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan atau yang termaktub di dalam perjanjian-perjanjian, konvensyen-konvensyen serta persetujuan-persetujuan antarabangsa yang mana Malaysia merupakan sebahagiannya.

Jadi, bagaimanakah kita boleh menolak cadangan ini, adakah ini bermaksud bahawa kerajaan menolak ratifikasi beberapa konvensyen antarabangsa itu, ini bererti kita mempunyai very low standard of the human right, dengan izin.

Tuan Pengerusi, jadi saya rasa cadangan ini perlu dipersetujui dan untuk itu, saya menyokong. Berkenaan dengan keraguan sahabat daripada Tanjong Karang bahawa kalau cadangan ini diluluskan, maka dia kluatir kalau-kalau nanti

ahli-ahli pembangkang akan membawa kes-kes human right ke forum antarabangsa, saya rasa keraguan ini tidak timbul oleh kerana walaupun kita meluluskan undang-undang ini ataupun cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong ini, bukan bererti kita buka mahkamah kita kepada antarabangsa.

Saya fikir with the respect to him, his fear is misconisive, dengan izin. Kita harus faham bahawa undang-undang kita ini akan dilaksana di dalam mahkamah kita sendiri dan tidak sewenang-wenangnya mana-mana rakyat akan membawa perkara kepada mahkamah antarabangsa, sebaliknya kalau kita tidak ambil kira international standard of human right, dengan izin, maka di situlah timbul perasaan di mana kita ada standard sendiri untuk human rights dan ada standard human right di peringkat antarabangsa yang mungkin yang bijak di antara kita dengan masyarakat dunia.

Maka jika demikian maka timbullan perasaan yang kita ini mempunyai law quality of human rights, dengan izin.

Tuan Pengerusi, oleh itu saya menyokong cadangan ini.

Tuan Pengerusi: Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyokong hujah-hujah yang diberi oleh rakan saya dari Tanjong Karang. Memang banyak dan dua masalah yang dibangkitkan oleh rakan dari Tuaran mengatakan sebenarnya kita akan membuka soalan-soalan mahkamah kita dan sebagainya. Kalau Tuan Pengerusi masih ingat sebelum British masuk EEC pada tahun 1972, tiga Blackburn cases yang dibawa ke mahkamah England sampai ke House of Lord yang mana pihak Mr. Blackburn curiga kalau British join EEC, Eurasian of sovereignty bukan sahaja Kerajaan Britain tetapi juga Parlimen Britain, ini telah dibangkitkan, memang di sana sini soalan kecurigaan ini berbangkit, Tuan Pengerusi.

Jadi, Yang Berhormat saya hendak balik kepada diskriminasi. Soal diskriminasi ini bukan wujud dalam culture di negara kita orang Timur. Masalah diskriminasi, Yang Berhormat, sebenarnya wujud dalam masyarakat orang Kulit Putih. Jadi, kalau Yang Berhormat lihat, macam mana dahulu apabila British berada di China, kelab-kelab untuk orang Putih berekreasi dan sebagainya katanya, “No dog and Chinese can enter” - orang Putih sahaja yang boleh masuk. Ini soal diskriminasi dan equality, Tuan Pengerusi.

Kita lihat juga baru sekarang apartheid di South Africa habis. Kita lihat semasa Ian Smith Rhodesia di Zimbabwe sekarang, ini semua soal orang Putih. Macam mana di Amerika yang mana orang kulit hitam yang menjadi hamba abdi dan sebagainya. Kita baca semua sejarah di seluruh dunia memang masalah diskriminasi dan persoalan tidak memberi hak yang sama kepada semua masyarakat, makhluk yang dikatakan manusia ini kepada semua orang dalam masyarakat mereka ialah di dalam negara orang Putih. Tidak ada wujud di negara kita Asia, orang Timur dan sebagainya. Di sini masalah tidak berbangkit.

Kita boleh lihat juga di Australia, umpamanya, bila masa criminal dihantar ke Australia sebagai panel colony di Australia. Lepas tahun 1951 atau 1952 baru orang Aborigine di Australia menjadi citizen Australia, sebelum itu bukan. Jadi, maknanya wujud Convention of Human Rights dan sebagainya itu adalah berbangkit daripada soalan-soalan orang Putih pada mula-mulanya.

Oleh kerana pada ketika itu, macam Hitler di Europe umpamanya, mengatakan orang yang utama di dunia ini ialah orang Arian Putih, orang yang berkulit putih. Bahkan, orang kulit warna putih lain pun yang luar daripada bangsa Arian bukan diberi keutamaan. Bukan chosen people god. Jadi, dengan keadaan sedemikian, soal Convention of Human Rights memberi equality kepada semua bangsa sejagat ini adalah sebenarnya ditumpu kepada bangsa orang Putih. Selepas itu baru digunakan sebagai satu benda yang applicable kepada semua orang sejagat termasuk kita tetapi pada masa sekarang diskriminasi dan sebagainya ini

sudah digunakan oleh pihak orang Putih ini sebagai political agenda mereka di seluruh dunia.

Jadi, kita kena ingat asas dan kenapa. Kalau Yang Berhormat lihat di England umpamanya, di sebalik benda yang adil dan sebagainya Yang Berhormat pernah - tuhan-tuhankan itu, agama Islam umpamananya bukan agama di England, ia satu culture sahaja Yang Berhormat. Ingat atau tidak? Oleh kerana ia bukan agama, ia satu culture sahaja, agama Islam tidak mendapati segala apa yang dikatakan tax rebate, tax assumption dan sebagainya, maknanya ada diskriminasi di antara agama ini sendiri - di antara agama Islam, Buddha, Hindu dan sebagainya kalau di England. Jadi, di sini, di Malaysia agama ini, semua agama kalau apa yang agama Islam entitle, agama Hinda, Buddha dan sebagainya juga entitle. Jadi, masalah ini tidak wujud dalam masyarakat kita. Jadi, dengan sendirinya Perlembagaan kita tidak perlu mengatasi masalah yang tidak wujud dalam masyarakat kita.

Satu lagi Yang Berhormat, saya pernah sebut dan saya akan sebut bila-bila dan tiap-tiap masa. Umpamanya kalau Yang Berhormat pergi ke England, pergi ke Amerika dan sebagainya, you are total submission kepada culture, agama dan sebagainya orang di Amerika dan di England. You don't bring your culture and introduce kepada orang England atau Amerika tetapi kalau orang lain datang ke Malaysia dia hendak wujudkan culture mereka sendiri. Saya bukan hendak mengatakan tidak boleh buat ini. Saya masih bersetuju dengan keadaan di Malaysia. Maknanya sekolah Tamil kita wujudkan, sekolah Cina kita wujudkan, kerajaan masih tolong orang Tamil, tolong orang China, tolong orang Iban yang hendak membuat sekolah sendiri. Masih kita tolongkan tetapi tanya di Amerika dan di England dan boleh buat ini. Adakah pernah Yang Berhormat hendak suggest buat universiti China di England, buat universiti India di Amerika, tidak ada!

Jadi, Yang Berhormat you go to Amerika atau England total submission kepada culturenya, human rights dan sebagainya. Maknanya you can throw away yours and keep theirs.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Apa hendak tanya lagi?

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, boleh saya mendapat penjelasan mengenai perkara di mana Yang Berhormat mengatakan bahawa kerajaan menolong sekolah China, sekolah Tamil. Setakat tolong itu betullah tetapi adakah Yang Berhormat sendiri sedar bahawa dalam pertolongan itu beberapa sekolah Tamil telah ditutup dan bahasa ibunda tidak digalakkan di sekolah-sekolah. Baru-baru ini di mana Southern India Labour Funds – wang kepunyaan rakyat India telah diambil oleh kerajaan. Mana ada hak asasi yang dikatakan. Dalam konsep ini bolehkah Yang Berhormat terima bahawa tindakan kerajaan ini tidak berasas dan hak asasi manusia telah dicabuli.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, dalam kawasan saya, ada dua sekolah Iban, lima sekolah China - Chung Hwa School, tiap-tiap tahun kawasan saya mendapat pertolongan, tiap-tiap tahun! Soalnya Yang Berhormat sendiri yang menjadi wakil rakyat tidak buat.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini Yang Berhormat bagi Sibu ini dia dapat juga pertolongan. Tanya dengan Timbalan Menteri siapa yang dapat. Yang Berhormat bagi Selangau pun dapat ini. Jadi, persoalannya Yang Berhormat, Yang Berhormat jadi wakil rakyat cakap di sini sahaja, cakap politik sahaja tetapi buat kerja tidak ada.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: No action.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: No action.

Tuan M. Kulasegaran: What action Yang Berhormat mahu?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Action. Saya belum habis. Nanti Yang Berhormat boleh bercakap sebab Yang Berhormat belum bercakap. Biar cerita saya habis dahulu. Jadi, Yang Berhormat, saya balik kepada soal diskriminasi human rights ini. Satu persoalan lagi Yang Berhormat, Yang Berhormat lihat atau tidak, saya sebut semalam, kalau di Amerika apa dikatakan 'Marinda's Rule' kalau orang ditangkap sebelum itu dia mesti diberi amaran, hak amaran diberi kepada dia dan macam-macam – itu dikatakan Marinda's Rule. Marinda's Rule ini berbangkit daripada zaman Amerika dijajah oleh British, yang mana sebelah malam dihentam bilik orang dengan senjata. Lepas itu dikeluarkan orang itu dan diwujudkan satu rule di mahkamah yang dikatakan Marinda's Rule dan di Malaysia wujudnya dikatakan Judge's Rule yang mana orang salah itu diberi amaran dan sebagainya yang apa yang dibuat jadi evidence dan sebagainya di mahkamah nanti. Ini ada sejarah-sejarahnya sendiri iaitu berbangkit daripada di India semasa British menakluk India. Jadi, diwujudkan satu Judge's Rule supaya orang British jangan tekan sangat orang India. Semua perkara ini Yang Berhormat wujudnya bermulanya oleh kerana orang Putih – orang kulit putih menekan bangsa-bangsa lain yang bukan rule their country tetapi negara kita, Yang Berhormat, tengok! Who got less dalam negara kita selain daripada new economic policy yang mendatangkan kestabilan kepada negara ini semua yang kita sebut dari segi agama kita bebas, culture kita bebas dan sebagainya. Apa kita hendak buat boleh buat, asalkan jangan bantah undang-undang yang boleh membuat huru-hara negara ini.

Jadi, pada saya tidak perlu buat lain daripada ini. Saya bersetuju kalau wujudnya Suruhanjaya ini nanti akan melihat semua benda yang perlu kita buat. Kalau boleh tidak perlu buat macam mana Yang Berhormat bagi Tanjong Karang sebut tadi, tidak perlu buatlah. Kita bersedia melihat perkara ini dan review perkara ini daripada satu peringkat ke satu peringkat, daripada satu masa ke satu masa, it will take America 200 years to get where they are now, why can't we get

another 200 years to get in the position of America sekarang dalam soalan-soalan ini.

Satu lagi soalan Yang Berhormat, agenda dan konvensyen ractification on human rights bukan bermakna comply dengan human rights dan keadaan konvensyen, tanya Chile, tanya Angola dan sebagainya macam mana keadaan human rights mereka. Dia sudah ractify 15 atau 20 human rights tetapi tidak kira, tulis ini tidak guna Yang Berhormat kalau keadaan di negara ini tidak wujudnya human rights. Keadaan di Malaysia adalah lebih 10 kali ganda daripada mana-mana negara yang ractify negara-negara human rights yang banyak-banyak itu.

Dengan itu saya tidak menyokong pindaan yang dibuat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi: Kuala Pilah.

12.25 tgh.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga terpanggil dan ingin menyangkal cadangan pihak pembangkang yang hendak membuat satu pindaan kepada rang undang-undang yang telah pun dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Saya berpendapat bahawa tidak perlu sebagaimana dicadangkan di Dewan yang mulia ini oleh pihak pembangkang kerana akta ini kalau mengikut Fasal 2 Tafsiran dan sebagainya, Tuan Pengerusi, jelas sekali telah pun diberi penjelasan, makna-maknanya dan tafsirannya.

Persoalannya, akta ini adalah satu Akta Hak Asasi Manusia yang baru dibentangkan dan telah mengambil kira semua aspek perundangan berlandaskan Perlembagaan yang sedia ada, diterima pakai di negara kita yang berjalan begitu baik setakat ini dan dengan wujudnya satu rang undang-undang baru, diperkenalkan dari segi hak asasi manusia melambangkan bahawa negara kita Malaysia begitu peka dan prihatin memperkenalkan undang-undang ini. Saya fikir tidak perlu kita buat apa-apa pindaan setakat ini dahulu kerana dari masa ke

semasa negara kita bebas, kalau andainya berlaku sesuatu yang difikirkan perlu, maka Dewan ini juga saya fikir akan bertanggungjawab untuk membuat apa-apa pindaan dan setakat ini tidak perlu kita mengadakan apa-apa pindaan.

Seterusnya pihak pembangkang juga ada menyatakan berkenaan dengan diskriminasi. Persoalan perkataan diskriminasi ini begitu luas dan dalam tafsiran perundangannya di Malaysia ini saya rasa setakat ini, dari segi perkauman, masyarakat majmuk dalam Perlembagaan ada mempertahankan dari segi kepentingan semua kaum dari segi agama, kebebasan dan sebagainya. Kalau hendak dikata ambil secara individu, tidak ada satu negara dalam dunia ini yang boleh dikatakan mutlak betul-betul bebas daripada apa bentuk diskriminasi pun.

Jelas contohnya, Tuan Pengerusi, kalau dikatakan negara United Kingdom begitu bertamadun dan Lord Denning adalah satu-satunya lord yang begitu popular yang mempunyai visi 45 tahun ke hadapan. Dalam satu kes, saya percaya kes yang melibatkan satu pindaan mewujudkan undang-undang di mana memakai topi keledar contohnya, di Britain satu ketika. Apabila satu kes, seorang Sikh membawa kes itu ke mahkamah kerana dia tidak payah memakai topi keledar kerana dia telah pakai turban tetapi dalam kes itu jelas sekali saya percaya sesiapa pun yang belajar undang-undang dari segi constitutional dan pentadbiran di negara Britain menampakkan seolah-olah Lord Denning dalam hal itu pun tidak nampak ada. Jadi, soal diskriminasi beranggapan bahawa apabila kita memperkenalkan undang-undang di Malaysia mestilah garis panduannya ataupun jangka pengukurannya mengikut keadaan kita di Malaysia.

Kalau sekiranya pihak pembangkang ada membangkitkan sebentar tadi mengatakan bahawa menutup sekolah India sebagai satu perbuatan mencabul hak, saya rasa ini tidak patut. Jangan cuba bawa sentimen di dalam Dewan ini. Kita mesti bersikap pragmatik. Semua kaum diambil kira. Kalau sekiranya ditutup sekolah itu, sekolah kebangsaan Melayu pun ada kita tutup kerana di kawasan saya, ada sekolah di mana rasanya guru lagi ramai daripada murid, tidak praktikal.

Oleh itu kadangkala kalau ditutup sekolah India itu bukan kerana kita tutup kerana sekolah itu sekolah India, tidak! Mungkin kerana kesesuaian keadaan semasa. Saya rasa isu perkauman janganlah kita bawa kerana kita juga, di atas keprihatinan kita bahawa Akta Hasutan ada, bahawa apakah Akta Hasutan tadi kerana di Malaysia ini kita tidak mahu tercetus semula pertelingkahan kaum seperti 13 Mei. Kita wujudkan undang-undang itu kerana kalau kita bercakap tanpa batasan, tanpa mengambil kira sentimen perkauman yang sensitif, ada yang berunsur seditious tendency, walaupun dalam Dewan yang mulia ini pun kita tidak boleh cakap kerana undang-undang ini adalah sejajar dengan keadaan kita di Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya rasa hujah-hujah yang berbaur perkauman tidak usahlah kita ambil kira kerana kita wujudkan ini melambangkan ketelusan kita bahawa kita tidak mahu ketinggalan dan kita tidak mahu dituduh sebagai tidak menghormati hak asasi manusia di Malaysia ini. Setakat ini pihak Menteri telah pun menjelaskan satu persatu dengan jelas bahawa ini kita patuhi dan menghormati pandangan konvensyen-konvensyen mengambil kira semuanya. Andainya nanti setelah kita perkenalkan undang-undang ini, menampakkan ada cacat-celanya, saya rasa masa itu kita boleh, apa sekalipun pindaan. Setakat ini tidak perlu, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Teluk Intan.

12.30 tgh.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sokong cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Tanjong dan asas saya adalah bahawa apa yang merangkumi sekarang, definisi sangat tertakluk kepada yang sedia ada dan tidak ikut kehendak international standard.

Tuan Pengerusi, kalau kita tengok Undang-undang Persekutuan India yang lebih kurang parametaria dengan undang-undang Malaysia dan di dalam akta di negara India saya baca dengan izin, apa yang dikatakan 'preamble'nya, "*Human*

rights mean the right relating to life liberty, equality and dignity of the individual guaranteed by the constitution or embodied in the international covenant and enforceable by courts in India. International covenant means the International Covenant on Civil and Political Rights and the International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights adopted by the general assembly of the United Nations on the 16 December 1966”.

Jadi, inilah yang saya katakan bahawa definisi untuk lebih bermakna, untuk memberi lebih strength kepada apa yang dikehendaki oleh rang undang-undang ini. Kalau kita tengok semua yang diinginkan oleh rang undang-undang ini saya terpaksa mengatakan bahawa semua yang membawa rang undang-undang ini merupakan satu Public Relation Exercise (PR Exercise) hanya kerana pilihan raya yang tidak lama yang akan diadakan, maka kerajaan ingin berkata kepada rakyat bahawa kami telah membawa satu rang undang-undang yang berani untuk apa-apa masalah yang dihadapi di mana hak asasi dicabuli, maka rang undang-undang ini dapat menyelesaikan perkara ini jika apa-apa pendapat atau keputusan dibuat terhadap kerajaan.

Maka dalam hal ini kalau kita tengok apa yang dicadangkan oleh Tanjong ini sangat membawa makna kepada definisi tersebut. Maka, kalau kita tengok apa yang dicadangkan adalah sama dan lebih kurang dengan parametaria dengan apa yang ada di negara India. Akta tersebut merangkumi semua yang diperlukan tetapi apakah sebab kita di negara ini membawa satu rang undang-undang dan menghakkan definisinya dan walaupun negara Malaysia telah menandatangani beberapa covenant di luar negeri, Covenant Political and Civil Rights, kenapa ia tidak dilaksanakan di negara ini? Di manakah kerap kali apabila ditanyakan di dalam Dewan yang mulia ini mengatakan bahawa undang-undang yang sedia ada merangkumi semua yang dikatakan dan sedia ada di covenant.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin mengatakan di dalam buku Profesor Harding mengatakan mengenai Artikel 10, Federal Constitution, yang mengatakan

mengenai 'rights in respect freedom of speech assembly and association'. Satu perkara yang sangat mustahak tetapi Profesor Harding mengatakan bahawa Artikel 10, 'says not much about rights that is given but how much rights is taken away'. Inilah yang perlu kita tahu. Di mana hak-hak kita dicabuli, diambil, maka dengan merangkumi apa yang dikatakan covenant antarabangsa, maka ia akan memberi satu makna yang lebih kepada perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Menteri menjawab. Menteri diminta menjawab, sudah banyaklah ucapan. Ya.

12.35 tgh.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membentangkan usul untuk meminda peruntukan berkenaan dengan "tafsiran". Di dalam berhujah berkenaan Usul meminda "tafsiran", beberapa perkara telah ditimbulkan tapi saya suka mengingatkan Yang Berhormat bahawa apa juga yang kita lakukan ianya perlu dilakukan mengikut lingkungan undang-undang yang sedia ada. Dan saya suka juga menjelaskan bahawa declaration of human rights adalah satu deklarasasi atau proklamasi, sebab itu ianya bukan sesuatu yang mengikat tiap-tiap negara sebab itu diadakan convention dan treaty bagi menentukan tiap-tiap negara dapat menafsirkan apa yang difikirkan perlu dengan tujuan kepentingan negara itu sendiri.

Tuan Pengerusi, oleh itu saya juga ingin memberitahu Yang Berhormat supaya tidak menggunakan soal-soal perkauman Yang Berhormat bagi Teluk Intan di dalam mengatakan soal sekolah India ini adalah satu cara yang amat merbahaya sekali kalau kita membangkitkan perasaan kebencian di atas asas kaum. Sebab itu kita adakan undang-undang Akta Hasutan kerana ada orang yang macam Yang Berhormat hendak mendapatkan pengaruh menggunakan perkara-perkara yang berbau perkauman. Saya hendak jelaskan di sini juga berkenaan apa Yang Berhormat mengatakan peruntukan

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Teluk Intan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:duduk dahulu,

Tuan M. Kulasegaran: Beri jalan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tak usah jalan, because you do not know how to made used of the road, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tuaran memang saya fikir dia ada keliru dan tidak faham berkenaan dengan undang-undang. Jadi, tidak apalah saya tidak akan menjawab kerana dia banyak perkara yang dia hendak ingat. Kalau saya hendak bacakan, saya tengok dia kata standard kita. Pertamanya, kita mesti berbangga dengan negara kita, jangan kita merendahkan negara kita dan meninggikan negara orang lain. Itu Yang Berhormat tidak buat, Tuaran mengatakan kita 'standard poor' dalam ini – kalau kita punya 'standard very poor,' dengan izin, kita semua tidak ada di sini. Pembangunan tidak dapat dilakukan, manusia tidak dapat dikeluarkan daripada kemiskinan dan Yang Berhormat hendak tahu apa yang

Tuan Yunof Edward Marinking: *[Bangun]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:duduk dulu ya. Tadi saya beri Yang Berhormat bercakap untuk berbahas. Sekarang saya jawab, saya hendak tutup cepat-cepat.

Tuan Pengerusi, ini saya hendak tunjukkan kepada Yang Berhormat - United State of America, adakah standard pengamalannya 'poor' kalau dia tidak menandatangani, dia 'sign but not ratify', '*International Covenant on the Economic, Social and Cultural Rights, Covenant on Convention on the Rights of the Child, Covenant on the Convention on the Elimination of all forms of the Discrimination Against Women, Convention on Consent to Marriage, Minimum Age to Marriage and Registration of Marriages*'. Dokumen yang dia tidak sign, '*Optional protocol to the International Covenant on Civil and Political Rights*.

Second, optional protocol to the International Covenant on Civil and Political Rights aiming at the Evolution of the Death Penalty, International Convention on the Suppression and Punishment on the Crime of Apartheid, International Convention Against Apartheid', macam-macam lagi convention yang tidak di'sign'.

Jadi, Yang Berhormat jangan bercakap berkenaan dengan standard kita human rights poor. Pindaan yang dibuat ini kita tumpukan kepada pindaan itu. Yang Berhormat sudah terkeluar daripada tajuk Yang Berhormat bercakap sebab itu saya terpaksa menjawab. Berkenaan dengan negara India, saya tidak bertujuan untuk mengkritik negara India tetapi Yang Berhormat sebagai rakyat Malaysia tidak usah tengok sangat negara India.

Saya hendak katakan berkenaan dengan convention Perlembagaan India. Memang betul ada Perlembagaan tetapi amalah demokrasi di negara India juga menyebabkan tiap-tiap pilihan raya ada pelbagai kejadian membawa kepada keadaan yang tidak aman kerana amalan demokrasi juga. Kita tidak boleh ikut apa yang negara India lakukan. Ada juga amalan yang berasaskan kepada sistem Kasta yang diharamkan mengikut undang-undang di India, yang diharamkan mengikut perlembagaannya tetapi amalan itu ada. Sebab itu di Malaysia kita mahu membina sikap, kita mahu mendidik, memupuk semangat dan kita dapat melaksanakan harmoni dan keadaan yang menyatupadukan kaum-kaum yang berbeza di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, oleh itu takrif kita adalah mengikut apa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan, dengan itu saya menjawab perkara-perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak dapat menerima apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Pandangan sedikit dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, saya hairan kenapa pihak kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional begitu tegas mahu menolak pindaan ini. Nampaknya ada

banyak pandangan yang dikemukakan oleh kerana kejahilan atau ignorance dan ketakutan.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar mengatakan bahawa tidak ada diskriminasi langsung dalam Malaysia adalah apa yang diskriminasi berlaku di masa lampau 'orang putih' untuk menekan, menindas orang-orang Asia tetapi Yang Berhormat bagi Kuala Pilah kata bahawa tidak ada satu masyarakat atau negara yang tidak ada berlaku diskriminasi. Tetapi ini semua tidak bersangkutan paut mengenai isu di hadapan kita.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai VDPA di mana ia ada baca mengenai perlulah bahawa kita, dengan izin, 'trick human rights - the international committee must treat human rights globally', beliau baca tadi in the fair and equal manner on the same putting and with the same emphasis. Tetapi dia tidak baca bahagian yang lebih menyeluruh yang boleh memberi tempat hak asasi dalam satu perspektif yang sebenarnya yang boleh menjadi panduan kepada kita apabila kita mahu menggubalkan satu rang undang-undang untuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.

Sebenarnya VDPA dalam Conference Vienna itu yang dengan izin, *'Reaffirmed the universal nature of all human rights and the human rights and fundamental freedoms with the both rights of all human beings and equally that it was the solemn commitment of all sticks to fulfill their obligation to promote and respect human rights. It also stated that in the frame work of the purposes and principles of the united nations, the promotion and protection of all human rights is a legitimate concern of the international community. The conference rights that all human rights are universal, indivisible at interdependence and interrelated. The international community must straight human rights globally in a fair and equal manner on the same putting and with the same emphasis but the significance of national and regional politicalirities and various historical cultural and religious back ground must be born in mine, it is the duty of sticks*

regardless of their political economic and cultural systems to promote and protect all human rights and fundamental freedoms.'

Itulah tanggungjawab kita dan kita tidak boleh kata bahawa oleh kerana Malaysia adalah keadaan spesifik dan kita boleh menidakkan, menafikan hak-hak asasi yang patut dilihat sebagai satu hak both rights semua rakyat dan universal. Dan Yang Berhormat bagi Tanjong Karang kata kalau pindaan ini diterima bahawa ada timbul masalah di mana kedudukan raja-raja tidak boleh dipertahankan. Ini tidak betul, inilah apa Yang Berhormat Menteri tadi ada sebut mengenai national and regional peculiarities.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak beri penjelasan, ini Yang Berhormat bagi Tanjong sudah salah dengar apa yang saya cakap. Saya membuat contoh di bawah Artikel 8, Equality Before the Law, saya beri contoh. Sepatutnya semua orang sama hak di sisi undang-undang, sama ada rakyat biasa ataupun sesiapa, tidak ada sesiapa 'above the law' tetapi kita menerima hakikat hari ini bahawa 'Sultan above the law'.

Kalau kita pergi cerita dengan orang luar, dia tidak faham, dia pun hairan boleh jadi. Mengapa pula ada satu orang itu 'above the law'. Itu maksud saya, begitu juga kalau Yang Berhormat pergi cerita dengan orang, apabila dua orang dihadapkan di Mahkamah Syariah, Islam dengan bukan Islam, yang bukan Islam tidak didakwa, yang Islam didakwa. Dia pun hairan, mengapa pula ada perbezaan di dalam menegakkan keadilan undang-undang, ada yang boleh dakwa, ada yang tidak boleh dakwa. Jadi, yang tahu masalah ini ialah rakyat Malaysia yang kita telah pun dididik dan memahami perkara-perkara yang termaktub di dalam Perlembagaan kita. Itu maksud saya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kalau Yang Berhormat bagi Tanjong Karang faham VDPa dan Yang Berhormat Menteri ada memberi taklimat yang sepatutnya diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, Yang Berhormat bagi Tanjong Karang tidak akan berdiri untuk menimbulkan masalah-masalah seperti ini, oleh kerana apa yang saya baca tadi ialah untuk memberi coverage mengenai isu-isu bahawa 'national and regional peculiarities and various historical cultural and religious back ground must be born in mine' di mana semua ini diambil kira.

Tetapi tadi kita ada dengar kalau saya tidak silap Yang Berhormat bagi Tanjong Karang pun kata, kalau pindaan ini diluluskan mungkin satu hari Malaysia akan diheret ke mahkamah antarabangsa mengenai hak-hak asasi sebagaimana apa yang berlaku di Eropah di mana Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga ada menyebut mengenai pergerakan di United Kingdom, yang menakutkan bahawa ada erosion of sovereign dan lain-lain. Tetapi nampaknya semua ini ignorance, oleh kerana apa yang ada dalam Eropah ialah European Court of Human Rights dan semua nation parti bersetuju sebab itu barulah perkara ini boleh dibawa ke European Court of Human Rights. Tanpa persetujuan kerajaan atau negara- ahli-ahli yang tertentu tidak ada jurisdiction untuk membawa satu kes ke Mahkamah Antarabangsa. Tetapi masalah di sini ialah kenapa kita takut bahawa kita bersetuju patut ada satu mekanisme satu mahkamah antarabangsa di mana kalau ada pencabulan hak asasi manusia di mana-mana negara boleh dirujuk. Kalau kita benar-benar serius....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tidak takut, Yang Berhormat. Yang Berhormat bercakap soal takut tidak bangkit.

Tuan Lim Kit Siang: Ada Ahli Parlimen yang menimbulkan takut, nanti dibawa ke Mahkamah Antarabangsa - takut. Inilah yang kita dengar. Bukan saya yang cipta, Yang Berhormat Menteri ada dengar?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, kalau dia tanya saya, bolehkah saya jawab?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat mempunyai pendapat dan pandangan dia. Itu juga adalah hak asasi dia. Saya bercakap tadi berkenaan dengan pindaan ini, kita tidak boleh terima pindaan ini oleh kerana kita menganggap takrif yang telah kita berikan di dalam rang undang-undang ini mencukupi. Dia soal, soal kita takut bawa ke Mahkamah Antarabangsa, sekarang pun Yang Berhormat banyak bercakap di peringkat antarabangsa menghentam kita. Itu kita tidak khuatir.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sangat sukacita mendengar itu. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh lagi ulangi bagi pihak kerajaan bahawa kerajaan akan menyokong satu usaha sekurang-kurangnya mengadakan Asean Court of Human Rights supaya ada satu standard di mana semua perkara bersabit dengan pencabulan hak-hak asasi boleh dirujuk. Adakah ini satu komitmen kerajaan akan bersetuju? Oleh kerana dalam conference di Vienna yang ada disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, Vienna Declaration on Programme and Action adalah komitmen setiap negara termasuk Malaysia bahawa hak asasi ialah satu international commitment dan juga tanggungjawab semua negara untuk memastikan bahawa hak-hak asasi dihormati di mana-mana tempat, di mana-mana bahagian dunia.

Saya harap bahawa kita tidak takut, sebab itu saya rasa ini mustahak oleh kerana tanpa pindaan ini di mana International Covenant hak asasi dipakai sebagai satu rujukan untuk Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia, kita tidak boleh harap bahawa Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia Malaysia boleh beroperasi dengan berkesan oleh kerana batasan-batasan di bawah Perlembagaan Malaysia.

Tuan Pengerusi: Machang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya rasa Yang Berhormat agak terkeluar daripada apa Yang Berhormat sendiri cadang. Yang Berhormat sekarang ini nampaknya tidak bersetuju dengan cadangan kerajaan bahawa takrif hak asasi

ialah seperti yang termaktub di bawah Perkara 2, Fundamental Liberties, Artikel 5 hingga Artikel 13 Perlembagaan. Yang Berhormat hendak kerajaan supaya kerajaan mengiktiraf semua covenants lain.

Kelmarin Yang Berhormat sudah kata, saya masih mendengar ucapan Yang Berhormat sendiri dalam Dewan ini, Yang Berhormat sendiri tidak pernah menuntut kebebasan mutlak. Itu Yang Berhormat sendiri sebut dan akui yang tidak ada kebebasan mutlak dituntut. Yang Berhormat sendiri sudah bersetuju bahawa pemakaian covenant di peringkat antarabangsa mesti disesuaikan dengan keadaan budaya masyarakat Malaysia. Ada terdapat covenants di peringkat antarabangsa yang memang bercanggah dengan kedudukan agama, bangsa dan budaya kita sendiri. Misalannya, soal kebebasan untuk bertelanjang di khalayak ramai, tentulah perkara-perkara seperti ini tidak boleh diiktiraf di negara-negara kita walaupun itu adalah suatu hak asasi kerana kita di sini masyarakat beragama Islam yang tidak boleh menerima hakikat tersebut. Misalnya kesalahan sodomy, walaupun desakan masyarakat antarabangsa supaya kita menghalalkan sodomy, tetapi ini adalah satu isu sensitif bagi masyarakat yang mengiktiraf di bawah Perkara 3 Perlembagaan bahawa Islam adalah Agama Rasmi Malaysia. Mengapa Yang Berhormat tidak boleh menerima hakikat ini? Kalau kita sudah menerima kita sebagai rakyat Malaysia mengapa kita tidak boleh menjaga sensitivity rakyat Malaysia yang minta supaya perkara-perkara seperti ini diambil kira soal agama dan kebudayaan. Janganlah semua soal convention di peringkat antarabangsa hendak diiktiraf di dalam negara kita secara membuta tuli, sebab ini juga akan menghancurkan kita.

Saya hendak tanya Yang Berhormat di bawah Perkara 5 Perlembagaan, apa lagi yang tidak cukup. Kalau kita lihat satu persatu. Let's be practical about it, Yang Berhormat. Perkara 5 - Liberty of a person. Kemudian, Perkara 6 – Slavery and forced labour prohibited. Ada kebebasan beragama, semua termasuk di bawah perkara ini. Apakah ini tidak cukup bagi seorang rakyat, seorang warganegara dan

seperti Yang Berhormat, apakah DAP sendiri sekarang masih lagi mempertikaikan bahawa soal kebebasan berpolitik, ceramah-ceramah politik Yang Berhormat buat tidak ada gangguan.

Sebab itu saya ucapkan di awal lagi, hak asasi di Malaysia kita kena lihat dari segi amalan, bukan dari segi peruntukan undang-undang yang ada. Dari segi amalan yang penting. Saya sudah bangkitkan hari itu mengenai kebebasan yang diberikan kepada pembangkang, misalannya untuk berceramah di seluruh negara, bebas tidak ada tindakan, walaupun itu disekat oleh Akta Polis.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak tahulah mengapa Yang Berhormat dari Machang begitu ghairah yang mahu sodomize Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia. Dia mahu sodomize Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia, bukan memberi peluang untuk Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia boleh berjalan dengan kewibawaan, berkesan, yang berauthority.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Saya bukan bangkitkan hal sodomy. Yang Berhormat bangkit hal sodomy. Kita tahu kenapa dia bangkit hal sodomy oleh kerana dia mahu sodomize Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia dan tidak mahu memberi Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia satu..jurisdiction yang patut diberikan..

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Bolehkah beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Dia tidak bermakna begitu, Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ini sangat jelas. Kita tahu penjara.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Inilah putarbelit dekat-dekat pilihan raya. Rakyat Malaysia tahu dan memerhati, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Isu hak asasi, bukan isu sodomy.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Memang isu hak asasi.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat dari Machang baru boleh tengok sodomy oleh kerana itulah latar belakang, iktiraf tabiat mahu sodomize semua institusi kerajaan dalam negara ini, bukan?

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Rakyat Malaysia dengar, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Dahulu apabila Yang Berhormat dalam Semangat 46...*[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang:kata inilah undang-undang yang ada semua menyekat hak asasi. Dahulu....

Tuan Pengerusi: Cukuplah. Saya hendak tutup rang undang-undang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang kata tukar, tetapi saya harap apa yang kita mahu, saya ada ditanya apa hak-hak asasi yang lain yang tidak ada dalam Perlembagaan. Saya sudah sebut hak-hak asasi, tidak ada diskriminasi atas jantina – tidak ada. Hak-hak asasi pembangunan, hak-hak asasi maklumat dan banyak lagi, lebih baiklah baca mengenai perkembangan hak-hak asasi dalam dunia kita. Sebab itu kita perlu satu skop yang lebih luas. Kit bukan mahu cari masalah untuk merosakkan atau untuk sabotaj penubuhan Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia, tetapi apa yang kita mahu ialah satu Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia yang sebenarnya boleh menggunakan istilah yang ada dalam rang undang-undang untuk memberi perlindungan dan kemajuan kepada hak asasi Malaysia.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak jawab atau tidak?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, saya fikir yang pentingnya tadi ialah kita mesti munasabah menerima pendapat yang berbeza-beza. Dalam negara Asia Pasifik, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, hanya enam negara sahaja yang ada suruhanjaya hak asasi. Malaysia adalah salah sebuah daripada enam negara dan negara-negara Asia Pasifik ada

banyak. Kalau kita hendak buat perubahan untuk memperuntukkan apa-apa pun di dalam takrifan itu, ianya mesti bersesuaian dan konsisten dengan peruntukan Perlembagaan kita. Oleh itu, kerana pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat adalah bertentangan dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan kita maka kita tidak dapat menerima, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 2 dan 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 4 – [Pindaan oleh Y.B. dari Tanjong]

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya bercadang bahawa Fasal 4 dipindahkan dengan -

“Batalkan bahagian ayat selepas perkataan ‘Perisytiharan Sejahtera Hak Asasi Manusia 1948’ dan digantikan dengan ‘dan kebebasan-kebebasan asas yang termaktub di dalam perjanjian-perjanjian, konvensyen-konvensyen serta persetujuan-persetujuan antarabangsa yang mana Malaysia merupakan sebahagiannya.’”

Tuan Pengerusi, saya mahu tambah selain daripada apa yang saya berhujah tadi bahawa apabila kita mahu merujuk kepada konvensyen-konvensyen antarabangsa, ini bukan bererti menentang Perlembagaan Malaysia – tidak. Peruntukan-peruntukan yang ada ini tidak ada, bahawa sungguhpun kita persetujuan bahawa tidak ada kebebasan yang mutlak, ini tidak bererti bahawa semua akta, peraturan untuk menyekat kebebasan atau fundamental liberty dalam Bahagian 2 dalam Perlembagaan kita. Sungguhpun dari segi undang-undang mungkin sah, tetapi dari segi hak-hak asasi bertentangan dengan hak asasi. Itu mustahak oleh kerana satu perbezaan yang perlu dibuat.

Semalam Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa semua yang mengikut undang-undang ialah selaras dengan hak asasi. Ini kita tidak boleh terima. Kalau begitu sejarah manusia tidak boleh berjaya untuk menegakkan, untuk memajukan hak asasi, oleh kerana boleh dikata segala pencabulan hak asasi selaras dengan undang-undang semasa itu. Hitler di Jerman, Nazi di Jerman semua mencabul hak asasi juga selaras dengan undang-undang yang terpakai semasa itu yang dibuat mengikut Perlembagaan masa itu. Sebab itu kita perlulah membezakan apa yang pada satu masa....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, saya tidak mengatakan bahawa semua undang-undang selaras dengan hak asasi. Saya mengatakan dalam Malaysia undang-undang kita berasaskan kepada kebebasan yang kita terima secara menyeluruh tetapi ada peraturan dan pengawalan yang ditentukan di dalam undang-undang. Saya tidak mengatakan bahawa semua undang-undang. Jadi, jangan putar belit.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah ini bererti bahawa Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa ada undang-undang yang bertentangan dengan hak asasi seperti Internal Security Act, Official Secret Act, Printing Presses Act. Semua undang-undang ini yang diluluskan untuk qualify fundamental liberty di bawah Bahagian 2 Perlembagaan. Sebab itu fundamental liberty, kita semua bersetuju tetapi kita perlu ada ruang di mana Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia ada jurisdiction apabila ada undang-undang atau peraturan-peraturan ada dibuat yang menentang hak-hak asasi. Sebab itu kita perlu ada satu perbezaan mengikut undang-undang satu masa tetapi menentang hak-hak asasi. Ini mustahak.

Sebab itu, tanpa inilah sebab kenapa kalau tidak ada rujuk kepada covenants antarabangsa khasnya kalau tidak ada ratifikasi, covenants antarabangsa mengenai hak-hak asasi, kalau Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia tidak menggunakan International Human Rights' standard sebagai ukuran, satu yardstick, kita tidak boleh harap bahawa Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia

boleh memajukan, boleh memberi perlindungan hak-hak asasi. Oleh kerana di bawah Perlembagaan kita sudah ada sistem kehakiman yang menjadi tugas untuk menentukan bahawa Bahagian 2 Perlembagaan dihormati. Kalau Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia, tugas bidang kuasanya ialah berhak kepada satu perlembagaan asasi, bukan sahaja redundant, tidak bererti.

Sebab itu, saya harap bahawa pindaan yang saya kemukakan ini boleh menentukan bahawa tidak ada satu commission yang berwibawa bahawa ia tidak akan menjadi satu mockery apabila ditubuhkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Batang Lupar sambung selepas daripada....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak sempat, sudah pukul 1.00, Yang Berhormat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Batang Lupar diminta sambung.

2.31 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi, sedikit sahaja, dua minit. Tuan Pengerusi, apa yang kita janji, kita tunaikan, jadi kita tidak hendak apa yang berlaku di negara lain buat konvensyen dan sebagainya, bagus dalam surat, bagus dalam kertas dan bagus dalam konvensyen dan enakmen mereka tetapi berlainan pula amalan dan praktisnya.

Jadi, kita sepatutnya tidak menunjuk iaitu soal apa yang tertulis ini adalah sesuatu yang sangat penting dan persoalan mengamalkan human rights kerana kita tidak hendak melihat seperti apa yang telah dibuat. Saya berbalik kepada apa yang telah dilafazkan oleh beberapa orang yang mengatakan hak asasi manusia (human rights) dan sebagainya tetapi amalan mereka tidak sedemikian. Kita berjanji apa yang kita buat, kita akan amalkan. Dalam undang-undang kita, kita telah tegakkan, kita akan amalkan mengikut undang-undang, cara kita sendiri. Jadi kita hendak tubuhkan suruhanjaya ini atas landasan kita, dalam corak kita dan kita akan amalkan sejauh mana kita boleh bertahan sehingga kita buat penyelidikan ataupun memikirkan semula dan akan diubahsuai untuk kehendak dan kemahuan negara kita.

Jadi, kita sepatutnya tidak menekan kepada form sahaja tetapi kita hendaklah melihat substance nya supaya amalan kita itu lebih murni, lebih baik dan boleh memenuhi citarasa masyarakat negara kita. Di dalam keadaan yang sedemikian, kehendak undang-undang dan Perlembagaan kita, menunjukkan kita berkehendakkan human rights lebih daripada individual rights, penekanan kita

walaupun kita tidak menafikan kita juga berkehendakkan juga individual rights setakat mana yang boleh kita tekankan.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, saya tidak melihat kenapa undang-undang yang kita bawa ke Parlimen ini dengan seikhlas-ikhlasnya untuk menunaikan janji kita dan kemahuan negara dan rakyat kita untuk kebaikan dan keharmonian masyarakat di negara kita. Jadi, tidak payahlah kita melihat ke tempat-tempat lain macam mana mereka sama ada sudah ratify, sudah sign konvensyen dengan mana-mana. Kita sepatutnya apa yang baik untuk kita, itu yang kita ikut.

Dengan itu, saya tidak menyokong pindaan itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Bukit Bendera.

2.33 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak berhasrat untuk berucap atau...

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk point of order.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang ke berapa Yang Berhormat?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Point of order 57(4), Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, sebutkan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya meneliti cadangan-cadangan pindaan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, Fasal 1, kemudain Fasal 7. Terutamanya Fasal 1 tadi pun, dan selepas ini beberapa fasal yang akan dibincangkan ini membuang masa kita. Telah disebut dengan jelas bahawa fasal yang saya sebut tadi iaitu 57(4).

“(4). Pengerusi boleh enggan mengemukakan sesuatu pindaan itu kepada Mesyuarat jika pada pemikirannya pindaan itu-

(a) akan menjadikan fasal dan jadual yang hendak dipinda itu tidak terang maknanya atau salah jalan bahasanya; atau

(b) sia-sia; atau

(c) jadi seakan-akan suatu cadangan hendak meninggalkan semua sekali isi sesuatu fasal dengan tujuan hendak memasukkan syarat-syarat lain.

Saya menyebut 57(4)(b) Tuan Pengerusi. Tadi, Yang Berhormat Menteri telah menyebut dengan jelas jika Fasal 2 itu diterima, ini bermakna ianya bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan kerana sebahagian besar daripada covenant yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong adalah tidak bertepatan dengan Bahagian 2, soal fundamental liberties di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Jika pindaan-pindaan ini diluluskan, ianya tidak akan membawa apa-apa makna, ianya menjadi sia-sia kerana sebahagian daripada cadangan pindaan ini akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan ianya menjadi tidak sah. Jika Yang Berhormat bagi Tanjong berhasrat untuk membawa terus pindaan ini, apa yang perlu beliau buat, pertama sekali ialah mencadangkan pindaan Perlembagaan dahulu sebelum membawa pindaan ini.

M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Baik. Ya, Teluk Intan bangun hendak minta apa?

M. Kulasegaran: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia ini membangkitkan Peraturan Mesyuarat.

M. Kulasegaran: Very well.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Apa penjelasan yang hendak diminta?

M. Kulasegaran: Tidak mengapa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Saya tahu. Saya akan buat keputusan, Yang Berhormat..

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong ,ya, ada apa?

Tuan Lim Kit Siang: Point of order yang sama bahawa yang pertama, Yang Berhormat dari Machang sangat lewat, pindaan pertama telah diputuskan. Sepatutnya tadi dibangkitkan. Yang kedua, bahawa hujah-hujah yang beliau kemukakan, semua tidak beralasan kerana tidak benar dan tidak akan menimbulkan apa yang beliau sebut dalam peruntukan Peraturan Mesyuarat dan kalau begitu saya percaya Yang Berhormat Menteri Luar Negeri lebih fasih dalam undang-undang, sudah tentulah membangkitkan dan sekarang dia mahu merosakkan perjalanan Dewan yang mulia ini sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, berbalik kepada...

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat. Saya kena buat keputusan bersabit dengan apa yang dibangkitkan tadi. Saya rasa Fasal 4(4), ini telahpun dikemukakan untuk perbahasan dan kalau Yang Berhormat hendak bangkitkan Peraturan Mesyuarat 57(4)(b) tadi, mungkin Yang Berhormat boleh buat lebih awal. Ya, Yang Berhormat. Saya rasa sekarang elok kita teruskan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi, saya rasa bukan soal bangkit atau tidak bangkit di sini, minta maaf ya. Kalau Tuan Pengerusi sendiri berpendapat bahawa sesuatu cadangan pindaan itu akan membuang masa Dewan dan sia-sia, sepatutnya Tuan Pengerusi daripada awal-awal lagi boleh menolak cadangan-cadangan tersebut. Bukan soal bangkit atau tidak bangkit, itu perkara yang kedua tetapi saya tengok apabila perjalanan ini seterusnya satu exercise yang membawa makna yang sia-sia.

Saya tidak membantah kalaulah cadangan itu dibuat secara berasingan tetapi notis bagi pindaan ini dibuat secara berkumpulan iaitu satu, dua, tiga, semua sekali dibuat di dalam satu notis. Tetapi kalau notis itu berasingan, satu notis untuk pinda Fasal 2, satu notis untuk pinda Fasal 4...

M. Kulasegaran: Point of order.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Satu notis untuk pinda Fasal 5, itu lain.

M. Kulasegaran: Point of order.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tetapi sekarang ini notis dibuat dalam satu pemberitahu kepada Dewan ini untuk mencari suatu... Saya rasa kalau kita teruskan, ia menjadi sia-sia. Sepatutnya Tuan Pengerusi, apabila menerima notis ini, awal-awal lagi Tuan Pengerusi boleh menolak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Menolak atas alasan tadi.

M. Kulasegaran: Point of order.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dulu, Yang Berhormat. Satu demi satu. Yang Berhormat dari Machang, saya rasa apabila Fasal 4(4) ini dibenarkan untuk dibahas, maksudnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Machang tadi tidak timbul. Saya rasa elok kita teruskan dengan perbahasan. Ya, Bukit Bendera.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih, seperti yang saya katakan tadi, saya tidak berhasrat membahas dengan panjang lebar tetapi saya cuma hendak mengambil kesempatan ini dalam perbahasan pindaan daripada Yang Berhormat dari Tanjong untuk membongkarkan double standard atau triple standard DAP tentang hak asasi ini. Parti DAP hendak merangkumi konvensi-konvensi luar atau antarabangsa termasuk International Covenant of Civil and Political Rights, di antaranya. Saya tidak tahu DAP faham tentang International Covenant of Civil and Political Rights ini kerana di bawah ciri-ciri atau di bawah covenant ini adalah yang mustahak., bagi hemat saya ialah kebebasan berhimpun dan berpersatuan (freedom of assembly and association).

Tadi, Yang Berhormat bagi Teluk Intan telah pun menyebut tentang hak asasi kita tidak setanding dengan hak asasi international standard ataupun universal dalam pindaan ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari

Tanjong, universal human rights standard. Jadi, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat, apakah standard hak asasi DAP sehingga setakat ini. Semua orang pun tahu bahawa ketua-ketua DAP termasuk Pengerusi dan Setiausaha Agungnya telah membantah ahli-ahli DAP dan bekas ahli-ahli DAP daripada memasuki parti-parti lain seperti PRM dan Parti KeADILan., jadi inilah standard hak asasi DAP.

Jadi, pada hemat saya, DAP tidak layak untuk membuat pindaan dan mengatakan apakah sepatutnya standard hak asasi bagi Malaysia. Sepatutnya pandang kepada parti sendiri dan tengok rekod-rekod hak asasi khasnya berkenaan dengan ahli-ahli DAP yang hendak keluar dari DAP dan masuk apa jua parti politik yang mereka pilih. Inilah maksud saya. Kalau DAP benar-benar mengetahui hak asasi khasnya kebebasan berpersatuan atau freedom of association, memang DAP tidak akan membawa pindaan dan tidak akan mengharam atau menghalang sesiapa pun memasuki parti-parti lain dan sebaliknya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Machang, tarik balik pindaan ini, jangan buang masa Dewan ini.

Lagi satu ialah jika Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini ditubuhkan, pada hemat saya, yang pertama, yang berbaris-baris membuat aduan kepada suruhanjaya ini ialah bekas-bekas ahli DAP atau ahli-ahli DAP yang dihalang memasuki parti-parti politik lain. Saya khuatir bahawa DAP pun mungkin tidak dapat menghentikan perbuatan ini. Jadi, saya berharap bahawa kalau ada kompelin dari ahli DAP atau bekas ahli DAP, termasuk United Nation Commission on Human Rights mungkin menyiasat aduan daripada mereka.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong Karang.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya ingat, saya sokonglah cadangan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Bendera, menubuhkan satu suruhanjaya. Suruhanjaya menyiasat mengapa ahli-

ahli DAP ini banyak yang keluar. Jadi, dia selalu sangat hendak mencadangkan suruhanjaya, suruhanjaya DAP yang dia kena buat dahulu.

Tuan Pengerusi, saya hendak mendapat penjelasan sebab saya tidak berapa jelas mengenai pindaan ini. Di dalam pindaan yang dicadang, Fasal 4(4), batalkan bahagian ayat selepas perkataan “pengisytiharan sejagat hak-hak asasi manusia 1948” dan digantikan dengan “dan kebebasan-kebebasan asas yang termaktub dalam perjanjian-perjanjian” dan seterusnya, yang tidak perlu saya baca. Saya hanya hendak mendapat penjelasan, adakah apabila dikatakan batalkan bahagian ayat selepas perkataan “pengisytiharan sejagat hak-hak asasi manusia 1948”, adakah ini juga termasuk perkataan “setakat yang pengisytiharan itu tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan”. Adakah itu juga hendak dibatalkan? Ini yang saya hendak dapat penjelasan. Kalau itu juga dibatalkan, maka saya merasa dukacita. Dukacita kerana pindaan ini bukan sahaja tidak layak dibawa oleh rakyat Malaysia tetapi juga tidak layak dibawa oleh Ketua Pembangkang. Seolah-olah beliau ingin mengenenepikan Perlembagaan kita.

Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat Machang.

Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed: Point of order Tuan Pengerusi. Sebab itu saya bangkitkan 57(4) tadi Tuan Pengerusi, cuba kita lihat versi asal ya. Fasal 4(4) berbunyi bagi maksud akta ini perhatian hendaklah diberikan kepada Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia 1948. Setakat Yang Perisytiharan itu tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, maknanya cadangan itu sudah menjaga supaya jangan terjadi sebarang peruntukan dalam undang-undang ini yang akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Baik cadangan yang dikemukakan oleh Tanjong, Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia 1948 dan diganti, itu dibuang Tuan Pengerusi dan diganti kebebasan-kebebasan asas yang termaktub di dalam perjanjian-perjanjian (covenant-covenant) serta persetujuan-persetujuan antarabangsa yang mana Malaysia merupakan sebahagiannya. Kalau

pindaan ini diterima Tuan Pengerusi, sebahagian besar daripada covenant yang kita tidak ratify itu nyata bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan jika ini diterima Tuan Yang di-Pertua, ianya secara automatik menjadi suatu exercise yang sia-sia kerana ianya tidak sah. Yang Berhormat Tanjong sendiri mengakui bahawa sebarang undang-undang yang dibuat di Parlimen, constitution adalah supreme law of the country, mana-mana undang-undang lain yang diperbuat bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan tetap diisytiharkan batal dan tidak sah Tuan Pengerusi.

Jika cadangan ini diterima, jelas Tuan Pengerusi, ianya akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan sebab itu saya bangkitkan tadi bukan soal Fasal 1 sahaja, fasal yang sedang kita bincangkan di peringkat Jawatankuasa ini Tuan Pengerusi, juga jika benarkan bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan. Bagaimana masa Dewan ini boleh bincang sesuatu yang akan jadi sia-sia, saya tidak mahu membuang masa berbincang sesuatu yang tidak ada hasil sedikit pun Tuan Pengerusi. Bukan saya hendak menolak atas alasan kerana saya hendak cari publisiti murah atau hendak menghalang hak Yang Berhormat bagi Tanjong tetapi kita mesti menghormati peraturan dan undang-undang negara kita.

Negara kita membuat peruntukan jelas bahawa mana undang-undang bertulis yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan tetap batal dan tidak sah setakat yang dia bercanggah Tuan Pengerusi. Itu peruntukan jelas dan jika kita ikut tadi Tuan Pengerusi kedua-dua cadangan ini jelas Fasal 4 asal sudah pun mengambilkira kepentingan Perlembagaan. Pihak kerajaan sudah mengambilkira bahawa Perlembagaan tidak boleh dilanggar, kalau langgar maka ia menjadi tidak sah. Sebab itulah perisytiharan itu yang tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, sejauh yang tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan itu tidak diambil kira tetapi jika cadangan ini diterima termasuk kerajaan mesti mengiktiraf kebebasan-kebebasan asal yang termaktub dalam perjanjian-perjanjian, kebebasan-kebebasan covenant serta persetujuan-persetujuan antarabangsa yang

mana Malaysia merupakan sebahagian, saya percaya kerajaan mempunyai matlamat yang cukup bahawa sebahagian besar daripada komponen peringkat antarabangsa bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan kita sebab itulah kita tidak boleh menerima. Dan jika cadangan ini Tuan Pengerusi ..

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*.

Tuan Haji Noh bin Omar: Duduklah, bagi Tuan Pengerusi buat ruling dahulu, apa ni, ruling....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Lagi sekali Tuan Pengerusi 57(4).

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Tuan Haji Noh bin Omar: Kena Tuan Pengerusi rulinglah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dulu saya akan buat, nanti dulu, nanti dulu Tanjong nanti dulu satu demi satu,tidak akan tidak tahu. Yang Berhormat tadi bila Fasal 4(4) ini dibentangkan, adakah Yang Berhormat bangkitkan perkara ini.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, boleh....

Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Sebab tadi saya tidak ada.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya jelaskan untuk tidak kita keliru dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Machang. Saya punya alasan untuk menolak adalah ianya bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan. Saya membahaskan kerana ia dibenarkan pindaan ini tetapi alasan kerajaan menolak oleh kerana ia tidak sesuai dan bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan. Jadi bermakna apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Machang memang sudah kita ambil kira bahawa memang bertentangan sebab itu kita tidak boleh bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat untuk pinda, kalau kita sudah bincang..

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau demikian...

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kalau kita sudah bincangkan fasal yang awal Tuan Pengerusi, di dalam peruntukan 57(4) ini kita masih lagi boleh berhentikan perbincangan oleh kerana di dalam perkataan yang digunakan,... Tuan Pengerusi boleh enggan mengemukakan sesuatu pindaan. Jadi bermakna mana-mana pindaan pun Tuan Pengerusi boleh menggunakan kuasa. Jadi saya pulangkan kepada Tuan Pengerusi....[*Disampuk*].

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya setuju Tuan Pengerusi, atas point of order, saya cukup bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri. Ini satu persatu, walaupun Fasal 1 sudah lepas Tuan Pengerusi, bincang, okay. Tuan Pengerusi, bangkitkan tadi, saya tidak bangkit point order. Sekarang kita sedang bincang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat nanti dulu, itu saya tidak mempertikaikannya, yang saya persoalkan maksud saya sama ada 4(4) ini tadi Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bangkitkan perkara yang sama, kalau Yang Berhormat pernah bangkitkan perkara ini maka ini boleh ditolak.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya bangkitkan sekarang, sebab itu saya bangkitkan tadi Tuan Yang di-Pertua, di awal-awal tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Sebab bila saya masuk tadi perkara ini telah pun dibentangkan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Betul, betul Yang Berhormat..

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Batang Lupar diminta sambung.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Betul Tuan Pengerusi, tetapi keputusan mengenai cadangan pindaan ini masih belum dibuat Tuan Pengerusi, sebab itu selepas Yang Berhormat bagi Batang Lupar bercakap saya terus bangun sebelum daripada Yang Berhormat bagi Bukit Bendera bercakap, saya membangkitkan perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tujuan Yang Berhormat, saya cukup faham.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Baik. Ya Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang oleh kerana penolakan pindaan yang sama....

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan...

Tuan Lim Kit Siang: Nanti dulu...

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dulu, dia hendak bangkitkan, nanti dulu dia hendak bangkitkan point of order...

Tuan Haji Noh bin Omar: Point of order lagi..

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat...

Tuan Haji Noh bin Omar: Sekarang saya hendak tanya, sekarang point of order dibangkitkan oleh Machang, saya tengah bercakap..

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya..Ya.. Yang Berhormat...

Tuan Haji Noh bin Omar: Macam mana dia tiba-tiba bangun bercakap..

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dia bukan hendak minta laluan, dia hendak bangkitkan point of order.

Tuan Haji Noh bin Omar: Point of order berapa?

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat saya sudah soal dia.

Tuan Lim Kit Siang: Atas point of order yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, yang ke berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Atas point yang sama, point of order mengenai....

Tuan Haji Noh bin Omar: Point yang berapa?

Tuan Lim Kit Siang: ...perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Machang sebelum sesuatu keputusan dibuat oleh Tuan Pengerusi. Oleh kerana penolakan pindaan pertama, apa yang kita ada sekarang ialah tafsiran mengenai hak asasi yang merujuk kepada kebebasan asasi sebagaimana yang termaktub dalam Bahagian 2, Perlembagaan Persekutuan itulah apa yang ada kita berbalik kepada peruntukan yang asal dan pindaan yang kedua, Fasal 4(4) tidak bertentangan dengan Perlembagaan, oleh kerana ia menambahkan peruntukan-peruntukan, memperluaskan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cuba hendak ambil kesempatan untuk berhujah...

Tuan Lim Kit Siang: Bukan mengenai kenapa sama ada membentangkan adakah menentang seperti...

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, tadi dia sudah bentangkan cadangan...

Tuan Lim Kit Siang: ...macam, boleh buat..

Tuan Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat sudah bentangkan cadangan, cukuplah cakap sekali.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Dia sudah bentang tadi cadangan dia cukuplah sekali, tidak perlu penerangan lagi. Bagilah saya bercakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya buat keputusan..

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa begitu takut.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat biar saya buat keputusan. Tenang. Ya, hujah-hujah tadi termasuk juga point of order yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang saya rasa hujah beliau cukup jelas dan itu sebabnya saya soal tadi kenapa, sebelum saya masuk, sebelum Majlis Mesyuarat ditangguhkan tadi adakah ianya dibangkit atau tidak, itu sebabnya dan

saya rasa hujah-hujah tadi itu adalah relevan. Itu sebabnya dan bersabit dengan Peraturan Mesyuarat 57(4) tadi, saya rasa ini saya boleh terima. Dan ini tidak bermakna bahawa fasal yang lain yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong tidak boleh dikemukakan. Ini satu demi satu kita buat, bukannya secara berkelompok, ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Selaras dengan keputusan Tuan Pengerusi, saya mohon supaya pindaan Fasal 4(4) ini ditolak Tuan Pengerusi dan kita can go to the next Fasal 5 pula, supaya kita tidak buang masa.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak dengar satu balasan mengenai hujah-hujah itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Baik, saya rasa Yang Berhormat nanti dulu, saya memang hendak bagi peluang kepada Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*.

Seorang Ahli: Tuaran duduklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Nantilah Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuaran ini apa ini. Nantilah Yang Berhormat sebab ini pun ada point of order. Okey saya bagi peluang tetapi Yang Berhormat bagi Tanjong jangan ambil kesempatan untuk berhujah panjang sangat.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk membalas hujah-hujah yang diberi oleh Yang Berhormat bagi Machang. Tadi saya ada kata bahawa oleh kerana penolakan pindaan yang pertama kita berbalik kepada peruntukan asal di mana definisi human rights ialah apa yang dirujuk kepada Bahagian 2, Perlembagaan Malaysia, tetapi dengan pindaan yang dikemukakan kepada Fasal 4(4) ini memperluaskan bukan menentang Perlembagaan Malaysia oleh kerana apa yang kita mahu ialah satu, di mana satu senario di mana suruhanjaya hak-hak manusia boleh buat satu...

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, dia sudah terangkan tadi tujuan pindaan Perlembagaan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Mana boleh bagi dia bercakap lagi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tadi sudah terangkan sebab apa pindaan dibuat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya sudah cakap, saya kalau saya bagi peluang kepada beliau bukan untuk berucap panjang lebar tetapi saya...

Tuan Haji Noh bin Omar: Tetapi dia berucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tetapi saya hendak dengar apa rintihannya, saya hendak tahu.

Tuan Lim Kit Siang: *[Memandang kepada Yang Berhormat bagi Tanjong Karang]*

Tuan Haji Noh bin Omar: Apa tengok-tengok, tengok depanlah. Apa ini! Tidak tahu, lain kali bentang baik-baik, baru kita boleh bahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, adalah dinasihatkan....

Tuan Haji Noh bin Omar: Ini sudah bentang dibentangkan. Tidak tahukah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kalau Yang Berhormat hendak cakap, cakuplah dengan cara yang sopan.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tidak, dia pun kadang-kadang tidak sopan Tuan Pengerusi, saya ada floor, saya belum habis lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Halau dia daripada Dewanlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa ini cukup tidak elok..

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Itu Jelutong semalam. Bila cakap, bila sendiri kata orang..

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Cukuplah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sekejap sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat cukuplah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, boleh saya, soalnya tadi Yang Berhormat sudah menjelaskan dan sekarang kalau Tuan Pengerusi sudah buat keputusan maka saya menganggap bahawa perkara ini kalau Tuan Pengerusi hendak teruskan patut kita pergi kepada Fasal 5 dan tidak boleh lagi Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat, ini berbalik kepada Fasal 4(4) ini keputusan saya adalah muktamad dan Yang Berhormat tidak [*Disampuk*] Nanti dahulu Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat kalaulah tadi Yang Berhormat telah pun diberi peluang untuk mencadangkannya tentulah Yang Berhormat berikan hujah-hujah yang munasabah. Peluang itu ada,

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Saya hendak tahu saya bagi peluang [*Disampuk*] Nanti dahulu Yang Berhormat, saya bagi peluang kepada Yang Berhormat bangun untuk menyuara sesuatu sebab saya fikir mungkin Yang Berhormat ada perkara yang lain yang mungkin Yang Berhormat, Fasal 5 itu kita belum membentangkan lagi. Mungkin Yang Berhormat hendak membuat pindaan yang lain saya tidak tahu. Tetapi Fasal 4 ini...

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis oleh kerana Yang Berhormat Tanjong Karang boleh kacau, semua diganggukan..

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak..

Tuan Haji Noh bin Omar: Siapa, siapa kacau?.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah...Yang Berhormat, Tanjong Karang, Yang Berhormat cukuplah. Ini bukan teladan yang baik, Yang Berhormat Tanjong kalau tidak ada perkara yang lain, sila duduk..

Tuan Haji Noh bin Omar: Duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: Fasal 4 sampai habis, sebelum mendengar..

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Saya sudah buat keputusan Yang Berhormat, tadi saya pun sudah dengar apa yang hendak disuarakan sebelum saya buat keputusan ini, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis saya kemukakan pandangan saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ada hujah yang lain lagikah? Saya rasa....

Tuan Lim Kit Siang: Belum, saya belum habis pandangan saya, kenapa 4(4) patutlah dikemukakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Saya rasa Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Ha..Itulah...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Itu berjayalah, politik berjayalah, baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kerusi di sini bukan di belakang.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tetapi black mirror sana. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong Karang tenangkan fikiran dan tidak payah tinggikan nada Yang Berhormat, saya dengar itu. Ya Yang Berhormat ada hendak cakap tadi.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sudah tolak yang Fasal 4(4) itu maka bermakna Yang Berhormat bagi Tanjong akan mengemukakan pindaan yang lain berkenaan dengan 5(1) berkenaan perkataan, sebab dia di dalam peruntukan Peraturan Mesyuarat 57(4).

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tetapi Yang Berhormat sebelum itu saya hendak ingatkan bahawa ini memang telah pun saya tolak dan Fasa 4 asal....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dikekalkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:....kenal dikekalkan.

Fasal 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 5 - [Pindaan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong]

3.00 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya cadangkan Fasal 5(1) untuk membatalkan perkataan “dua puluh” dan digantikan dengan “dua belas” untuk perlantikan bukan 20 orang Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia tetapi 12. Sebelum itu saya rasa sangat kesal, bahawa perbahasan untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia dan sepatutnya boleh dapat sungguhpun ada perbezaan sama ada kewibaaan dan kebebasan Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia boleh diadakan dan cara bagaimana ia boleh diperkuatkan, tetapi perbahasan dijalankan secara di mana nampaknya tidak ada apa-apa hasrat untuk mendengar pandangan-pandangan yang berbeza sehingga mahu menyekat perbahasan.

Oleh kerana kita mahu suruhanjaya satu tujuan di mana kita mahu kurangkan bilangan Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia ialah flexible supaya kita boleh bilangan yang boleh menjalankan tugas Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia lebih independent dan credible. Ini bersangkut paut dengan isu-isu yang lain, jurisdiction, kuasa, bidang, funding dan lain-lain. Kalau kita tidak mahu membenarkan satu senario di mana kita boleh menerima bahawa sungguhpun satu tindakan mungkin dari segi undang-undang sah tetapi dari segi hak-hak asasi itu ia telah melanggar hak-hak asasi. Itulah sebab kenapa pindaan tadi begitu mustahak, bukan menentang, menentang federal constitution tetapi supaya kita ada

satu badan di mana kita menegakkan the rule of law, hak asasi manusia dan bukan the rule by law.

Kita tidak mahu Nazi – Jerman undang-undang Nazi di mana semua telah sah.....

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: Tuan Pengerusi, point of order 36(1)..Saya bangkitkan point of order 36(1), kalau bercakap tentang pindaan, cakap tentang sama ada 12 atau 20, bukan hendak pergi kepada isu yang lebih umum.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: 36(1), ya.

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: Ya, 36(1). Dia kata kalau berkaitan dengan pindaan bercakap hal pindaan itu sahaja, kenapa terus balik kepada perkara-perkara yang umum. Dia balik kepada yang umum, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya akan buat keputusan.

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: Mengapa hendak argue, mengapa hendak 12, bukan 20? Sepatutnya pembangkang hendakkan lebih ramai, bukan lebih kecil, ini terbalik!

Tuan Lim Kit Siang: Ini kerana supaya kita tak mahu commissioner yang jadi boneka seperti Tanjong Karang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, duduk dulu, saya akan buat keputusan. Yang Berhormat bagi Tanjong kenalah faham bahawa Yang Berhormat tengah mencadangkan sesuatu pindaan dan cadangan ini hendaklah relevan bersabit dengan apa yang hendak dipinda, dan bukannya Yang Berhormat hendak mengambil kesempatan untuk menyentuh perkara yang telah pun dimuktamadkan. Lagi pun, saya rasa apa Yang Berhormat hujahkan tadi itu jauh terpesong daripada apa yang patut diucapkan. Berbalik kepada tajuk tadi Yang Berhormat. Sebab yang ini straight forwards sahaja sebab yang ini bersabit dengan bilangan anggota.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Pengerusi, sungguhpun ini straight forwards tetapi rasional. Pindaan ini ialah supaya kita ada satu bilangan yang berwibawa, flexible, yang tidak boleh tertindas dan tertekan oleh sesiapa. Mungkin lah apa yang saya mahu kemukakan saya boleh tunggah sehingga pindaan kepada Fasal 5(3) di mana hujah-hujah ini boleh dikemukakan kepada orang-orang yang begitu takut Peraturan Mesyuarat 36(1). Saya tidak tahulah kenapa Yang Berhormat bagi Rompin begitu takut mengenai satu perbahasan yang sepenuhnya mengenai hak-hak asasi manusia.

Itulah cadangan saya bahawa dalam ucapan saya, saya pun ada sebut kenapa 20, saya tahu bahawa kalau tidak silap, cadangan hasrat kerajaan di mana disahkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa pada permulaannya untuk melantik 12 orang Commissioner tetapi kalau begitu kenapa ada peruntukan untuk 20 oleh kerana kita tidak mahu satu peruntukan di mana adalah kedudukan fall back di mana untuk menidakkan satu keputusan yang mungkin boleh dibuat oleh Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia untuk menambahkan bilangan suruhanjaya hak asasi manusia.

Ini lah sebabnya cadangan ini dibuat antara sebabnya dan kedua bahawa kita tidak mahu apa-apa campur tangan dari pihak yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

3.05 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, cadangan pindaan ini mengenai Fasal 5 patut ditolak atas dua alasan, Tuan Pengerusi.

Pertama, saya nampak DAP sendiri tidak consistent dalam mengemukakan pindaan ini. Salah satu hujah yang dibawa oleh DAP khususnya Yang Berhormat bagi Tanjong semasa membahaskan rang undang-undang di peringkat dasar. Dia mempersoalkan "lack of consultation" bahawa tidak dirundingi pihak-pihak yang terlibat dengan kepentingan ini. Jumlah asal dicadangkan 20 anggota. 20 anggota

tentulah dari segi consultation lebih bermakna dari 12 orang. Mengapa pula apabila kerajaan mencadangkan 12 orang supaya pandangan daripada 20 orang boleh ditinjau untuk memutuskan sesuatu isu, mengapa pula Yang Berhormat memperkecilkan kepada 12 orang? Saya tidak nampak konsistennya dengan perkara yang dibangkitkan oleh DAP. Sepatutnya dia kena sokong pasal dia telah membangkitkan isu consultation. 20 orang - kepala 20 orang fikiran 20 lebih baik daripada fikiran dan kepala bagi 12 orang lebih baik tetapi mengapa pula dia membantah supaya angka ini diperkecilkan?

Saya tidak nampak konsistennya itu, sekali dia cakap lack of consultation, sekali dia hendak kurangkan pula. Mengapa perkara ini, apakah ini semata-mata exercise untuk mencari suatu publisiti murah. Tadi tuduhan Yang Berhormat daripada DAP mengatakan kita menyekat. Sebenarnya saya bangkitkan itu, saya sebagai Ahli Yang Berhormat, ahli Dewan ini tidak mahu diperbodohkan oleh orang DAP tidak tentu pasal, Tuan Pengerusi. [*Tepuk*] Bila kita ada peraturan, kita tidak mahu.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya rasa walaupun apa yang dihujahkan saya faham.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Itu tidak ada konsisten, itu alasan pertama.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, peruntukan asal, alasan kedua patut ditolak, Tuan Pengerusi. Suruhanjaya hendaklah terdiri tidak lebih daripada 20 orang anggota - ini yang asal. 20 orang – tidak lebih daripada 20 orang, kerajaan boleh lantik 18, boleh lantik 8, boleh lantik 12, tidak semestinya 20 orang. Maknanya tanpa pindaan inipun barangkali cadangan ini akan dikuatkuasakan selepas daripada ini. Mungkin kerajaan melantik 12 orang, tetapi hanya peruntukan mengatakan 20. Ini budi bicara kerajaan hendak lantik 8, hendak lantik 3, hendak lantik seorang ke, itu terpulang kepada kerajaan.

Fasal, peruntukan asal mengatakan tidak lebih daripada 20 orang, makna boleh jadi 19, 18, 17, boleh jadi 12, boleh jadi 10 tetapi peruntukan itu ada. Jadi tanpa pindaan daripada Yang Berhormat bagi Tanjong pun, hasrat untuk 12 orang lepas ini kemungkinan tercapai. Jadi tidak ada makna pindaan, Tuan Pengerusi, saya mohon supaya Dewan ini menolak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Baik. Hujah tadi saya rasa saya boleh terima sebab 12 orang dan 20 orang itu memang cukup jelas. Tidak lebih daripada 20 orang maksudnya ianya boleh jadi 12 orang dan sebagainya. Ini saya akan menolak. Fasal 5(1) saya putuskan supaya ianya ditolak.

Tuan Lim Kit Siang: Ditolak atas apa sebab?

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya sudah cakap tadi itu, takkan Yang Berhormat tidak dengar?

Tuan Lim Kit Siang: Oh, ini hak asasilah, tengok! Perbahasan undang-undang ini.....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, kalau saya boleh mencelah sedikit, Tuan Pengerusi, tadi yang dibawa adalah hujah daripada kita untuk menolak, mungkin di peringkat ini Tuan Pengerusi suka kembalikan kepada Dewan untuk diundi, untuk tolak ataupun untuk terima pindaan yang telah dikemukakan oleh kerana kita telah terima perbahasan, telah diadakan perbahasan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat, yang ini belum dibahaskan.....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dibahaskan tadi, yang itu....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Dia hanya hendak mencadangkan tetapi belum lagi dibuka untuk dibahas.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tadi Yang Berhormat bahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak, dia bawa point of order. Dia bangun atas point of order. *[Ketawa]*.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Minta maaf, Tuan Pengerusi....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya punya pandangan tadi, Tuan Pengerusi, tanpa mengambil tempat yang Tuan Pengerusi patut membuat keputusan kerana telah dibentang oleh Yang Berhormat dan dia memberikan alasan dia dan selepas itu kita pula mengambil bahagian didalam pembentangan tadi. Oleh itu saya mohon supaya diputuskan di peringkat Dewan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat, saya rasa tadi Fasal 4(4) saya telah pun menolaknya atas premis yang sama dan ini nampaknya agak straight forwards dan hujah tadi itu saya rasa saya boleh terima.

Tuan Haji Noh bin Omar: Jadi, tidak ada peluang bahaskah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Itu terhad kepada Fasal 5(1), bukannya 5(3) dan sebagainya, tidak. Jadi saya khususkan kepada Fasal 5(1).

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat Tanjong.....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Tengok keadaan di mana cadangan ini ditolak. Ini sangat aneh...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dulu Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi, semasa saya bangun tadi, saya terpaksa adil kepada Dewan ini, Tuan Pengerusi, adil kepada Dewan dan adil kepada diri saya. Saya tidak membangkitkan point of order, saya ambil bahagian dalam perbahasan tadi dan terhadap pindaan Fasal 5(1).

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat ...

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Lepas itu apabila saya berhenti berucap, saya hujahkan tadi ialah bagi pihak kerajaan mengapa pindaan harus ditolak bukan atas point of order tetapi atas hujah-hujah perbahasan, Tuan Pengerusi. Jadi, sepatutnya, Tuan Pengerusi, selepas selesai perbahasan perkara ini mesti diundi di dalam Dewan ini – itu caranya – mesti diundi untuk mendapat keputusan mengenai Fasal 5(1). Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong Karang Bangun atas apa?

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya bangun cuma hendak mengambil bahagian dalam perbahasan. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Baik.

Tuan Haji Noh bin Omar: Sebab saya tahu mesti ada perbahasan, baru boleh ditolak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong Karang, sila..

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi, inilah saya tidak salahkan Tuan Pengerusi. Ini sebab kelam kabut parti pembangkang. Kita pun naik confuse dibuatnya. Jadi, inilah kalau kita sudah salah cakap.....

Dr. Tan Seng Giaw: Ini politik budaya ugutan yang terakhir.

Tuan Haji Noh bin Omar: Demokrasi boleh hilang. Okay, saya hendak pergi ke point. Saya sudah sentuh Fasal 5(1). Saya pun rasa hairan dan pelik kenapa parti pembangkang, dulu dia tuduh banyak kali dia bercakap, dia bimbang kalau suruhanjaya ini nanti jadi alat kerajaan, tidak adil dan sebagainya. Kalau hendak pastikan supaya ia lebih adil, tidak mudah dibeli ahli-ahlinya, tidak ada

konspirasi di dalam Suruhanjaya ini, maka logiklah biar dia ramai. Kalau sedikit, mudah dibeli tetapi kalau ramai lagi susah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ini kalau tidak relevan, tidak ada kena-mengena dengan apa yang dibahaskan, saya terpaksa berhentikan Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya memberi alasan saya mengapa cadangan 5(1) oleh Ketua Pembangkang ini mesti ditolak. Yang kedua saya hendak bangkitkan, kita lihat di beberapa negeri bilangannya memang berbeza-beza, seperti di Filipina terdapat lima orang, di Thailand hanya sebelas orang dan di Indonesia lagi ramai, 25 orang ahli-ahli hak asasi manusia.

Jadi, di Asia juga kita tengok bilangannya adalah berbeza-beza. Jadi, saya ingin mengatakan bahawa cadangan daripada parti pembangkang ini tidak patut kita terima kerana tidak lebih dari 20 yang telah dicadangkan oleh pihak kerajaan adalah munasabah dan harus kita beri sokongan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Hendak cakap?

Tuan Yunof Edward Maringking : *[Bangun]*

Datuk Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ya, beri dia peluang.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuanan duduklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Rompin tidak mengikut peraturan.

Itu memang tabiat dan tabii Barisan Nasional.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hendak bodek bosskah ini?

Seorang Ahli: Kepong akan digugurkan

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bodek, bodek.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu sekurang-kurangnya kali ini Kota Tinggi betul. Ini bukan bodek, ini cakap betul. Dia benarkan dibahas

sebelum ditolak. Ini betul, bukan semua yang dibuat itu salah, tidak perlu bahas ini.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sudah tidak perlu ambil bahagian.

Dr. Tan Seng Giaw: Bagaimana tak perlu bahas ini, ini sudah salah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, dia bercakap keluar dari tajuk, 36(1).

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Belum cakap lagi pasal apa hendak bangun dah?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sedikit sahaja. Tadi Yang Berhormat kata tidak semua cadangan ini salah, bermakna Yang Berhormat sudah mengakui bahawa Fasal 1 dan Fasal 2 itu sahaja yang salah dari segi peraturan. Yang Berhormat mengaku itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya belum duduk lagi dia cakap sekarang. Belum saya bahas lagi dia bahas pula.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Because you always talk outside.

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi terbaliklah, songsang. Ini songsang 'maca'...

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia ini kuat merapu.

Dr. Tan Seng Giaw: Pasal apa hendak merapu pula. Itu penceroboh hak asasi utama. *[Ketawa]*. Tuan Pengerusi, saya sokong pindaan ini. *[Disampuk]* Harapan dia itu gelap sebab bukan kerana kita ada 20 ataupun 40 ini bermakna consultation ada. Consultation tidak kena-mengena dengan bilangan itu sikap dan kriteria yang digunakan oleh pihak kerajaan. Misalnya, kita boleh buat satu contoh, di dalam Danaharta sekarang kita ada lembaga. Di dalam lembaga ini ada terdiri beberapa orang, tidak payah saya sebutkan nama, ada semua orang ini dan Chenderoh pun tidak tahu kenapa....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, hujah dia tidak bernaslah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed JaafarAlbar: Tuan Pengerusi, saya minta tidak ada kena mengena ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana contoh.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed JaafarAlbar: Contoh tidak kena mengena langsung.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, inilah cara cakap Yang Berhormat berbahas, bila Yang Berhormat hendak minta peluang saya bagi tetapi cara dan jauh...*[Disampuk]* Yang Berhormat, nanti dulu. Cara Yang Berhormat hendak bahaskan perkara ini jauh terpesong. Dan lagi pun, Yang Berhormat yang lain, tadi sebenarnya saya sudah buat keputusan berasaskan Peraturan Mesyuarat 57(4)(d) seperti mana yang saya putuskan tadi sebelum ini dan Yang Berhormat ada pula yang tidak setuju dan sebagainya dan inilah saya terpaksa menghormati hak-hak yang ada pada Yang Berhormat, itulah sebabnya saya beri Yang Berhormat teruskan. Kalau tidak saya menolaknya mengikut Peraturan Mesyuarat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap mengenai kriteria untuk lantikan dan juga mengapa bilangan anggota tidak semestinya bermakna consultation, terserah kepada kriteria yang digunakan untuk melantik seseorang. Misalnya, kalau kita melantik semua yang menyokong kerajaan maka consultation pun ada kena-mengena dengan kerajaan sahaja. Kalau baik kita lantikkan dengan lebih adil, kalau lantik pihak penyokong kerajaan, lantik pihak pembangkang juga. Jadi kita seimbanglah itu, inilah yang lebih penting daripada bilangan, kriteria yang digunakan untuk melantik anggota-anggota. Saya bagi satu contoh yang paling ketara 7 orang di dalam Danaharta, macam mana kita lantik semua orang ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat] : Yang Berhormat, sekarang ini bukan soal untuk ...*[Disampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ada kena mengena dengan bilangan anggota dan kriteria yang kita gunakan untuk melantik mereka.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi, Point of order, sekali lagi dia bercakap tidak pada tajuk, Tuan Pengerusi. Kalau dia hendak bercakap tentang kriteria Fasal 5(3) itu kriteria. Mengapa pergi sentuh Fasal 5(1) pula? Macam mana, ini saya kata tidak.....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat] : Yang Berhormat, saya rasa apa Yang Berhormat Kepong cuba hendak hujahkan itu sudah terkeluarlah, Yang Berhormat. Terkeluar daripada...

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz Tidak bernas. Tidak bernas.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed JaafarAlbar: Tuan Pengerusi, saya minta untuk diberikan peluang untuk menggulung di dalam pindaan ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dulu, Yang Berhormat. Tuaran pula yang bangun.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz Tuaran duduklah.

Seorang Ahli: Tuaran jangan kacau-kacaulah. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Duduk bah kau, Tuaran.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Pengerusi, saya bangkit untuk membahas berkenaan dengan Fasal 5(1) kerana saya sedar bahawa peruntukan asal itu bukanlah satu peruntukan yang mandatori. Tetapi biasanya bila sudah ada peruntukan ataupun bilangan yang ada di situ maka pihak kerajaan akan mempunyai alasan untuk melantik yang lebih atau yang secukup-cukupnya 20. Tetapi saya berpendapat bahawa 20 itu adalah satu angka yang besar dan kalaulah

kerajaan nanti akan memenuhi atau menggenapkan yang 20 itu, semua anggotanya akan dibayar elaun.

Justeru itu, kita harus perkecilkan oleh kerana bilangan yang besar itu tidak semestinya berkesan dalam tugas mereka. Yang pentingnya ialah kita mempunyai ahli yang berkualiti dan berwibawa dan kalau setakat untuk menggenapkan bilangan kita hanya membuang wang rakyat. Kita ambil contoh Suruhanjaya Pilihanraya di dalam seluruh negara lebih daripada 100,000 bertindih sahaja dia tidak menjalankan tugas. Jadi yang pentingnya kualiti dan komitmen kepada tugas. Jadi saya rasa, Tuan Pengerusi, kita perlu perkecilkan dan kalau boleh kita membuat odd number bukan even, oleh kerana kalau-kalau ada pengundian cannot make a decision.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz Hujah tidak bernas langsung.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Minta penjelasan. Ini bercanggah dengan cadangan kerana cadangan ini hendak supaya even number bukan odd number.

Tuan Yunof Edward Maringking: Itu saya punya cadangan sahaja.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Bermakna tidak setujulah dengan cadangan Yang Berhormat Tanjong. *[Ketawa]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuaran tidak faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dulu, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed nazri bin Abdul Aziz: Dia ini teruk betullah. Teruk. Teruk.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Saya hendak bagi nasihat kepada Yang Berhormat dari Tuaran, biasanya dalam keadaan seperti ini Yang Berhormat hanya boleh menyentuh kenapa Yang Berhormat menyokong atau tidak tentang pengurangan bilangan dari 20 orang kepada 12 orang dan bukannya Yang Berhormat bangkitkan sesuatu yang baru.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya punya hujah saya sudah...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat. Kalau dalam perbincangan dasar itu lain. Sekarang ini dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya sudah hendak gulung. Itu pandangan untuk penggulangan. Tetapi saya ingat ini kita kena timbang, Tuan Pengerusi, oleh kerana even numbers, jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ini tidak dapat ditimbang rasanya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Rompin bangun.

Seorang Ahli: Pokok Sena.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, saya rasa lebih baik kita beri peluang kepada pihak pembangkang buat keputusan dulu. Nanti kita undi tolak. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Saya sudah buat keputusan tadi dan saya sudah bagi nasihat tadi, ini saya rasa tidak relevan, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya akur, Tuan Pengerusi, tetapi saya katakan ini perlu dipertahankan pengurangan atas sebab kita tidak mahu buang wang rakyat. Jadi, saya rasa saya sokong cadangan yang dikemukakan dan kalau pihak kerajaan mahu membantah, inilah standard hanya mahu membuang duit rakyat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Sekejap Yang Berhormat hendak sokong 12 orang, sekejap Yang Berhormat kata elok kalau ada odd number. Yang Berhormat Datuk Menteri.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, selalu saya pun dapati susah hendak melayan Tuan kerana Tuan ini keliru. Tuan Pengerusi, saya fikir untuk keadilan kita berikan peluang untuk berbincang di atas nama hak asasi dan keadilan. Kalau kita sudah tetapkan 20, bermakna 12 orang

pun boleh. Tetapi biarkan, terpulung bila dilantik jangan kita membuat andaian sebelum Suruhanjaya ini menjalankan tugasnya. Ini adalah satu perkara yang tidak baik langsung. Jadi, saya memohon supaya ianya ditolak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak cakap lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Saya gulung. Gulung ialah saya, bukan Yang Berhormat Menteri oleh kerana.....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dia jawab. Dia jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat berhak bangun minta peluang untuk bercakap lagi dalam peringkat Jawatankuasa, biasanya saya boleh bagi peluang lebih daripada sekali. Tetapi Yang Berhormat, peranan Yang Berhormat bukan hendak gulung perbahasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dalam Jawatankuasa boleh cakap lebih daripada sekali bila orang yang gulung, bukan menteri yang gulung oleh kerana pindaan ini bukan dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri. Itu pandangan Yang Berhormat Menteri kita hormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, prosedurnya Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Menteri dia jawab, bukan Yang Berhormat sendiri yang akan gulung, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah sepatutnya sesiapa yang kemukakan ada diberi peluang untuk menjawab apa-apa yang dikemukakan. Inilah kalau kita mahu kata hak asasi. Sebab yang dikemukakan adalah mengenai konsultasi, bukan mengenai perlantikan dan kalau ada hujah-hujah oleh kerana sebab consultation melantikkan 20 dan kita patut menerima angka ini, kalau begitu lebih baik kita melantik 200 orang sebagai anggota-anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.

Seorang Ahli: You have to sit down.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dulu Yang Berhormat. Tanjong.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sila duduk. 36 (1), kita tadi telah bincang, dia telah kemukakan dan saya pun bagi jawapan, selepas itu dia bentang balik. Jadi macam mana, Tuan Pengerusi, itu bertentangan dengan 36(1) perkara yang telah dibawa, telah dibahaskan, tidak boleh dibentangkan semula.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sebenarnya saya bersetuju apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Menteri, tetapi bukan Peraturan Mesyuarat 36(1), yang itu saya rasa tidak kena. Tetapi balik kepada apa yang hendak diujahkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong, saya rasa Ahli Yang Berhormat tidak boleh ambil kesempatan ini atas nama hendak membuat penggulungan perbahasan. Itu tidak timbul.

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh, pagi ini saya

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat, tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Pagi ini saya ada buat, apa ini pagi ini satu peraturan, petang satu peraturan yang berlainan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat. Ini bukan peraturan. Sebab

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat, sabar. Sebab selama ini takkanlah Yang Berhormat tidak mengerti, inilah satu kebiasaan, satu kelaziman, biar pun pindaan itu Yang Berhormat yang bangkitkan ataupun bentangkan, tidak semestinya, ianya tidak bermakna Yang Berhormat akan membuat penggulungan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tetapi saya sudah diberi the floor, dan dengan itu patut saya habiskan the floor, selain daripada Yang Berhormat mahu berhentikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu. Tidak, Yang Berhormat bangun, saya cukup hormati hak Yang Berhormat untuk bangun atas peraturan mesyuarat kadangkala, saya beri peluang. Tetapi Yang Berhormat janganlah ambil kesempatan untuk hendak membuat penggulungan. Itu tidak kena, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ucapan saya yang kedua, kalau sifat sebagai penggulungan ataupun bukan penggulungan, itu hal yang lain, tetapi itu untuk kemukakan jawab apa yang diutarakan tadi dan kalau pagi ini saya telah buat dan ini juga mengikut peraturan mesyuarat dan saya harap bahawa apabila kita bincang dan bahas meluluskan sesuatu rang undang-undang untuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, kita hormatlah hak asasi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, okay. Sekarang ini Yang Berhormat bangun hendak minta apa? Hendak cakap tentang perkara yang sama ataupun perkara

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri untuk berucap dan menjawab apa yang dikemukakan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Elok Yang Berhormat menyentuh perkara yang lain dan bukannya berbalik kepada perkara yang ...

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi perkara ini belum diputuskan dan kita masih atas pindaan yang telah saya kemukakan di atas Fasal 5(1).

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Baik. Saya beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat berhujah, tetapi janganlah mengulangi apa yang telah dihujahkan, lepas itu Yang Berhormat Menteri, kalau ada yang hendak ditokok tambah, saya benarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya tidak mengulangi apa yang telah disebut, saya mahu jawab sahaja hujah-hujah bahawa 20 ialah menunjukkan bahawa kerajaan lebih rela sanggup untuk menghormati proses consultation, yang itu karut sekali oleh kerana tidak timbul.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Kalau begitu kita patut mengadakan 200 orang anggota dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan saya sangat terperanjat bahawa ada ahli-ahli Parlimen dengan I.Q. yang mungkin begitu rendah, khasnya ada orang yang satu masa dahulu telah bersetuju bahawa perlulah untuk menegakkan hak-hak asasi, masa mereka tidak dalam Barisan Nasional tetapi sekarang lagu yang lain. Dan kita tahu siapalah, kita tahu siapa itu.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Macang bangun, hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Mahu minta jalan? Ya, boleh.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya tahu Yang Berhormat rujuk itu kepada saya. *[Ketawa]* Yang Berhormat, kerana mempertahankan hak asasilah kita menyokong rang undang-undang ini. Dahulu tidak ada rang undang-undang mengenai kebebasan asasi di negara ini, Yang Berhormat pertikai, pembangkang pertikai dan sekarang kerajaan buat rang undang-undang hak asasi, masih lagi tidak puas hati. Apa lagi Yang Berhormat hendak?

Tuan Lim Kit Siang: Apabila Yang Berhormat menentangkan segala kezaliman di negara kita, bukan sebut sahaja masalah, tidak ada suruhanjaya hak asasi manusia bahawa ada undang-undang yang zalim semacam ISA, OSA, sekarang mana? Sekarang boleh menerima 100% oleh kerana harap satu hari boleh dilantik sebagai Timbalan Menteri. Itu sahaja, bukan atas sebab ada prinsip, ada maruah tetapi ada kepentingan sendiri sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat, kita balik kepada tajuk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, oleh kerana dia mahu tanya, bukan saya mahu menyeleweng, dia invite penyelewengan. Dia invite penyelewengan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar: Orang yang lemah langsung!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, ini untuk for the record straight, supaya rakyat tahu, negara tahu.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Noh bin Omar: Point of order.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada lagi point of order, Yang Berhormat. Yang Berhormat Tanjong, sekejap.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Point of order.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada point of order, Yang Berhormat. Ya, apa dia Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa begitu takut?

Tuan Haji Noh bin Omar: Apa takut? Ini hak asasi!

Tuan Lim Kit Siang: Barisan Nasional dalam perbahasan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila baca.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, 36(6) - sangkaan jahat. Yang Berhormat bagi Tanjong tadi memberi sangkaan jahat kepada Ahli Yang Berhormat bagi Machang, seolah-olah apa yang dipercakapkan dalam Dewan ini seolah-olah ada sesuatu yang dikejar, hendak jadi menteri dan sebagainya, sedangkan dia bercakap sebagai hak dia sebagai Ahli Parlimen. Ini sangkaan jahat!

Tuan Lim Kit Siang: Dia sudah mengakui, dia duduk, dia tidak berani berdiri, bukan sangkaan jahat! Itu betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong. Minta duduk Tanjong Karang.

Ahli Yang Berhormat, saya suka memperingatkan, kita telah tergendala lama. Saya ingat banyak perkara yang dibincangkan itu tidak bersangkutan. Kita kena teruskan perbahasan. Sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak minta jalan ya.

Tuan Lim Kit Siang: Dia sudah mengakui, ada self interest. Tak payah!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, biar dia teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Satu perkara sahaja ialah tadi ada seorang Ahli Parlimen ada menyebut bahawa di Indonesia ada 25 orang ...

Seorang Ahli: Tanjong Karang.

Tuan Lim Kit Siang: Tanjong Karang, benar, tetapi dalam Indonesia sungguhpun ada 25 orang anggota suruhanjaya hak-hak asasi, tetapi ada three subcommissions, satu subcommission for education and public awareness on human rights, satu subcommission monitoring human rights instruments, satu subcommission for monitoring dan implementation human rights dan dibahagi kepada ketiga-tiga subcommission dan tetapi ...

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada lagi yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi dalam rang undang-undang kita tidak ada peruntukan untuk subcommission, kalau kita lihat peruntukan yang ada semua

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti. Let me finish.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta balikhlah kepada tajuk, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Kalau kita lihat peruntukan dalam Fasal 7 ialah di mana perlu terpakai 2/3 majoriti dan sebab itulah ada rasional untuk cadangan bahawa mengurangkan bilangan yang maksimum 20 kepada 12. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 5 diperintahkan jadi sebahagian dari rang undang-undang.

Fasal 5(3) -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Fasal 5(3). Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong.

3.34 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya cadang bahawa selepas perkataan “kaum” tambahkan “yang dibuktikan integriti serta kebolehannya dan pernah terlibat dalam aktiviti-aktiviti perlindungan dan pemupukan hak asasi manusia serta bukannya orang yang pernah menjadi calon untuk kedudukan pemilihan dalam pilihan raya sebelumnya yang terdekat.”

Tujuan ialah dua, yang pertama, bahawa kita mahu orang-orang yang ada pengalaman, ada rekod dalam kegiatan-kegiatan melindungi dan untuk memajukan hak asasi manusia menjadi

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap Yang Berhormat ya. Yang ini pindaan ke berapa Yang Berhormat, yang sekarang ini?

Tuan Lim Kit Siang: Yang keempat, nombor 4.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: 5(4) sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: 5(3).

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: 5(3). Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Dan cadangan ini atas dua sebab, satu ialah bahawa kita mahu orang-orang yang ada pengalaman dan ada rekod dalam kegiatan-kegiatan melindungi dan memajukan hak asasi manusia supaya mereka faham semangat, hasrat, falsafah betapa pentingnya hak-hak asasi, bukan semacam hari ini sungguhpun kita mahu meluluskan rang undang-undang nampaknya Ahli-ahli Parlimen tidak ada perasaan, semangat hak asasi sehingga mahu mengganggu satu perbahasan yang licin, yang sepenuhnya.

Dan kedua, bahawa kita tidak mahu Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia menjadi satu 'rubbish dump' semacam Dewan Negara, di mana political has-been semua diletak di sana dan tidak ada mengikut kriteria-kriteria sebenarnya ada Dewan Negara baharulah mereka yang ada menunjukkan keunggulan, distinction dalam bidang-bidang tertentu barulah patut dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong kepada Dewan Negara. Dan saya harap ini penting supaya kita boleh mendapat kepercayaan orang ramai terhadap kredibiliti dan kewibawaan anggota Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan pindaan Fasal 5(3) seperti yang dicadangkan terbuka untuk dibahas. Machang.

3.37 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Tuan Pengerusi, saya tidak bersetuju dengan pindaan ini kerana ia telah menafikan hak Ahli Parlimen ini, bekas-bekas Ahli Parlimen khususnya untuk menjadi calon kepada ahli suruhanjaya.

Kalau kita lihat kepada cadangan pindaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong, selepas perkataan "kaum", tambahkan "yang dibuktikan integriti serta kebolehannya dan pernah terlibat dalam aktiviti-aktiviti perlindungan dan penumpuan hak asasi manusia serta bukannya orang yang

pernah menjadi calon untuk kedudukan pemilihan dalam pilihan raya sebelum yang terdekat.”

Tuan Pengerusi, dalam hujahnya ini awal-awal lagi dia mempersoalkan salah satu ahli suruhanjaya mesti ahli-ahli pembangkang juga dipertimbangkan, kalau kita melihat kepada NGO, hujah yang dibawa oleh NGO supaya ahli-ahli parti daripada pembangkang juga dilantik menjadi ahli suruhanjaya.

Tuan Pengerusi, sekarang DAP ini menafikan hak ini. Maknanya, kalau Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong bertanding dalam pilihan raya tahun 1995, kalau suruhanjaya itu hendak dibuat dalam tahun 1995 perlantikan, dia tidak boleh menjadi ahli suruhanjaya.

Jadi, bermakna Ahli-ahli Parlimen yang sudah berhenti menjadi Ahli Parlimen, mengapa tidak layak untuk dilantik menjadi ahli-ahli suruhanjaya? Kerana mereka juga mempunyai integriti bagi memperjuangkan. Misalannya mungkin ada orang DAP sendiri yang kemungkinan layak untuk dilantik, adakah ini bermakna bahawa Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong menafikan hak ahli DAP sendiri yang memperjuangkan hak asasi daripada dilantik menjadi ahli?

Saya bangkitkan perkara ini bukan soal kepada ahli-ahli kerajaan sahaja, tidak ada munasabah kita menafikan Ahli-ahli Parlimen ini untuk menjadi ahli kepada ahli suruhanjaya. Ini sekali lagi menunjukkan DAP juga tidak konsisten. Sekali dia minta supaya Ahli-ahli Parlimen ini diberi peranan untuk memainkan peranan yang besar dalam soal penubuhan hak asasi terutamanya dalam perlantikan anggota suruhanjaya. Sekarang ini secara terang dia menafikan pula ahli berkenaan untuk menjadi ahli suruhanjaya.

Tuan Pengerusi, atas tidak konsisten itulah saya tidak menyokong pindaan ini dan pohon supaya ianya di tolak.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang.

3.40 ptg.

Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya juga bangun untuk memberikan pandangan saya mengapa kita harus menolak Fasal 5(3) pindaan. Bagi saya, cadangan ini merupakan satu perkara yang ada niat yang tidak baik kepada seseorang calon untuk yang tidak boleh dipilih untuk menjadi ahli suruhanjaya. Kerana dari ayat yang daripada atas dengan ayat yang kedua terlalu panjang ayat ini, kalau kita lihat ada seolah-olah contradict.

Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong, katalah calon yang pernah menjadi calon dicadangkan supaya tidak boleh dilantik menjadi ahli suruhanjaya. Katalah yang pernah menjadi calon ini, seorang yang mempunyai integriti yang baik, berkebolehan, terbukti di peringkat antarabangsa sebagai pejuang hak asasi, pernah mewakili negara, pernah bercakap dan sebagainya, umpamanya cukup sifat-sifat seperti mana yang dikehendaki oleh pihak pembangkang, tiba-tiba dia ini menjadi calon. Apakah kita kena menafikan dia untuk menjadi ahli hak asasi manusia di Malaysia semata-mata kerana dia menjadi calon.

Ini sekali lagi menunjukkan bahawa DAP memang bercakap dan tidak tahu apa yang dicakapkan, cakap sebagai hak asasi manusia, tetapi oleh kerana mereka yang mempunyai kebolehan ini semata-mata menjadi calon, maka DAP mencacangkan walau dia jenis hebat macam mana sekalipun, oleh kerana dia pernah menjadi calon dalam pilihan raya, tidak boleh dilantik duduk dalam suruhanjaya ini.

Ini satu cadangan yang bertentangan dengan apa yang dicakapkan, yang kita hari ini jelas menunjukkan bahawa DAP sebenarnya tidak tahu apa yang dicakap dan tidak tahu apa yang dicadangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Buntar.

3.43 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya juga tidak bersetuju dengan cadangan pindaan ini sebab seperti mana yang kita lihat dalam definisi yang diberikan oleh pihak pengusul pindaan ini, dengan sendirinya dia menyekat kita untuk mencari calon yang sesuai, sebab definisi yang diberikan di sini, 'people are proven integrity and competence and have been involved in human rights protection and promotion activities,' dan seterusnya.

Jadi, dengan sendirinya kita memperkecilkan ruang untuk kita memilih bakal-bakal pesuruhjaya hak kebebasan ini. Jadi, saya rasa akta ini dalam bentuk asalnya sudah cukup memberi jaminan bahawa orang yang akan dilantik itu adalah orang-orang yang proven integrity. Saya pasti bahawa kementerian yang akan melantik, kerajaan yang akan berkuasa melantik ini tidak akan melantik orang sembarangan. Kalau kita sebut begini, berapa orang yang ada pengalaman, yang terlibat dalam promotion of human rights, sebab definisi ini pun kita boleh buat dalam pelbagai bentuk, kalau kita betul-betul ikut definisi yang diberikan oleh cadangan pembangkang ini, mungkin satu masa nanti, kita sampai tidak ada orang yang hendak dilantik, sebab tidak memenuhi kriteria ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong.

3.44 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, terima kasihlah kerana mengenai peraturan itu dalam jawatankuasa dan pindaannya dan tadi pun Kota Tinggi nampak tahu sedikit tetapi berlagak tidak betul kemudian.

Tuan Pengerusi, pindaan seumpama ini setahu Kota Tinggi, dia pun menyebutkan misalnya di Filipina ada perkara yang sama, commission section 4 – the commission composition and qualifications at the end of it, after the age of 35 of a age of proven integrity and competence and have been involved the human

rights protection and promotion activities and must not have been candidate for any elective position

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar: Hai, kita tidak ikut Filipina.

Dr. Tan Seng Gaiw: immediately preceding elections.” Kita

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ini satu contoh sahaja. Tuan Pengerusi, ...

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan atau tidak, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak relevanlah.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak tanya Filipina ini ada berapa orang dia punya committee?

Dr. Tan Seng Giaw: Tanjung Karang ini dia sangat emosi tadi. Tak payah kita emosi sangat. Diam dahulu, kita sabar!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Chenderoh pun dia penceroboh hak asasi yang utama. *[Yang Berhormat bagi Chenderoh keluar meninggalkan Dewan][Ketawa]*. Tuan Pengerusi, ini pun dalam pilihan raya sebelumnya yang terdekat, ini tidak bermakna kalau dia bertanding dua pilihan raya yang lepas pun tidak boleh lagi. Ini untuk memastikan calon yang sebenarnya kalah di dalam pilihan raya tetapi dengan sugu hati dimasukkan sebagai ahli. Itu kita hendak elakkan. Bukan satu tong sampah bagi orang yang dibuang atau terbuang.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ini sangkaan buruk, Tuan Pengerusi. Semua orang ‘tong sampah’, perkataan yang tidak patut digunakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak cakap siapa yang ‘tong sampah’.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Oh, itu pandai putar belit...*[Ketawa]* Jangan, tidak baiklah.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Tidak ikut peraturan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, sila teruskan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana boleh tidak ikut peraturan pula. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, kita perlu adakan pindaan seumpama ini kerana kebanyakannya termasuk Yang Berhormat bagi Machang, Tanjong Karang dan Rompin, memang pada zahirnya dia bersetuju dengan hak-hak asasi tetapi pada hakikatnya isi kandungannya kurang sedikit. Yang Berhormat bagi Kota Tinggi pun tahu, dia pun tahu dan kalau tidak silap saya, dia pun berminat dengan apa yang berlaku mengenai hak-hak asasi sejak dahulu lagi. Masih ingat lagi ada satu buku yang ditulis oleh Thomas Paine, seorang pemikir United Kingdom yang mengatakan kebanyakan orang “*He pities the plumage and forget the dying bird*” itulah maknanya dia tidak benar-benar menyokong atau memelihara hak asasi, cuma gunakan sebagai satu alasan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila kembali, Yang Berhormat. Fasal 5(3).

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak payah, jangan buat macam itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak mengikut Peraturan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Fasal 5(3) Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak mengikut peraturan. Sebab saya hendak sokong ini di dalam Jawatankuasa, Tuan Pengerusi, kita boleh cakap dan ini bukan tidak relevan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dalam Jawatankuasa kena khusus.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dalam Jawatankuasa kita kena tumpu kepada butiran-butiran. Fasal 5(3), Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Khusus....then khusus untuk ini kerana kita mahu perlantikan anggota yang benar-benar memelihara hak asasi. Itulah pindaan ini dibuat, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Menteri hendak jawab?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih. Pindaan ini yang dikemukakan adalah sesuatu yang tidak praktikal melahirkan banyak kekeliruan. Apa yang kita cadangkan adalah sesuatu yang lebih fleksibel dan lebih mudah untuk digunakan tanpa menyekat usaha-usaha kita untuk melantik orang yang terbaik bagi jawatan menguruskan hal-ehwal Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Oleh itu saya ingin menolak cadangan yang dibuat untuk meminda Fasal 5(3).

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, boleh saya berucap sedikit?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, biasanya dalam Jawatankuasa selepas reply....Yang Berhormat sudah kemukakan....

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tetapi itu....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat sudah kemukakan, kita kena kemukakan kepada Dewan untuk diputuskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sebelum diputuskan, oleh kerana dalam Jawatankuasa inilah di mana semua ahli ada hak untuk berucap lebih daripada sekali.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya tahu, Yang Berhormat. Itu atas pertimbangan Tuan Pengerusi mengikut masa. Kita telah ketinggalan. Saya sudah beri masa, Yang Berhormat. Kita kena kemukakan kepada Dewan untuk diputuskan. Panjangkah Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, oleh kerana ini mustahak. Ini mengenai hak asasi, kenapa kita mahu lari daripada satu perbincangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Bukan banyak masa yang akan digunakan. Pendek. Saya hairan mengapa Yang Berhormat Menteri tidak boleh menerima cadangan ini. Nampaknya dalam negara kita tidak ada orang atau cukup orang, atau proven capability, integrity dan ada pengalaman atau rekod dalam menjaga dan memajukan hak asasi dan kalau begitu saya rasa bahawa tidak ada harapan yang baik untuk Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tidak patut beri peluang untuk dia jawab macam itu, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Too badlah, too bad.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan kepada Fasal 5(3) seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak dipersetujui.

Fasal 5(4) – [Pindaan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong]

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya cadangkan batalkan perkataan "dua" dan digantikan dengan "lima" ialah bersabit dengan tempoh peralihan Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia. Ini adalah penting supaya ada satu tempoh

yang cukup untuk conducive mengadakan anggota-anggota Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia yang berkaliber, bebas dan berwibawa dan tidak boleh senang dipengaruhi, campur tangan oleh pihak atasan atau pihak yang berkuasa yang nampaknya dalam perbahasan yang ada hari ini, bukan satu perkara yang jarang akan berlaku oleh kerana nampaknya begitu ketakutan mengenai satu perbahasan yang sepatutnya diadakan. Apa yang mustahak ialah kalau kita mahu satu Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia yang dihormati oleh rakyat dan dunia bahawa bebas, adil dan berwibawa, tempoh patutlah ditambah daripada dua tahun kepada empat tahun. Sekian, terima kasih

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan seperti yang dicadangkan terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

3.51 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya sokong dengan pindaan ini sebab saya berpendapat bahawa kalau seseorang yang dilantik itu menunjuk kepada anggota yang benar-benar komited untuk memelihara hak asasi manusia dan kalau diberi peluang empat tahun lebih baik. Satu atau dua tahun itu, dia mempelajari cara-cara yang betul untuk memelihara hak asasi manusia sebagai seorang Pesuruhjaya dan kemudian sampai dua tahun itu baru dia mencapai satu kemahiran, satu tahap yang tinggi untuk memelihara hak asasi dan kemudian dia bersara. Jadi, ini tidak begitu baik. Baik kita beri dia lima tahun untuk menjalankan tugas dengan sepenuhnya dengan berkesan.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menerima cadangan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada apa-apa Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tidak bersetuju, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan kepada Fasal 5(4) seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak dipersetujukan.

Fasal 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 6 dan 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 8 – [Pindaan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong]

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya tarik balik pindaan ini.

Fasal 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 9 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 12(2) – [Pindaan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong]

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya cadangkan bahawa fasal terakhir, fasal kecil:-,

Batalkan tanda titik dan digantikan dengan koma bertitik dan tambahkan:

“Kecuali bahawa Suruhanjaya tidak dihalang dari menyiasat sebarang aduan yang secara kebetulan atau kolateral sebahagian dari tindakan perundangan di mana-mana mahkamah atau di mana keputusan mana-mana mahkamah berdasarkan bukan ke atas merit tetapi alasan-alasan prosedur atau teknikal”.

Cadangan pindaan ini ialah supaya tidak ada berlaku di mana satu kompelin mengenai pencabulan hak-hak asasi boleh diketepikan dengan tindakan memasukkan kes ini dalam mahkamah sama ada sivil atau jenayah, sama ada substantive atau collateral supaya Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia boleh memainkan peranan yang sepenuhnya. Inilah satu safe-guard supaya semua kompelin boleh disiasat dengan sepenuhnya tanpa apa-apa halangan oleh sesiapa pun. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan terbuka untuk dibahas. Kepong.

3.55 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya sokong pindaan ini kerana niat kita ialah hendak menyaksikan pihak Suruhanjaya dapat menjalankan tugas dengan baik dan hak-hak asasi dapat dipelihara dan kita perlulah menerima pindaan seumpama ini supaya semua boleh dijalankan dengan betul dan licin tanpa halangan daripada mana-mana termasuk mahkamah dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada apa-apa Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, pindaan ini akan membangkitkan lebih pertikaian daripada membantu untuk menyelesaikan dan membolehkan Suruhanjaya ini melaksanakan tugas. Oleh itu saya tidak bersetuju.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan kepada Fasal 12(2) seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak dipersetujukan.

Fasal 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 13 – [Pindaan oleh Yang Berhormat Bagi Tanjong]

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, Fasal 13(2) saya cadang bahawa selepas perkataan-perkataan “syor yang perlu” tambahkan:

“dan Suruhanjaya perlu dengan serta-merta memberitahu orang yang membuat aduan”.

Dalam rang undang-undang di hadapan Dewan yang mulia ini tidak ada peruntukan di mana seorang complainant apabila buat komplain mengenai pencabulan hak-hak asasi beliau di mana komplain beliau ada disiasat oleh Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia bahawa dia ada hak diberitahu hasil

kompelin beliau dan saya rasa ini sangat mustahak selaras dengan prinsip akauntabiliti, prinsip ketelusan dan ini akan memberi satu hak statutori di mana seorang complainant akan diberitahu apa hasil kompelin beliau dan saya rasa ini satu pindaan yang akan menyempurnakan rang undang-undang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan seperti mana yang dicadangkan terbuka untuk dibahas. Kepong.

3.58 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya sokong pindaan ini supaya Suruhanjaya dapat dengan serta-merta memberitahu orang yang membuat aduan. Tuan Pengerusi, biasanya di dalam pengalaman saya di pejabat-pejabat kerajaan dan sebagainya, apabila seseorang itu membuat aduan, kebanyakannya orang yang kena adu ini tidak diberitahu apa yang sebenarnya tindakan yang diambil dan bukan sahaja tidak diberitahu, yang buat aduan itu, namanya dan sebagainya diberitahu kepada orang yang disyaki terlibat dengan masalah ini.

Saya berharap Yang Berhormat boleh memberi jaminan bahawa sesiapa sahaja membuat aduan, janganlah kita membongkarkan nama pembuat aduan (complainant) ini kepada orang yang lain terutamanya orang yang terhadapnya aduan dibuat sebab saya terima banyak kes seumpama ini. Ada setengah-setengah jabatan kerajaan, ia tidak boleh simpan rahsia ini. Kalau ada aduan yang dibuat, itu disampaikan kepada orang terhadapnya aduan dibuat dan ini tidak betul, tidak baik.

Baik kita memberi peluang kepada yang membuat aduan sama ada aduan itu betul ataupun tidak, kita beritahu dia “Ha, aduan ini tidak betul kerana cerita yang sebenarnya macam ini”. Itu lebih baik, jangan kita bongkarkan nama ‘complainant’nya kepada orang yang ada kompelin terhadapnya. Kalau buat macam itu susah, sebab itu ada sesetengah orang tidak mahu membuat aduan, tidak mahu membuat aduan kerana sikap dan amalan sesetengah pegawai itu tidak

betul. Saya pun tidak tahu mengapa hal ini berlaku tetapi di Malaysia memang berlaku.

Sebab itulah saya setuju dengan pindaan seumpama ini supaya jangan kita bongkarkan sesiapa yang membuat aduan tetapi kita balik kepada complainant dan menyelesaikan masalah dengan cara yang sedemikian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tuaran.

4.00 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangkit untuk menyokong usul ini kerana saya setuju dengan pandangan dari Ahli Yang Berhormat bagi Kepong untuk memastikan keberkesanan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini. Ia haruslah benar-benar bebas daripada tekanan ataupun influence, dengan izin, oleh pihak-pihak yang tertentu dan di samping itu juga memang seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kepong amat penting di mana usaha-usaha information itu mesti juga dilindungi, oleh kerana kalau sumber maklumat itu terdedah dan ia akhirnya akan menjadi mangsa maka, bukan sahaja Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini akan gagal di dalam fungsinya tetapi sekali gus hak untuk memberi maklumat itu akan terhapus dan jika begitu tidak akan ada orang yang akan memberi maklumat nanti.

Juga di dalam pindaan itu suruhanjaya perlu dengan serta-merta memberitahu orang yang membuat aduan dan sudah tentu ini akan dilakukan secara rahsia ataupun secara sulit. Tetapi yang penting di sini ialah dia tahu apakah yang telah dilakukan oleh pihak suruhanjaya nanti mengenai aduan yang disampaikan dan dengan bertindak demikian, maka rakyat pada keseluruhannya akan terdorong untuk memberi maklumat demi kepentingan negara, demi memajukan hak asasi manusia di negara kita dan

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Cukuplah tu, dia punya pindaan lain.

Tuan Pengerusi: Pindaan ini Yang Berhormat, ia mengesyorkan untuk
.....

Tuan Yunof Edward Maringking: 13(2).

Tuan Pengerusi: untuk serta-merta memberitahu.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, pindaan ini ialah berkenaan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Tanjong adalah berkenaan untuk memberitahu orang yang terlibat dengan pengaduan, bukan untuk merahsiakan maklumat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, menyatakan merahsiakan.....

Tuan Yunof Edward Maringking: Yalah, saya katakan tadi

Tuan Pengerusi: disyorkan untuk revile.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya katakan tadi pemberitahuan kepada orang yang membuat aduan hendaklah disampaikan secara rahsia supaya dia tidak akan terdedah kepada penindasan.

Tuan Pengerusi: Tetapi pindaan ini Yang Berhormat menyebutkan untuk memberitahu segera orang yang membuat pengaduan, revile identiti orang yang membuat pengaduan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Yalah, jadi

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat hendak membuat pindaankah?

Tuan Pengerusi: Ya, nampaknya Yang Berhormat bercanggah dengan pindaan yang

Tuan Yunof Edward Maringking: Itu saya kata mungkinlah ini disampaikan secara rahsia. Cuba tengok balik catatan itu kalau ada, saya bilang mungkin disampaikan secara rahsia. Jadi, dengan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat kena baca Fasal 13 dibuat pindaan daripada Tanjong.

Tuan Yunof Edward Maringking: Yalah, jadi dengan – saya kembali kepada asal iaitu dengan diberitahu orang yang memberi aduan maka, terdoronglah rakyat untuk memberi maklumat agar hak asasi manusia di negara kita ini akan betul-betul maju ataupun terjamin. Kalau tidak diberi maklumat dan dia tidak mengetahui apa tindakan yang telah diambil tentang aduannya, maka saya fikir tidak akan ada orang yang tampil untuk memberi aduan oleh kerana seolah-olah tidak ada tindakan yang diambil. Dan lebih-lebih lagi kalau tidak ada laporan diterima di Parlimen ini nanti bahawa ada sesuatu aduan diterima. Justeru itu, saya rasa pindaan yang dicadangkan itu amat penting dan patut diterima dan diluluskan oleh pihak kerajaan di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, pindaan ini salah satu perkara yang penting di dalam kita mengamalkan hak asasi iaitu ketelusan dan keterbukaan. Jadi, soal apabila kita mendapat aduan sepatutnya kita boleh mendengar dan menyiasat daripada semua pihak yang mungkin terlibat untuk membantu di dalam kita mencapai satu keputusan yang memuaskan untuk pihak yang mengadu.

Tuan Pengerusi, usul dan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini ada meritnya tetapi setakat ini saya punya pendapat ialah kita tidak dapat menyetujui untuk dipinda buat masa ini. Walau bagaimanapun, kita akan mengkaji implikasi daripada cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Tanjong. Oleh itu saya tidak bersetuju dengan pindaan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan kepada Fasal 13(2) seperti mana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

Fasal 13 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 14 hingga 23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1999) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua

4.07 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM556,752,300 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 1999 adalah berjumlah RM556,752,300. Jumlah tersebut diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

- (i) tambahan sebanyak RM150 juta di bawah Maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk membantu Indah Water Consortium Sendirian Berhad (IWK) menampung kos operasi bagi tahun 1999;
- (ii) tambahan sebanyak RM80 juta di bawah Maksud B.18, Kementerian Perusahaan Utama bagi memulakan pelaksanaan Skim Pemulihan Getah (SPG) untuk jangka masa roll over selama enam bulan. Mulai SPG pembelian getah daripada pekebun kecil dibuat secara langsung oleh pihak kerajaan dengan harga 'farm gate' yang lebih berpatutan;

- (iii) tambahan sebanyak RM70 juta di bawah Maksud B.50, Kementerian Pembangunan Usahawan bagi penubuhan Tabung Pemberian Indomaveran untuk membiayai perbelanjaan mengurus British Malaysian Institute atau BMI. BMI adalah salah sebuah institusi kemahiran MARA tinggi yang dijangka akan beroperasi mulai tahun 2000;
- (iv) tambahan sebanyak RM60.1 juta di bawah Maksud B.52, Kementerian Kerja Raya untuk membiayai bayaran pampasan tol kepada syarikat-syarikat konsesi penswastaan lebuhraya berikutan dengan keputusan kerajaan tidak menaikkan kadar tol mengikut perjanjian konsesi kenaikan tahunan kadar tol yang dibenarkan;
- (v) tambahan sebanyak RM49.3 juta di bawah Maksud B.25, Kementerian Pertahanan untuk perbelanjaan berikut:
 - (a) sebanyak RM38.4 juta bagi memenuhi kontrak dokongan lanjut MFPJAT Support Services pesawat FA 18D yang ditandatangani dengan harga RM116,532,279. Peruntukan tambahan yang diperlukan setelah mengambil kira aliran tunai bagi tahun 1999 dianggarkan RM50 juta. Mana kala peruntukan sedia ada hanya sebanyak RM11.6 juta.
 - (b) sebanyak RM10.1 juta untuk membiayai bayaran kerja-kerja pembaikan rawatan aset MALCOM 5 yang dibawa balik ke Malaysia setelah misi Bosnia tamat. Aset terdiri daripada kenderaan peralatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan British;
 - (c) sebanyak RM0.8 juta untuk membiayai alat reader untuk tujuan penguatkuasaan pemasangan kotak hitam ke atas kenderaan lori ATM.

- (vi) tambahan sebanyak RM43 juta di Maksud B.26, Kementerian Pendidikan untuk pengajian berikut:
- (a) sebanyak RM12 juta adalah dikehendaki untuk membiayai kos pengurusan kampus cawangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Labuan. Kampus ini ditempatkan di Kompleks Persekutuan dan Kompleks Perumahan Kakitangan di Kiamsam, Labuan. Program pengajian mula ditawarkan pada sesi 1999/2000;
 - (b) sebanyak RM30 juta untuk menampung tambahan penyediaan makanan pelajar-pelajar di kampus utama ITM Shah Alam dan kampus-kampus cawangan di negeri-negeri seramai 78 ribu orang;
 - (c) sebanyak RM1 juta untuk Universiti Islam Antarabangsa (UIA) bagi menampung keperluan perpindahan pelajar-pelajar matrikulasi dari Kolej Sultan Zainal Abidin (KUSZA) ke kampus induk UIA di Gombak yang baru siap.
- (vii) tambahan sebanyak RM30 juta di bawah Maksud B.8 Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membolehkan pinjaman Jepun dikeluarkan bagi penyediaan pelajar-pelajar tajaan JPA belajar di negeri Jepun di bawah Program Dasar Pandang Ke Timur.
- (viii) tambahan sebanyak RM26.5 juta di bawah Maksud B.19 Kementerian Pertanian untuk perbelanjaan berikut:
- (i) sebanyak RM7.5 juta untuk pembelian vaksin dan kos kerja-kerja pemusnahan babi bagi mencegah wabak Japanese Encephalitis (JE); sebanyak RM14 juta untuk membiayai sebahagian daripada perbelanjaan mengurus Bank Pertanian Malaysia (BPM) berikutan keputusan kerajaan menangguhkan penswastaan Bank Pertanian Malaysia; dan

- (ii) sebanyak RM5 juta mewujudkan dana pusingan pekebun kecil di bawah kelolaan Lembaga Pertubuhan Peladang dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil di kawasan Padang Terap. Pekebun kecil tebu akan diberikan pendahuluan bagi mengusahakan ladang tebu dan dikehendaki membayar balik selepas penuaian dan penjualan tebu.

Tambahan sebanyak RM19.8 juta di bawah Maksud B.48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM8.8 juta untuk membiayai bayaran elaun kakitangan kontrak bagi kakitangan bahagian kemajuan masyarakat, KEMAS yang sedia ada dan kakitangan baru seramai 1,511 orang;
- (ii) sebanyak RM11 juta untuk membiayai perbelanjaan mengurus pihak berkuasa pekebun-pekebun kecil getah, RISDA.

Tambahan sebanyak RM10 juta di bawah Maksud B.7 – Jabatan Perdana Menteri untuk menampung perbelanjaan mengurus Urusetia Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Tambahan sebanyak RM7 juta di bawah Maksud B.21 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk bayaran emolumen dan lain-lain perbelanjaan bagi pegawai dan kakitangan Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang diberi opsyen berpindah dari Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Negara, Kementerian Pertanian. Tarikh kuatkuasa perpindahan ialah pada 1 April 1999.

Tambahan sebanyak RM6.5 juta di bawah Maksud B.36 – Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk pembelian alat reader bagi PDRM menguatkuasakan pemasangan kotak hitam ke atas lori, bas ekspres dan bas persiaran.

Tambahan sebanyak RM3 juta di bawah Maksud B.4 – Suruhanjaya Pilihanraya untuk membiayai sebahagian perbelanjaan bagi urusan pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah pada 12 dan 13 Mac 1999 yang lalu.

Tambahan sebanyak RM1.3 juta di bawah Maksud B.47 – Kementerian Pengangkutan untuk membiayai pembelian alat reader bagi Jabatan Penguatkuasa Jalan menguatkuasakan pemasangan kotak hitam ke atas lori, bas ekspres dan bas persiaran.

Tambahan sebanyak RM0.3 juta di bawah Maksud B.17 – Kementerian Belia dan Sukan untuk menjayakan penawaran Kuala Lumpur sebagai tuan rumah kepada Sukan Asia 2006 seperti mengadakan majlis pelancaran penawaran Sukan Asia 2006 dan mengadakan taklimat kepada duta-duta negara Asia yang beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1999 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9, Tahun 1999 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9A, Tahun 1999.

Sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1999.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1999 adalah berjumlah RM1,954,081,260 iaitu sebanyak RM1,656,302,460 perbelanjaan secara langsung dan sebanyak RM297,778,800 perbelanjaan pinjaman. Tambahan tersebut adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi kementerian/jabatan berikut.

Tambahan sebanyak RM739.3 juta di bawah Maksud P.7 – Jabatan Perdana Menteri untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM686.3 juta untuk membiayai pembinaan kemudahan awam di Putrajaya; dan

- (ii) sebanyak RM53 juta untuk pengembalian balik tanah di Semenyeh bagi tanah perkuburan baru menggantikan yang lama, Jalan Loke Yew.

Tambahan sebanyak RM453.3 juta di bawah Maksud P.26 – Kementerian Pendidikan untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM354 juta untuk membolehkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melaksanakan peranan tambahan selaras dengan arahan MTEN supaya penjana pinjaman bagi pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan tiga institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) diambil alih dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mulai tahun 1999; dan
- (ii) sebanyak RM99.3 juta bagi membiayai program komputer dalam pendidikan sekolah Bestari.

Tambahan sebanyak RM250 juta di bawah Maksud P.47 – Kementerian Pengangkutan untuk perbelanjaan projek KL PRT Monorel.

Tambahan sebanyak RM205.6 juta di bawah Maksud P.48 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM146.6 juta dipohon untuk FELCRA Bhd. bagi menguruskan aktiviti utamanya dalam memulih dan menyatukan tanah-tanah terbiar dan untuk meneruskan pembinaan jalan-jalan di dalam rancangan Rancangan Tanah FELCRA Bhd.;
- (ii) sebanyak RM39 juta untuk membina kira-kira 400 kilometer jalan kampung di seluruh negara dan memperluaskan lagi pembekalan elektrik di negeri Sarawak; dan
- (iii) sebanyak RM20 juta untuk membolehkan pengurusan pekebun-pekebun kecil kepada amalan agronomi yang baik bagi meningkatkan pengeluaran pekebun-pekebun kecil.

Tambahan sebanyak RM182.8 juta di bawah Maksud P.14 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk perbelanjaan rancangan perumahan awam kos rendah. Jumlah ini ialah menampung tuntutan bayaran pinjaman berdasarkan pemantauan ke atas kemajuan pelaksanaan projek.

Tambahan sebanyak RM76 juta di bawah Maksud P.28, Perbendaharaan bagi perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM30 juta bagi projek perkampungan pelancong, Teluk Burau, Langkawi berdasarkan arahan dan pengambilalihan projek dari pihak swasta oleh kerajaan;
- (ii) sebanyak 26 juta untuk menambah keperluan perumahan di Pulau Labuan.;
- (iii) sebanyak RM12 juta untuk menjadikan Labuan sebagai pulau dalam taman; dan
- (iv) sebanyak 8 juta untuk peningkatan sistem aliran lalu-lintas di kawasan Taman Kewangan dan Pembangunan Labuan.

Tambahan sebanyak RM47.1 juta di bawah Maksud P.16, Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM18.7 juta untuk membiayai pembinaan main operating base (MOB), akademi Bomba dan Penyelamat, Wakaf Tapai, balai bomba di Kulim dan menampung keperluan projek dalam pembinaan dan di peringkat awal pembinaan.
- (ii) sebanyak RM12.7 juta diperlukan untuk peralatan helikopter;
- (iii) sebanyak RM9.2 juta sebagai tambahan kepada peruntukan sedia ada yang tidak mencukupi bagi membiayai pembinaan lima buah balai bomba di Sarawak berdasarkan kepada kemajuan pembinaan;
- (iv) sebanyak RM6.1 juta sebagai tambahan kepada peruntukan sedia ada yang tidak mencukupi bagi membiayai pembinaan empat buah balai

bomba di Sabah berdasarkan kepada kemajuan pelaksanaan projek;
dan

- (v) sebanyak RM0.3 juta untuk menampung pembayaran akhir dan pertukaran wang asing.

Tambahan yang lain merupakan peruntukan tanda RM50.00 di bawah Maksud P.8 – Jabatan Perkhidmatan Awam, Maksud P.36 – Polis Diraja Malaysia, P.43 – Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan P.52 – Kementerian Kerja Raya.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1999 adalah seperti yang dinyatakan di dalam penyata Anggaran Tambahan dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10, Tahun 1999 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10A, Tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa peruntukan tambahan yang diminta adalah besar. Oleh itu, saya ingin menjelaskan di sini bahawa sebahagian daripada pembangunan ini adalah untuk memenuhi keperluan pelbagai projek di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang baru sahaja diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dalam persidangan yang lepas. Selain dari itu, hasil daripada beberapa kelonggaran dan penyingkatan prosedur pemilihan kontraktor yang baru sahaja diperkenalkan tahun ini di mana pelaksana-pelaksana di peringkat bawah diturunkan dengan kuasa yang lebih. Adalah dijangka banyak projek yang sedia ada boleh dipercepatkan pelaksanaannya dan seterusnya membantu dalam pemulihan ekonomi negara. Oleh itu, ia memerlukan peruntukan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1999 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Ketahui]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN KEDUA, 1999

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan jumlah wang tambahan jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion sembilan ratus lima puluh empat juta lapan puluh satu ribu dua ratus enam puluh (RM1,954,081,260) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1999, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10, Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut”

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan

Tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Mesyuarat ini dedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang kedua-dua masalah terbuka untuk dibahas. Sebelum kita mulakan perbahasan, saya kena menghadkan masa perbahasan dasar ini kepada 10 minit seorang. Sila Tanjong.

4.25 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: 10 minit sahaja.. ?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Yang Berhormat, saya telah mengambil kira masa dan peluang kepada Ahli-ahli yang lain. Biasanya dalam Perbekalan Tambahan ini kita tidak limit masa. Kita dapati hanya tiga-empat orang yang dapat bahagian satu hari. Jadi, kalau kita limit kepada 10 minit, ramai Ahli yang dapat berucap. Sila Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah lebih panjang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kita akan timbangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ada angka-angkanya, oleh kerana masa yang begitu suntuk, tak perlulah saya sebut. Kita adalah memohon sejumlah wang yang besar RM686 juta untuk tujuan kemudahan awam Putrajaya yang bertentangan dengan jaminan terbuka bahawa sejumlah besar perbelanjaan Putrajaya akan ditanggung oleh sektor swasta.

Bulan yang lepas sebagai contoh, Ketua Eksekutif Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. berkata bahawa jumlah kos pembangunan Putrajaya tapak baru Kerajaan Persekutuan sejak kerja pembinaan bermula pada September 1996 adalah berjumlah RM5 bilion dengan sejumlah besar ditanggung oleh sektor swasta. Beliau berkata bahawa kerajaan telah membelanjakan RM400 juta untuk pembangunan kemudahan awam, sementara yang selebihnya dibiayai oleh

Putrajaya Holdings Sdn. Bhd., pemaju projek berkenaan. Kata beliau bahawa Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. telah mendapatkan pinjaman RM600 juta untuk projek berkenaan, sementara kos selebihnya disalurkan dari tangannya sendiri serta penjualan bon-bon.

Ketua Eksekutif Holdings Sdn. Bhd. berkata bahawa kerajaan akan membelanjakan sejumlah RM2 bilion untuk kemudahan awam seperti hospital, klinik, stesen bomba, ibu pejabat polis daerah, depot polis marin, sekolah dan masjid dalam tempoh 12 tahun bermula dari September 1996 apabila kerja pembinaan bermula di Putrajaya, iaitu lebih kurang 10% jumlah kos Putrajaya dianggarkan lingkungan RM22 bilion. Maka adalah sesuatu yang memeranjatkan, malah mengejutkan bahawa kerajaan kini datang ke Parlimen meminta supaya ditambahkan peruntukan RM686 juta bagi tujuan pembinaan kemudahan di Putrajaya, satu perbelanjaan yang telah dibuat jauh melebihi angka RM400 juta yang diumumkan awal-awal lagi. Ini bukanlah satu-satu perbezaan fakta mengenai kos pembangunan Putrajaya yang dikemukakan oleh kerajaan.

Mengikut anggaran peruntukan tambahan ini kerajaan telah membelanjakan RM840 juta tahun lepas untuk kemudahan awam di Putrajaya, ditambahkan dengan RM868 juta yang kini diminta dalam anggaran peruntukan tambahan kali ini bagi tujuan kemudahan awam di Putrajaya tanpa mengambil kira permintaan tambahan yang bakal dimajukan lewat tahun ini, kerajaan bercadang untuk membelanjakan tahun ini RM1.5 bilion untuk tujuan kemudahan awam di Putrajaya, jauh tinggi dari RM400 juta sebagaimana yang didakwa awal-awal lagi.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Apakah sebab dan penjelasan untuk perbezaan besar di antara RM1.5 bilion berbanding RM400 juta itu? Kerajaan harus memberikan penjelasan yang sepenuhnya mengenai soal jumlah kos sebenar Putrajaya, berapa banyak yang ditanggung oleh kerajaan dan sektor swasta masing-masing dalam seluruh pembangunan projek Putrajaya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cuba mempertahankan projek mega terbarunya di Putrajaya dengan mengumumkan bahawa kerajaan membina kota pentadbiran kerajaan baru ini dengan tujuan kegunaan tempoh 100, 200 malah 300 tahun yang akan datang.

RM5 bilion yang telah dibelanjakan hingga kini sebenarnya adalah lebih produktif jika digunakan untuk pembinaan perumahan kos rendah untuk seramai 250,000 keluarga berpendapatan rendah atau pembekalan pendidikan tinggi percuma untuk 200,000 rakyat Malaysia yang berkecukupan.

Obsesi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan projek-projek mega, yang mana beliau berkata dalam suatu wawancara tahun lepas sebagai 'penting untuk ego', yang bertujuan dibina untuk kegunaan 100, 200 serta 300 tahun yang akan datang, sebenarnya hanya akan membebankan generasi kini serta generasi yang akan datang disebabkan penilaian keutamaan yang tidak waras.

KLIA yang dimegah-megahkan sebagai satu lagi projek mega bertujuan untuk abad hadapan, telah dihuraikan sebagai dengan izin, eerily silent oleh satu laporan perbandingan lapangan-lapangan terbang antarabangsa rantau ini baru-baru ini, di mana lebih setengah dari kapasiti KLIA tidak digunakan. Ramai rakyat Malaysia cuba dengan sedaya-upaya mengelakkan dari menggunakan KLIA kerana kesukaran yang timbul serta memakan masa hanya untuk sampai ke kawasan berkenaan.

Anggaran peruntukan tambahan ini juga berbau 'pilihan raya umum' supaya dana awam dapat dipergunakan oleh Barisan Nasional untuk menjamin keputusan yang baik untuknya dalam pilihan raya umum nanti.

Kontrak-kontrak diberikan tanpa perlu melalui proses tender terbuka demi kebaikan kroni; mereka yang mendapat kebaikan seterusnya akan membantu melicinkan jentera pilihan raya Barisan Nasional; peruntukan khas dibuat untuk projek-projek yang kini nampaknya penting atau dikatakan menyumbang dalam usaha memulihkan ekonomi negara. Adalah wajar ditanya, mengapakah

perbelanjaan-perbelanjaan ini tidak dapat diramalkan awal-awal lagi? Mengapakah projek-projek ini tidak boleh ditangguhkan sehingga selepas pilihan raya? Mengapakah perlu memperuntukkan lebih banyak wang sedangkan kementerian-kementerian tidak dapat menghabiskan peruntukan lumayan 1999 mereka? Kenyataan perbelanjaan bulanan Akauntan Negara telah menunjukkan bahawa keadaan ini dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta dua Menteri Kewangan telah bertindak memberikan amaran kepada ketua-ketua agensi terlibat.

Kesimpulan yang terpaksa dibuat dari semua ini adalah Kerajaan BN berniat menggunakan sumber-sumber awam untuk sekali lagi memastikan ia mendapat peluang lima tahun lagi untuk terus salah urus dan salah guna sumber-sumber negara.

Sehingga baru-baru ini, Ketua-ketua Menteri berhak mengagihkan kontrak yang bernilai RM5 juta ke bawah, serta kontrak yang lebih besar nilainya selepas mendapat kebenaran dari Khazanah. Saya difahamkan bahawa kini wujudnya satu peraturan baru bahawa sehingga 30 November 1999, semua ketua setiausaha boleh mengagihkan kontrak-kontrak yang bernilai sehingga RM20 juta, tanpa perlu mengadakan tender terbuka. Sungguhpun ini dijelaskan sebagai demi memenuhi keperluan rakyat tetapi ia merupakan satu tamparan kepada prinsip keterbukaan dan ketelusan di samping membuka jalan kepada lebih banyak tindakan salah guna kuasa dan salah agih dana awam dalam masa kita bersiap-sedia menghadapi pilihan raya umum.

Adalah bukan lagi apa-apa rahsia bahawa industri pembinaan sering merupakan pembekal dana-dana kempen kepada BN dalam pilihan raya-pilihan raya yang lepas. Adalah satu fakta yang diketahui umum bahawa banyak projek pembinaan, termasuk Lebuhraya Utara-Selatan telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang menyokong BN atau sangat dekat yang bersedia membayar balik

(kick back) yang melibatkan berjuta-juta dan berbilion-bilion ringgit kepada dana parti-parti politik, menjadikan beberapa individu kaya dalam proses sebegitu.

Adalah jelas bahawa segala bentuk cara telah dicuba untuk mengutip dana kempen Barisan Nasional menerusi pembekalan projek-projek dan kontrak-kontrak besar kerajaan kepada para kroni. Adalah dilaporkan baru-baru ini bahawa kerajaan bercadang untuk memberikan kontrak untuk pembinaan lebih 600 buah sekolah. Saya meminta penjelasan mengenai sama ada benar bahawa hak keputusan pemberian kontrak-kontrak sekolah ini telah diambil alih oleh Kementerian Kewangan yang diketuai oleh Menteri Kewangan Pertama dari tangan Kementerian Kerjaraya dan kesemua kontrak sekolah ini tidak ditender secara terbuka, sebaliknya hanya menerusi perundingan dengan Menteri Kewangan Pertama sahaja. Sekiranya ini benar, adakah Menteri Kewangan bersedia mengumumkan senarai penuh kontraktor-kontraktor yang bernasib baik selaras dengan prinsip terbuka, akauntabiliti dan ketelusan?

Adalah sungguh sedih dan malang sekali bahawa Menteri Penerangan membuat kenyataan bahawa parti-parti pembangkang tidak akan dibenarkan menggunakan kemudahan kementeriannya dalam kempen pilihan raya yang akan datang, mendakwa bahawa pembangkang tidak berhak menggunakan kemudahan-kemudahan yang dibiayai orang ramai kerana semuanya kepunyaan 'kerajaan'. Nampaknya beliau langsung tidak faham tentang prinsip asas dan fundamental mengenai perbezaan di antara 'kerajaan' dan parti-parti memerintah. Beliau seharusnya diajar mengenai kerajaan adalah milikan rakyat, bukannya milikan peribadi Barisan Nasional.

Ini merupakan asas penting perjalanan pentadbiran dan demokrasi. Apa yang lebih memmeranjatkan adalah tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyokong kenyataan menterinya. Adakah ini apa yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apabila beliau memberi amaran bahawa pilihan raya umum depan akan merupakan pilihan raya

yang paling kotor dalam sejarah negara ini di mana Kerajaan BN akan dengan bersungguh-sungguhnya menyalahgunakan media massa dan jentera-jentera serta sumber-sumber kerajaan di samping politik wang untuk memastikan kemenangan dalam pilihan raya?

Saya hendak mengingatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa demokrasi sebenarnya adalah satu proses yang lebih dari membuang undi sahaja. Demokrasi termasuklah membolehkan rakyat membuat pilihan secara bebas di antara bentuk pembinaan negara yang berbeza, satu pilihan bebas yang berasas semua fakta. Demokrasi memerlukan orang ramai yang mendapat maklumat yang secukupnya. Tanpa elemen-elemen ini, pilihan raya umum hanyalah sesuatu pameran dan satu charade. Rakyat mempunyai hak untuk mendengar suara Barisan Nasional serta suara pembangkang menerusi radio dan televisyen dan saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya memastikan pilihan raya umum yang akan datang ini satu pilihan raya yang bersih, adil dan bebas.

Adalah dikatakan bahawa dalam ekonomi khasnya dalam prestasi faktor-faktor ekonomi, dengan izin, there are lies, damned lies and statistics. Menteri-menteri kita nampaknya telah menambahkan makna baru kepada kata-kata terkenal ini. Setiap hari kita disuap dengan statistik yang mendakwa bahawa negara ini telah pun pulih ekonominya. Semua ini dibantu pula dengan kenyataan separuh benar, malah laporan-laporan palsu media kawalan Barisan Nasional yang tugasnya mengagung-agungkan Barisan Nasional sementara memburuk-burukkan parti-parti pembangkang.

Sesungguhnya dalam suku tahun kedua tahun ini, angka KDNK mencerminkan nombor positif, tidak juga bermakna bahawa ekonomi Malaysia telah mencapai tahap pemulihan. Pemulihannya akan tercapai setelah KDNK menunjukkan pertumbuhan positif berterusan untuk dua suku tahun berturut-turut dan kadangkala perlu lebih panjang lagi masanya. Sebenarnya, Malaysia

merupakan satu-satunya negara yang menghadapi pertumbuhan KDNK negatif dalam suku tahun pertama di antara negara yang terjejas oleh krisis Asia Timur.

Dalam suku tahun pertama 1999, Korea Selatan bertumbuh 4.6%, Indonesia 1.7% dan negara Thailand 0.9%. Malaysia merupakan satu-satunya negara yang dilanda krisis ekonomi di Asia Timur yang masih mengalami kemelesetan dengan ekonomi negara ini menguncup atau -1.6%. Ekonomi Malaysia sepatutnya bertumbuh kembali mulai dari suku tahun kedua berbanding suku tahun kedua 1998 iaitu -6.8%. Semuanya telah pulih kembali di rantau ini tetapi Malaysia nampaknya masih ketinggalan di belakang dan pemulihan Malaysia dalam tahun 1999 dijangka berlaku secara kecil-kecilan, khasnya dibanding dengan Korea Selatan.

Kita sering disuap dengan statistik feel good dan interpretasi-interpretasinya. Dakwaan dibuat bahawa kawalan terpilih telah menyebabkan jumlah eksport bertambah. Sebenarnya pertambahan yang tercatat, datangnya dari kesan susut nilai. Tambahan lagi, negara Thailand, Korea, Indonesia semuanya mencatatkan pertumbuhan eksport, di sesetengah pihak, jumlah pertumbuhannya lebih tinggi dari Malaysia, tanpa bantuan dari kawalan terpilih atau ditetapkan nilai mata wang mereka. Eksport Malaysia sememangnya akan bertumbuh sungguhpun tidak wujudnya tindakan kawalan, malah mungkin akan bertumbuh pada tahap yang lebih cepat. Perlu diperhatikan bahawa jumlah eksport dunia telah bertambah disebabkan khasnya oleh pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat. Faktor-faktor ini, dan bukannya usaha Barisan Nasional yang sebenarnya menghasilkan persembahan positif eksport negara kita.

Sebagai satu ingredient di dalam ubat feel good ini, menteri-menteri telah menggunakan penjualan rumah, kereta dan aset-aset tetap pengguna yang meningkatkan bukti pemulihan. Negara ini sebenarnya telah menggunakan kayu ukur yang silap dalam menguji tahap pemulihan ekonominya. Sebenarnya, peningkatan dalam statistik-statistik yang penuh dengan tanda tanya ini tidak

digambarkan dalam statistik-statistik produksi atau import. Kita boleh membuat kesimpulan bahawa peningkatan dalam penjualan sebenarnya hasil keputusan menghabiskan stok, di mana stok-stok yang tertimbun dijual dengan harga yang rendah untuk mendapatkan kredit cair yang membantu mencipta euphoria sebelum pilihan raya.

Produksi industri telah meningkat menerusi perbandingan bulan Mei tahun lepas dan bulan Mei ini tetapi ini bukannya cara pengukuran pertumbuhan yang diamalkan oleh kebanyakan ahli analisis. Pertumbuhan purata dalam tempoh 12 bulan yang sepatutnya dijadikan asas pengukuran. Jika tidak, maka perbandingan dengan bulan Mei 1998, di mana angka statistik paling rendah sekali hanya akan memberikan satu gambaran yang palsu dan penuh dengan ilusi mengenai keadaan ekonomi yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta Yang Berhormat gulung.

Tuan Lim Kit Siang: Habis!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, gulungkan, minta gulung.

Tuan Lim Kit Siang: Masa begitu pendek untuk perbahasan dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Dasar kita di bawah peraturan mesyuarat hanya satu hari sahaja, Yang Berhormat. Biar benarkan orang lain pula yang berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, saya gulung dalam satu isu di sini.

Akhirnya, kalau negara kita boleh pulih, kita perlu mendapatkan keyakinan orang ramai dan bersangkutan paut dengan isu pemulihan keyakinan orang ramai ialah bahawa kerajaan perlu dilihat sebagai serius dalam peperangan terhadap penyalahgunaan kuasa, khasnya korupsi.

Di sini sebagai mengakhiri ucapan saya, saya rasa apa yang mustahak ialah bahawa kita mahu kerajaan mengambil satu pendirian yang tegas khasnya mengenai satu laporan yang ada dibuat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat dari Permatang Pauh bahawa ada campur tangan dalam urusan

perjalanan pengadilan, the court of justice khasnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, oleh Peguam Negara, oleh pegawai kanan kamar Peguam Negara ialah Abdul Gani Patail. Oleh kerana itu, beliau membuat satu laporan polis di Balai Polis Dang Wangi bahawa ketiga-tiga orang ini adalah melindungi Menteri MITI dari didakwa di mahkamah atas lima tuduhan rasuah.

Ini ada tercatat dalam satu dokumen di bahagian pendakwaan Pejabat Peguam Negara yang bertarikh 14 Mac 1995, yang ditandatangani oleh Abdul Gani Patail dan diserahkan kepada beliau, semasa beliau masih merupakan Timbalan Perdana Menteri oleh Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah pada akhir tahun 1995. Dokumen berkenaan jelas menyatakan bahawa wujudnya asas *prima facie* untuk mendakwa Yang Berhormat Menteri MITI, Dato' Seri Rafidah Aziz atas tuduhan rasuah mengikut Seksyen 2(2) Ordinance 22, 1970. Oleh kerana beliau ada bersabit dengan conflict of interest:

- (i) selaku Pengerusi Jawatankuasa pembahagian saham bumiputra MITI yang meluluskan 1.5 juta saham dalam Leader Universal Holdings Bhd kepada menantunya, Fazrin Azwar bin Mohd. Nor;
- (ii) meluluskan permohonan Fazrin Azwar bagi menjual 450,000 unit saham tersebut;
- (iii) untuk meluluskan permohonan Fazrin Azwar bagi menjual 315,000 unit saham tersebut;
- (iv) untuk meluluskan permohonan Fazrin Azwar bagi menjual 335,000 unit saham tersebut; dan
- (v) meluluskan pembahagian 4.1 juta unit saham FACB kepada Fazrin Azwar.

Dalam laporan beliau, Yang Berhormat bekas Timbalan Perdana Menteri ada berkata bahawa Peguam Negara tidak meneruskan tindakan pendakwaan akibat campur tangan Perdana Menteri menyebabkan pendakwaan terhadap Dato' Seri Rafidah Aziz belum dapat disempurnakan. Kegagalan berbuat demikian

seperti mana yang diperuntukan oleh undang-undang, bermakna bahawa ketiga-tiga mereka telah mencemar matlamat keadilan dan melanggar peruntukan undang-undang. Semua dokumen itu ada dilampirkan bersama laporan polisnya, dokumen bertarikh 14 Mac 1995 dan inilah buat pertama kalinya dalam sejarah Malaysia seorang bekas pemimpin kerajaan telah membongkarkan kepada seluruh negara bagaimana usaha untuk cuba memerangi rasuah peringkat tertinggi telah dimusnahkan oleh Perdana Menteri.

Ini menunjukkan bahawa Perdana Menteri tidak jujur atau serius dalam memerangi rasuah. Tidak ada kena-mengena mengenainya tentang apa yang betul atau salah tetapi hanya mengenai sama ada seseorang itu seratus peratus setia kepadanya.

Perdana Menteri akan melindungi mana-mana individu yang setia kepadanya, tidak kira betapa ketara kesalahan yang dilakukannya. Sebaliknya, sekiranya ada seseorang yang menjadi penghalang kepada beliau, maka Perdana Menteri tanpa berfikir dua kali akan terus menggunakan segala kuasa dalam tangannya untuk memusnahkan orang berkenaan - sebagaimana yang dipertunjukkan dalam caranya yang kejam, pendendam untuk menganiayai Anwar Ibrahim - sehingga memaksa pihak polis dan Kamar Peguam Negara mereka bukti palsu terhadap musuhnya.

Dan inilah saya cabar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik seorang pendakwa raya bebas untuk meneliti semua tuduhan ini demi membersihkan namanya. Budaya rasuah yang digalakkan oleh pentadbiran ini telah sampai ke satu tahap di mana rakyat tidak sabar lagi melihatnya dan ini perlulah dibetulkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kerana masa yang singkat saya akan menyentuh tiga empat perkara sahaja.

Yang pertama, pada 1 Jun 1999 ini, kita diberitahu oleh Menteri Kewangan I bahawa 16 agensi kerajaan dan kementerian mempunyai kelemahan di antara 50% dan 100% dalam peruntukan melaksanakan peruntukan bagi projek-projek pembangunan di seluruh negara. Di sini, memang ini satu perkara yang sangat serius kerana wang yang terlibat adalah hampir RM17 bilion untuk projek-projek pembangunan di seluruh negara.

Pada tempoh suku yang pertama didapati bahawa kadar pelaksanaan projek-projek ini adalah sangat rendah dan di sini memang saya hendak menekankan bahawa walaupun kita di dalam pihak pembangkang kita hendak menyaksikan projek-projek yang diperuntukkan wang begitu banyak RM17 bilion dapat dilaksanakan dengan sempurna untuk kebaikan, untuk kebajikan rakyat jelata.

Di sini saya hendak menanya Yang Berhormat apakah tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki keadaannya kerana kalau ada kelemahan yang seumpama ini memang akan menjejaskan produktiviti dan juga aliran pendapatan di seluruh negara dan matlamat-matlamat sosial kebangsaan tidak akan tercapai. Saya diberitahu bahawa pihak kementerian sudah menerima arahan daripada Kabinet untuk mengesan, memantau keadaan pelaksanaan peruntukan bagi projek-projek pembangunan di seluruh negara.

Di sini saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengadakan satu jawatankuasa khas untuk menyelenggara, mengendalikan semua dan memantau kemajuan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah projek-projek tidak dapat dilaksanakan, di sini saya akan mencadangkan supaya kita ada satu penyiasatan yang menyeluruh. Penyiasatan ini untuk mengetahui dengan secara mendalamnya semua jabatan dan kementerian yang mempunyai 840,000 orang kakitangan dan kebanyakannya yang baik dan bertanggungjawab. Tetapi saya nampak sepertimana yang saya sebutkan tadi ialah bila rakyat membuat aduan sama ada

benar ataupun tidak, itu lain kira, tetapi yang pembuat aduan atau complainant ini, saya sering kali dapati bila saya buat aduan bagi pihak penduduk, kemudian orang yang buat salah ataupun yang nampak buat salah kita buat aduan terhadapnya dia tahu, oh! siapa yang membuat aduan kepada pihak kerajaan dan sering kali saya mengalami kesusahan kerana tuduhan terhadap saya kerana membuat aduan. Macam mana boleh berlaku?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah berucap tadi ini berkenaan dengan perkara

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, inilah sebab itu saya menyeru supaya satu siasatan yang menyeluruh dibuat untuk mengetahui peratusan kakitangan daripada 840,000 ini yang tidak ada disiplin. Kalau orang buat aduan janganlah kita sampaikan maklumat ini kepada orang yang tertentu. Kalau ini yang dibuat salahlah. Masalahnya orang biasa tidak akan buat aduan lagi, jangan buat, jangan buat. Kalau aduan itu salah pun kita balik kepada yang buat aduan (complainant), beri dia tahu ini salah, itu lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi ini saya hendak menyentuh penggunaan tanah lapang di seluruh negara. Di sini, saya buat satu soalan khusus kepada Jabatan Perdana Menteri dan ini mengenai Dewan Bandaraya, bukan maksud saya untuk Dewan Bandaraya bahkan untuk seluruh negara. Soalan saya adalah untuk meminta Perdana Menteri menyatakan setakat mana beliau berjaya untuk mewujudkan Kuala Lumpur dan kalau boleh seluruh negara sebagai bandaraya bertaman, bilangan pokok ditanam, bilangan kawasan hijau dan tanah lapang, bagaimana Lot 15-1, Jalan Jambu Melaka, Jinjang Selatan menjadi Ibu Pejabat RELA atau badan lain.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu sangat singkatlah dan tidak patut. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah dipertanggungjawabkan untuk menjadikan Kuala Lumpur kota dalam taman. Sehubungan itu beberapa program telah dilaksanakan untuk menghijaukan Kuala Lumpur iaitu seperti penanaman pokok-

;pokok rimbun, membina taman-taman awam dan menyediakan kemudahan rekreasi di tanah-tanah lapang.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini tidak lengkap dan tidak patut dibuat kerana kita tahu ada tananam, ada baik juga di sesetengah tempat cantik juga tetapi tidak mencukupi, perbelanjaan yang dibuat yang banyak, ada sesetengah tempat itu mesti diperbaiki. Walau bagaimanapun, misalnya pada Lot 15-1, Jalan Jambu Melaka, Jinjang Selatan, ini ada kena-mengena dengan parti siasah terutamanya MCA. Tanah lapang ini dibeli oleh penduduk-penduduk sekitar untuk kediaman dan tanah lapang ini diperuntukkan untuk permainan kanak-kanak tetapi pihak MCA hendak gunakan. Hendak gunakan memang kita ada peraturan dan diletakkan container kononnya hendak beri perkhidmatan accupuncture dan kalau tidak diluluskan dia letak RELA di situ.

Di sini, saya hendak menekankan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri bahawa kita ada siasatan untuk mengetahui bagaimana nama RELA digunakan di seluruh negara untuk mencerooboh tanah-tanah lapang dan termasuk fungsi RELA. Ada sesetengah anggotanya diberi senapang patah. Adakah senapang patah ini digunakan untuk menembak helang, menembak burung-burung dan binatang yang lain untuk memusnahkan hidupan liar di negara ini? Kita mesti siasat fungsi, semua fungsi RELA dan bila RELA mendapat pejabat di tanah-tanah kosong apakah prosedur yang diikuti dan apabila MCA gagal untuk mendapat tempat permainan kanak-kanak sebagai pejabat MCA, dia gunakan RELA dan tiba-tiba satu pejabat dibangunkan dengan begitu sahaja. Bagaimana pihak Bandaraya dapat meluluskan?

Setahu saya Direktorat Penguatkuasaan tolak 2 tahun yang lepas. Tetapi setelah ditolakkan maka pihak nama RELA bersaing...dengan pembangunan seumpama ini, bukan sahaja di tempat yang saya sebutkan tadi, banyak tempat - di Kepong, Kuala Lumpur dan di seluruh negara. Kalau ada Piagam Pelanggan di Kementerian Dalam Negeri, di Dewan Bandaraya, di seluruh negara, jabatan-

jabatan dan kementerian-kementeriannya, tetapi apakah yang maksudnya Piagam Pelanggan, apakah maksudnya? Maksudnya menceroboh tanah-tanah lapang, itu hendak memelihara rakyat, membela nasib rakyat untuk menceroboh tanah-tanah lapang.

Jadi saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri membuat siasatan di seluruh negara iaitu tanah-tanah lapang bukan sahaja di Kuala Lumpur, Kepong, pihak parti siasah termasuk UMNO, termasuk MCA, GERAKAN, MIC, RELA dan semua agensi bagaimana mereka dapat menceroboh tanah-tanah lapang di negara ini. Tidak payahlah kita hendak minta majoriti 2/3 kalau maksudnya untuk menceroboh tanah-tanah lapang. Walhal Perdana Menteri sendiri tidak setuju, saya tahu, tetapi orang bawahan buat juga, macam mana boleh buat macam ini.

Kali ini saya hendak menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia sendiri buat siasatan, kalau dia tidak suka kerana Perdana Menteri sendiri yang mengatakan dia berharap kita dapat kota dalam taman terutamanya untuk Kuala Lumpur. Kalau itu yang dimaksudkan, jadi kita mesti bermula daripada hari ini membuat siasatan yang teliti dan juga mengambil tindakan yang keras untuk menghapuskan penceroboh-penceroboh di seluruh negara supaya tanah-tanah lapang ini boleh digunakan dengan baik untuk menjayakan konsep kota bertaman.

Itulah saya maksudkan dan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai banyak perkara lagi untuk dibincangkan, tidak tahulah sama ada saya dibenarkan untuk membincangkan perkara-perkara yang lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat sudah berucap lebih daripada 10 minit.

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau satu lagi sahaja kerana kita suntuk masa sekarang, masa itu emas.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila-sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu perkara lagi. Di taman-taman kediaman, projek-projek, kita mesti tidak boleh elakkan ada pembangunan. Tetapi di dalam pembangunan ini kita mesti adakan peraturan, disiplin dan keberkesanan untuk melaksanakan syarat-syarat yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan misalnya di Wangsa Permai, Kepong di mana misalnya masalah para penduduk termasuk yang utama geran tanah tidak diluluskan empat tahun sudah. Jalan masuk tidak dibina dan juga dekat situ ada tanah lapang dibakar sampah oleh pihak pemaju sendiri, Wangsa Permai di Kepong dan banyak lagi perkara yang dibuat oleh pihak pemaju, pemaju besar bukan main lagi. Walaupun besar, kecil mesti mematuhi syarat-syarat yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.

Sebab itulah sebelum saya mengakhiri ucapan, saya berharap bukan sahaja Jabatan Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahkan semua kerajaan tempatan mengambil tindakan yang tegas untuk memastikan semua pemaju sama ada besar ataupun kecil mematuhi kepada syarat-syarat dan terma-terma yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Tempatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian.

5.00 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, dalam perbekalan tambahan ini ternyata bahawa setiap kali bekalan tambahan diadakan peruntukan untuk Putrajaya dibuat. Ini bermakna Putrajaya yang dijanjikan dibina secara turnkey ataupun secara penswastaaan, sekarang ini kerajaan yang akan menanggung. Hujah pihak kerajaan bahawa Putrajaya cantik, Putrajaya elok, kita akui cantik, kita akui elok tetapi kita lihat sejarah kejatuhan satu tamadun apabila pemerintah itu melakukan pembaziran. Memang istana 'Tok Kape' di Turki itu hebat, memang Istana Kardova di Sepanyol itu hebat, memang Taj Mahal di India itu hebat, memang Istana Shah Jehan, Istana Akhbar agung, hebat, memang piramid itu hebat. Masa dibuat pada waktu itu penyokong-

penyokong pemerintah akan memuji tetapi akhirnya ia menjadi bahan tontonan sejarah.

Begitulah juga kita lihat Tembok Besar Negeri China hebat, tetapi berapa ribu orang mati untuk membina Tembok Besar Negeri China. Ini semua tanda kemegahan yang dilaung-laungkan. Inilah yang kita lihat sekarang ini peruntukan kerajaan yang begitu banyak bukan ditujukan untuk kebajikan tetapi kebanyakannya untuk membina bangunan-bangunan. Kita sendiri lihat kalau di England, Nombor 10, Downing Street, bekas tempat tinggal Perdana Menteri. Sudah berapa Perdana Menteri tinggal di situ dan ianya berada di tengah-tengah bandar tetapi semua manusia tidak dapat nafikan bahawa negara itu adalah kuasa besar dunia dan juga dia berkemampuan untuk menggegarkan dunia dan kebajikan kepada rakyatnya terkenal seantero dunia.

Tetapi kerajaan kita lebih menumpukan soal membina bangunan-bangunan yang akhirnya kebajikan kepada rakyat diabaikan. Inilah yang dikritik dan kalau kita baca dalam buku yang dikupas oleh Dr. Ali Syariati, orang yang memperjuangkan revolusi di Iran yang banyak mengupas soal kejatuhan suatu dinasti sesuatu kerajaan semuanya berpunca daripada kemegahan-kemegahan bangunan sama ada Piramidnya, Taj Mahalnya, Istana 'Tok Kape'nya ataupun Tembok Besar Negeri China, semuanya itu dibuat di atas awalnya ialah untuk kemegahan, kemudian diajak rakyat untuk menyokong di atas kemegahan itu.

Ini kita perlu mengambil bahagian perhatian dalam negara kita yang kita lihat rakyat miskin masih ramai dan rakyat awam masih memerlukan bantuan daripada kerajaan. Kita lihat di sini dasar membantu golongan kaya itu begitu ketara sekali dalam peruntukan ini, misalnya diberi lagi RM60 juta kepada kontraktor-kontraktor yang membuat jalan raya bertol sedangkan mereka telah pun dipanjangkan tempoh untuk mengutip tol itu.

Maka rakyat termasuk pegawai-pegawai kerajaan sekarang ini kita lihat yang berulang-alik pergi kerja semuanya tidak lepas daripada bayaran tol yang

cukup tinggi dan syarikat-syarikat ini yang telah dipanjangkan tempoh kita beri lagi subsidi kepada mereka. Ini dasar yang begitu hebat membantu orang-orang kaya dan kita lihat pula dalam usaha kerajaan untuk membantu orang miskin tidaklah cukup, dibuatkan stok penimbal getah lebih kurang RM80 juta tetapi sampai sekarang kita lihat harga getah belum lagi naik. Di Sik dan di daerah Baling, daerah Jeli termasuklah Gua Musang begitu ramai orang-orang yang menderita terutama di musim hujan sekarang ini. Bila sekilo getah harga 60 sen ataupun 80 sen dan mereka dalam sebulan menoreh getah dalam separuh daripada bulan itu iaitu 10 hingga 15 hari sahaja. Mereka hidup dalam keadaan penuh menderita. Apakah penderitaan rakyat ini dipamerkan dengan keindahan Putrajaya? Inilah keadaan yang dilihat oleh rakyat sekarang ini. Ciri-ciri ini kita lihat barangkali, inilah ciri-ciri kejatuhan kerajaan Barisan Nasional yang dekat ini, Insya–Allah, sebab rakyat telah menilai keadaan ini dan dilihat bahawa punca rezeki negara ini digunakan untuk bermegah daripada membantu rakyat yang serba miskin.

Dalam mesyuarat Public Account Committee misalnya ditimbulkan soal hutang negeri Kelantan yang belum lagi dibayar oleh kerajaan negeri Kelantan lebih kurang dalam lingkungan RM500 juta. Walaupun setelah disusun semula penjadualannya kerajaan Kelantan dapat membayar mengikut jadual.

Walau bagaimanapun, hutangnya masih lagi di sekitar RM500 juta. Kita tidak kira hutang itu yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional dahulu atau kerajaan sekarang, tetapi saya yakinlah hutang itu dibuat oleh kerajaan sebelum tahun 1990. Dalam mesyuarat itu saya mencadangkan supaya kerajaan hapus kira kepada hutang negeri Kelantan itu kerana walaupun kerajaan mana mengambil sudah tentu wang itu digunakan untuk pembangunan rakyat, untuk buat bangunan atau apa-apa lain-lain projek yang dibuat oleh Barisan Nasional dahulu.

Alasan yang diberikan tidak boleh dihapus kira, tetapi pada masa yang sama PERWAJA berhutang kepada kerajaan hampir RM5 bilion dan kerajaan

mungkin mencadangkan untuk menghapuskan hutang PERWAJA sebanyak RM3 bilion atau lebih kurang seperti itu. Ertinya kerajaan lebih mementingkan Eric Chia dan rakan-rakannya daripada rakyat Kelantan 1.4 juta.

Ini yang kita kena lihat di sini, ertinya kerajaan terlalu pro kapitalis, pro tauke daripada pro rakyat. Ini yang dipamerkan oleh pemerintah sekarang yang menjadi bahan yang baik untuk kami bekerja, menukar pemerintahan ini dalam pilihan raya akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bagan.

5.07 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan pandangan Ketua Pembangkang bahawa segala perbelanjaan tambahan yang dibentangkan hari ini adalah untuk menyediakan suasana untuk menghadapi satu pilihan raya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua,. kerajaan melaung-laungkan ekonomi negara kita telah pulih, tetapi saya hendak bertanya di sini, ada sesetengah kakitangan kerajaan, mereka masih dilarang untuk pergi ke luar negeri sama ada hendak menunaikan ibadat atau hendak mengunjungi keluarga masing-masing. Walaupun permohonan mereka ini diluluskan oleh Ketua Jabatan tetapi apabila sampai kepada Jabatan Ketua Setiausaha Negara permohonan ini ditolak.

Bolehkah Yang Berhormat memberitahu mengapa kakitangan-kakitangan kerajaan dengan sebab-sebab yang munasabah iaitu hendak menunaikan ibadat atau hendak melawat keluarga mereka di luar negara dilarang untuk pergi jikalau negara kita telah pulih. Tambahan pula perbelanjaan yang dibelanjakan oleh mereka ini bukan perbelanjaan rasmi, bukan perbelanjaan dari kerajaan tetapi dengan perbelanjaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, juga pemimpin-pemimpin MCA memainkan isu-isu pendidikan Bahasa Cina dan dalam beberapa bulan ini kami boleh baca dalam surat khabar banyak pengumuman berkenaan dengan keistimewaan-keistimewaan

yang telah diberi kepada pendidikan Bahasa Cina di negara kita. Selepas saya membaca apa-apa pengumuman itu, saya ingin mendapat maklumat-maklumat yang lebih lanjut sebab itu saya mengemukakan soalan-soalan lisan saya tetapi jawapan yang saya dapat itu amatlah mengecewakan. Jikalau saya seorang guru apabila memeriksa jawapan yang diberi oleh murid-murid maka saya akan anggap ini satu jawapan yang tidak betul dan tidak boleh diluluskan.

Saya cuba baca satu soalan, saya minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian telah menerima sebarang permohonan untuk menubuhkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Rendah atau Menengah di negeri Pulau Pinang. Jika ada, beritahu nama pemohon, tempat dan keputusan kerajaan. Senang difahami siapa yang memohon, di mana, apa keputusan, apa jawapan yang diberi. Pembinaan sesebuah sekolah adalah mengikut keperluan pembangunan sesuatu kawasan. Perancangan membina sekolah perlu mengambil kira kepentingan untuk mencapai matlamat perpaduan negara.

Sekolah-sekolah di sekitar Barat Daya Pulau Pinang yang sedia ada masih dapat menampung keperluan di kawasan tersebut. Pada masa ini terdapat empat buah sekolah dalam proses pembinaan. Jawapan ini saya anggap satu jawapan yang salah, tetapi jawapan ini dari Menteri Pendidikan. Siapa yang memohon? Ada kata ada, kalau tidak ada kata tak ada. Kalau ada siapa dia? Simple answer.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu saya minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramai guru-guru dari negara China sedang berkhidmat di Malaysia. Apakah mata pelajaran yang diajar dan syarat-syarat perkhidmatan. Sebab ini Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, telah berkali-kali kata dalam surat khabar Cina bahawa mereka menggaji guru-guru dari negara China untuk datang ke negara ke sini. Tetapi apa jawapannya, jawapannya ialah hasil lawatan Yang Berhormat Menteri Pendidikan ke Republik Rakyat China telah mempereratkan hubungan kerjasama dua hala di antara kedua negara.

Satu memorandum persefahaman dalam bidang pendidikan telah dimeteraikan dalam tahun 1997. Pada masa ini beberapa orang tenaga pengajar dari RRC sedang berkhidmat di beberapa buah institusi pendidikan untuk mengajar Bahasa Mandarin. Sebaliknya Malaysia juga membekalkan tenaga pengajar Bahasa Melayu untuk berkhidmat di Beijing, foreign studies university. Saya tanya berapa orang mengajar, subjek apa yang diajar, apa dia punya syarat perkhidmatan, tetapi diberitahu beberapa orang, beberapa sekolah untuk mengajar? Sebagai Menteri Pendidikan, adakah ini satu jawapan yang begitu memuaskan?

Saya kata, jikalau saya seorang guru hendak memeriksa murid-murid saya untuk jawapan yang diberi, saya akan pangkah, matikan, tidak boleh lulus. Takkan dia hendak cakap, ini Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, masih satu soalan, saya minta Menteri Pendidikan menyatakan butir-butir ijazah, nama universiti dan subjek Taiwan dan China yang telah diiktiraf oleh kerajaan Malaysia. Sebab banyak telah diumumkan dalam surat khabar Cina, sebab itu saya hendak tahu maklumat yang lebih lanjut lagi, sebab itu saya tanya. Tetapi apa yang diberi, kerajaan telah mengiktirafkan 8 ijazah perubatan, 7 ijazah pergigian dan 1 ijazah farmasi dari universiti-universiti di Taiwan. Mana satu universiti, tidak disebut. Ijazah berkenaan apa yang head line, kejuruteraan, yang lain semua tidak boleh diiktiraf hanya perubatan sahaja dapat diiktirafkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya kata, segala persediaan ini adalah untuk menghadapi pilihan raya yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, juga baru-baru ini Kementerian Pendidikan telah menghantar satu arahan kepada SRJKC dan sekolah menengah supaya cek-cek perbelanjaan sekolah hanya boleh ditandatangani oleh pegawai sahaja iaitu guru-guru, headmaster atau pembantu kanan guru besar. Tetapi menafikan tandatangan oleh ahli-ahli Jemaah Pengurus Sekolah yang pada lazimnya selalu dibuat demikian. Menurut ahli-ahli Jemaah

Pengurus Sekolah ada hak untuk menandatangani cek-cek untuk perbelanjaan sekolah, tetapi sekarang dibatalkan. Selepas beberapa argument atau beberapa bantahan dari beberapa pihak berkenaan maka satu arahan diberi kepada sekolah-sekolah ini supaya menangguhkan arahan ini, bukan membatalkan. Membatalkan dengan menangguhkan itu tidak serupa, mungkin selepas pilihan raya dia akan disambung balik kerana ia ditangguhkan sementara sahaja dan bukan dibatalkan sama sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu soalan hendak ditujukan kepada Kementerian Pengangkutan iaitu van yang dimiliki oleh syarikat. Apabila sesebuah syarikat membeli sebuah van untuk mengangkut pekerja mereka dan van ini perlu didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Dalam sijil pendaftaran pemilik iaitu geran kereta yang kita selalu sebutnya ada mengecap bahawa van ini boleh membawa ahli-ahli syarikat tetapi apabila van ini berjalan di atas jalan ia disaman oleh pihak polis kerana kononnya pihak polis berkata ia kena meminta satu lesen lagi dari Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP). Kenapa kena meminta lesen dari LPKP walhal jikalau saya beli sebuah kereta, geran saya telah tercatat saya boleh bawa pekerja saya. Mengapa saya perlu lagi mendapat satu lagi lesen dari LPKP dan dalam laporan LPKP ini, ia tidak termasuk van, langsung tidak ada; bas henti-henti, bas mini, bas chartered, bas ekspres, bas mini, bas pekerja, bas penghantaran, bas sekolah, bas sewa, kereta sewa pandu, teksi, teksi lapangan terbang dan teksi mewah, van tidak berkaitan.

Jadi, saya mintalah satu penjelasan dari pihak yang berkenaan, sama ada van milik syarikat sama ada masih perlu mendapat satu lesen daripada LPKP untuk tujuan membawa pekerja-pekerja syarikat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pada minggu yang lepas apabila ucapan penangguhan saya bangkitkan iaitu pada 13 Julai berkenaan dengan penghapusan Akta Kawalan Sewa yang ramai orang di Pulau Pinang telah terlibat dalam perkara ini tetapi

malangnya ucapan penangguhan saya telah dihalang oleh Timbalan Menteri dalam Dewan yang mulia ini dan tidak dapat dibangkitkan. Saya ambil peluang ini untuk membangkitkan semula sama ada kerajaan berhasrat untuk menangguhkan pelaksanaan pemansuhan Akta Kawalan Sewa yang berkuatkuasa pada akhir tahun ini. Saya dapati dalam surat khabar juga, kerajaan negeri Pulau Pinang berkali-kali menegaskan bahawa mereka telah meminta kepada Kerajaan Pusat untuk menangguhkan. Sekarang saya hendak tahu sama ada Kerajaan Pusat ada membuat satu keputusan untuk menangguhkan perkara ini atau ia masih kuatkuasa iaitu akan dijalankan pada akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, juga saya terlupa kes satu van. Tadi saya dapat satu panggilan telefon dari seorang pemandu van. Dia berkata, dia bawa van di atas jalan raya dengan had laju 90 km/j tetapi beliau bawa van beliau dengan 80 km/j dia dikenakan saman, kononnya dia bawa sangat lambat di atas jalan. Kalau dia bawa lebih 90 km/j dia akan kena saman. Sekarang dia bawa 80 km/j dia kena saman, apa rasionalnya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, perkara ini saya minta boleh dapat satu penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup jelas bahawa kerajaan dengan bersungguh-sungguh membuat apa sahaja untuk persiapan bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang. Kita baru sahaja habis membahar PR melalui Akta Hak Asasi Manusia Malaysia. Sekarang kita membahar peruntukan Perbekalan Tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya memang kita tidak mahu menafikan bahawa kerajaan mempunyai hak untuk membelanjakan wang rakyat demi kepentingan rakyat tetapi yang anehnya ialah banyak pengumuman tentang peruntukan untuk pembangunan tetapi tidak sampai kepada rakyat. Jadi, sebab itulah saya katakan hanyalah bertujuan untuk mengelirukan rakyat, konon-kononnya ada peruntukan tetapi tidak sampai kepada rakyat dan pembangunan juga tidak ada. Saya ambil

contoh, Tuan Yang di-Pertua mengenai peruntukan kepada negeri Sabah untuk Rancangan Malaysia Ketujuh. Kerajaan Persekutuan mengatakan bahawa ada peruntukan tambahan RM2 bilion tetapi kerajaan negeri telah pun mengumumkan bahawa peruntukan untuk pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh telah pun dikurangkan lebih daripada RM1 bilion.

Jadi, ini bererti pihak kerajaan hanya bermain dengan angka sahaja melalui pengumuman. Ini saya rasa tidak sepatutnya berlaku kalau benar-benar ada kewangan. Saya fikir rakyat lebih senang kalau peruntukan pembangunan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh tetapi pelaksanaan pembangunan haruslah juga dengan secara adil dan tidak memilih fahaman politik. Di Sabah misalnya, setelah kita mengadakan pilihan raya negeri, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional jelas mengatakan bahawa kawasan-kawasan yang dimenangi oleh parti pembangkang, langsung tidak akan diberi pembangunan dan peruntukan. Jadi, apalah ertinya kita mahu mengadakan pilihan raya kalau rakyat yang menggunakan hak mereka untuk memilih wakil-wakil masing-masing menurut Perlembagaan diseksa pula.

Tuan Yang di-Pertua: Yan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Sini, sini.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tiada masa, nanti kita berbincang di luar. Ini jelas Tuan Yang di-Pertua, misalnya District Council ataupun Majlis Daerah. Saya mendapat maklumat bahawa Majlis Daerah Tuaran sudah tidak dapat membayar elaun kakitangan beberapa bulan kebelakangan ini. Jadi, bagaimana kerajaan Barisan Nasional mengatakan hanya Barisan Nasional yang dapat membangunkan negara. Berilah peluang kepada pembangkang untuk menunjukkan bahawa kami lebih mampu untuk menjalankan pembangunan negara.

Saya rasa rakyat perlu berhati-hati di dalam keadaan ini. Satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan *[Disampuk]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan atau tidak.

Seorang Ahli: Dulu PBS, lampu pun padam.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah tentang nepotisme dan kronisme. Dikatakan tidak ada nepotisme dan kronisme tetapi di sini ada jawapan soalan mengenai Danaharta sahaja. Setakat 30 Jun 1999, RM38 bilion hutang yang telah pun dibeli oleh Danaharta daripada hanya 1,732 peminjam sahaja, jadi yang lain tiada hutangkah? Yang miskin tiada hutangkah?

Saya fikir lebih daripada 1,000 orang yang berhutang. Jadi hutang siapa yang antara RM38 bilion ini? Sudah tentu orang-orang besar sahaja, yang dekat kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sahaja. Jadi, tiada hairanlah rakyat akan memilih parti-parti pembangkang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini point of order, bukan main-main.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, point of order.

Tuan Yunof Edward Maringking: Semua banyak takut.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Takut sama saya kah?

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia Point of Order daripada Yan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, 36(6).

Tuan Yunof Edward Maringking: Ha! Tak payah itu

Dr. Tan Seng Giaw: Nanti dulu, nanti dulu, dengarlah dahulu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini apa cakap tidak baik sama orang ini? Kau jangan main-main. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Itu hak asasi dia tu. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat, ini sangkaan jahat sama Barisan Nasional, sama PBS

Tuan Yunof Edward Maringking: Duduklah..

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: memerintah, kamu orang pun kasi susah juga, kawasan Barisan Nasional...

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah di dalam peruntukan tambahan yang diminta ialah untuk Pilihanraya Negeri Sabah. Pilihanraya Negeri Sabah ini saya rasa sudah cukup kotor tetapi kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan pilihan raya yang akan datang akan menjadi pilihan raya yang terkotor dalam sejarah negara. Jadi adakah ini membayangkan sama ada kerajaan gagal untuk mengawal Suruhanjaya Pilihanraya ataupun kerajaan sengaja menjadikan pilihan raya yang akan datang ini yang terkotor sekali. Jadi apakah ertinya kita mempunyai suruhanjaya..

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, andaian tidak boleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya rasa kita perlu betul-betul mengadakan pilihan raya untuk memilih kerajaan yang benar-benar dipilih melalui pilihan raya yang demokratik..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Bukan dengan cara penipuan. *[Disampuk]*. Jangan seperti di Semporna, Beringis, gantung budak sekolah, wang ringgit dan pelbagai-bagai lagi. Jadi ini adalah politik wang di mana suara lantang pemimpin-pemimpin UMNO mahu menghapuskan politik wang tetapi Permatang Pauh sudah tiada lagi. Tiada lagi yang berjuang untuk politik wang, saya rasa

sebab itu beliau tidak ada di Dewan yang mulia ini lagi. Jadi bagaimanakah pemimpin-pemimpin generasi muda untuk memperjuang dan menghapuskan politik wang kalau begini corak kepimpinan. Jadi saya rasa kita perlu reformasi di dalam negara ini. Reformasi minda dan reformasi peraturan dan pelaksanaan pilihanraya dan pasti perlu reformasi kerajaan [*Tepuk*].

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali ialah tentang keselamatan negara. Keselamatan negara tidak dapat dipisahkan daripada keperluan pembangunan ekonomi tetapi bagi saya keadaan pembangunan negara yang tidak terjamin akan merugikan rakyat juga. Dalam konteks ini ialah rakyat asing yang terus menjadi ancaman kepada negara..

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya sudah jumpa point of order..

Tuan Yunof Edward Maringking: Suruh dia berhenti oleh kerana dia hanya membuang masa Dewan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Point of order ini. Ini undang-undang. Kau jangan main-main.

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata point of order. Ya, apa itu?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, 36(10) (b)-perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan kuasa kerajaan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Apa dia cakap, dia buang masa. You balik pergi Yan bagi tahu rakyat bahawa you tidak tahu peraturan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Memang kau cakap kerajaan tidak bagus.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila habiskan Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya, saya akan habiskan.

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah dia habiskan dahulu.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, mengenai keselamatan negara ada dua aspek yang perlu diambil kira. Yang pertama, tentang kecekapan anggota-anggota keselamatan. Tetapi dalam pada itu saya ingin

membangkitkan tentang Timbalan Ketua Polis Negara. Kenapa belum ada lagi? Timbalan Ketua Polis Negara belum lagi dilantik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya gulung. Jadi adakah ini bererti ada sesuatu yang tidak kena dan yang satu lagi ialah tentang rakyat asing di Sabah yang bukan sahaja mengancam dan menimbulkan pelbagai masalah sosial tetapi mereka ini adalah penjual kad pengenalan dan juga dadah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Jadi saya rasa pihak Kerajaan Persekutuan khususnya pihak keselamatan harus menangani perkara ini sebelum terlambat. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Usul Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Cadangan Mempertingkatkan Martabat PDRM

5.31 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan Ucapan Penangguhan dengan tajuk 'Cadangan Mempertingkatkan Martabat Polis Diraja Malaysia (PDRM)'.

Anggota polis terlatih perlu diberi pengiktirafan kelayakan akademik. Seseorang yang mempunyai sijil SPM atau STPM selepas diberi latihan di maktab, kelayakan beliau perlu diiktirafkan sebagai graduan diploma dan gaji perlu selaras dan setimpal dengan kelayakan. Pada masa sekarang gaji mereka adalah rendah kalau dibandingkan dengan graduan diploma di bidang-bidang akademi lain. Elaun dan overtime perlu diberi kepada anggota polis mengikut keadaan dan bidang tugas mereka masing-masing.

Uniform polis wanita muslim perlu diubahsuai. Jikalau uniform murid-murid, jururawat-jururawat dan lain-lain bidang kerajaan adalah mengikut adat Islam iaitu memakai tudung atau tutup aurat, mengapa uniform polis wanita tidak boleh ikut sama dengan uniform beradat Islam apabila mereka bertugas di majlis ibadat, perayaan atau lain-lain function, mereka merasa senang hati.

Tuan Yang di-Pertua, balai polis dan pondok polis perlu ditingkatkan selaras dengan kemajuan setempat. Balai dan pondok polis mungkin sesuai pada 20 tahun dahulu tetapi kini telah ketinggalan masa. OCS atau pegawai penjaga balai perlu dipegang oleh seorang dengan pangkat inspector ke atas oleh kerana taraf penduduk setempat pun telah meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, komposisi anggota polis juga perlu membayangkan komposisi kaum. Pada masa sekarang kebanyakan anggota polis adalah Melayu beragama Islam. Mereka perlu menjalankan sembahyang wajib pada hari Jumaat di masjid-masjid. Jikalau mereka perlu bertugas pada masa itu, siapa mahu

tanggung dosa dengan tidak sembahyang wajib di masjid pada hari Jumaat. Sekian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, siapa hendak tanggung dosa Yang Berhormat? *[Ketawa]*

5.33 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, seseorang yang memasuki perkhidmatan polis sama ada untuk pelantikan ke jawatan pegawai polis atau anggota polis perlu memenuhi syarat-syarat kemasukan seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan mereka.

Pada masa ini syarat-syarat kemasukan ke jawatan berkenaan sama ada sebagai kadet ASP, inspector atau konstabel polis adalah mencukupi dari segi syarat asal seperti yang ditetapkan oleh kerajaan. Semua kategori perlantikan menjalani kursus asas seperti yang ditetapkan.

Pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk memberi pengiktirafan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat. Ini adalah kerana bagi perkhidmatan pegawai polis, mereka akan menjalani satu kursus dalam perkhidmatan bertaraf diploma iaitu Diploma Sains Kepolisan yang diwajibkan ke atas mereka untuk pengesahan jawatan DSP di mana kursus ini adalah dijalankan bersama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Berhubung dengan soal gaji yang telah dibangkitkan, perkara ini telah pun dikaji oleh kerajaan bersama dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain. Anggota-anggota perkhidmatan polis adalah tidak layak mendapat bayaran elaun lebih masa, ini kerana semua pegawai dan anggota polis tertakluk di bawah Seksyen 19 dan 20 Akta Polis untuk Perintah Perkhidmatan, berkhidmat apabila diperlukan.

Berhubung dengan cadangan supaya pakaian seragam polis wanita muslim diubahsuai, pihak PDRM kini sedang mengkaji merekacipta dan mengubahsuai pakaian seragam pegawai dan anggota polis wanita muslim yang sedia ada sekarang supaya ia selaras dengan kehendak dan tuntutan agama Islam

PDRM mempunyai dasar dan garis panduan tertentu untuk mewujudkan dan mendirikan sesebuah balai polis atau pondok polis yang baru bagi sesuatu tempat. Di antara perkara-perkara utama yang diambil kira dan diberi pertimbangan ialah kepesatan pembangunan kawasan berkenaan, kepadatan penduduk, permasalahan jenayah dan dadah, permasalahan lalu lintas, kegiatan ekonomi, jarak dengan balai polis, pondok polis yang sedia ada dan pelbagai faktor lain yang diambil kira.

Dalam penyusunan semula struktur baru PDRM, hampir kesemua jawatan OCS telah dinaiktaraf ke pangkat sarjan major hingga inspektor. Bagi balai-balai polis dikategorikan jenis bandar ataupun balai-balai polis utama, ia diketuai oleh pegawai polis berpangkat inspektor. Ini adalah selaras dengan kepesatan dan keperluan masyarakat setempat terhadap perkhidmatan polis.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa komposisi kaum dalam PDRM tidak membayangkan komposisi negara, adalah menjadi dasar PDRM membuka pintu seluas-luasnya kepada kaum-kaum yang lain. Menjurus ke arah itu, PDRM telah melakukan pelbagai kempen dan usaha untuk menggalakkan para belia Cina, India dan lain-lain kaum untuk berkhidmat dalam PDRM tetapi masih kurang mendapat sambutan yang memuaskan. Itu sahaja yang dapat saya jawab. Sekian, terima kasih.

Tunggakan Kes-kes Mahkamah

5.37 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Yang di-Pertua, masalah tunggakan kes-kes di mahkamah di seluruh negara perlu diberi perhatian segera. Sungguhpun ia adalah isu lama, namun tidak ada satu pendekatan yang terbaik diambil. Sebagai satu saluran untuk menegakkan keadilan, mahkamah bukan sahaja perlu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi, malah keadilan yang

diperjuangkan perlulah diberi atau diambil dengan segera dan secara saksama kerana 'justice delayed is justice denied.'

Satu pertanyaan yang boleh diungkitkan adalah jumlah mahkamah-mahkamah dan kakitangan mahkamah termasuk hakim-hakim, majistret-majistret dan jurubahasa mencukupi bagi menampung permintaan sekarang. Kenapa kerajaan tidak mendirikan lebih banyak mahkamah terutama Mahkamah Rendah melantik lebih ramai hakim dan majistret supaya kes-kes mahkamah dapat dihabiskan dengan cepat.

Sebenarnya masalah tunggakan kes ini adalah amat serius kerana sesetengah kes mengambil masa sehingga tujuh hingga sepuluh tahun sebelum dapat diselesaikan. Kes-kes rayuan pula mengambil sekurang-kurangnya tiga tahun atau lebih sebelum didengar di Mahkamah Rayuan.

Salah satu faktor utama kelewatan dalam proses pengurusan mahkamah adalah kegagalan kerajaan menggunakan IT dalam pengendalian urusan mahkamah. Kemudahan IT akan memudahkan proses dokumentasi dan melicinkan segala prosiding mahkamah. Mahkamah juga misalnya boleh bersidang selepas waktu pejabat atau waktu malam setelah melantik kakitangan tambahan bagi menyelesaikan kes-kes tuntutan kecil bagi mengurangkan masalah tunggakan kes.

Isu kekurangan jurubahasa, terutama jurubahasa Cina bukan sahaja tidak lagi diselesaikan malah kian serius sehingga ada juga terpaksa meletak jawatan. Banyak kes terpaksa ditangguhkan kerana masalah ini dan ianya amat membebankan semua pihak yang terlibat. Kerajaan perlu mengambil lebih jurubahasa dan perlu meningkatkan taraf mereka kerana jurubahasa memainkan peranan yang penting dalam prosiding sesuatu kes bicara mahkamah. Tahap gaji pada skala L6 dan L7 di bawah SSB nyata tidak setimpal dengan beban kerja mereka.

Perkembangan politik terkini seperti yang semua sedia maklum telah berkait rapat dengan mahkamah, di mana rakyat telah didedahkan kepada prosiding mahkamah sehingga kredibilitinya telah tercabar. Demi untuk mengembalikan kepercayaan rakyat, kerajaan perlu bertindak bagi mengemaskinikan dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatannya. Ini akan memberi imej mahkamah sebagai forum yang boleh bertindak bebas dan efisien demi menegakkan keadilan untuk semua.

5.39 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ibrahim bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, isu tunggakan kes-kes di mahkamah buat masa ini telah bertambah baik jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu. Untuk mencapai tahap yang lebih baik, pihak kerajaan akan memperkenalkan kemudahan IT, automasi di mahkamah bagi memudahkan proses dokumentasi dan melicinkan segala prosiding di mahkamah.

Perundingan mengenai perkara-perkara tersebut dengan pihak-pihak berkenaan sudah sampai ke peringkat akhir berdasarkan kajian terperinci yang telah dibuat di mahkamah-mahkamah di seluruh negara.

Di samping itu, usaha sedang juga diambil untuk mengatasi masalah kekurangan jurubahasa terutamanya jurubahasa Cina dan Tamil, badan kehakiman sedang mengatur beberapa langkah dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menangani perkara tersebut.

Dengan langkah-langkah di atas, di samping perlantikan hakim-hakim tambahan di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi, pihak kerajaan yakin isu tunggakan kes-kes di mahkamah akan dapat diatasi sedikit masa lagi.

Oleh itu pihak kerajaan tidak bercadang buat masa ini untuk mengadakan prosiding mahkamah di waktu malam seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Teluk Intan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.40 petang.

Lampiran

19 Julai 1999

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)

- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasin Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato’ Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah
: Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
: Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
: Ramlah binti Mohd. Yusuff
: Miskiah binti Hassan
: Rosnani binti Ahmad
: Noor Effarizan binti Mat Satib
: Nurziana binti Ismail
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh
: Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PARLIMEN KESEMBILAN**PENGGAL KELIMA****MESYUARAT KEDUA**

Jilid V	Bil. 26	Selasa	20 Julai 1999
---------	----------------	---------------	---------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 30)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.	(Ruangan 30)
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999)1999.	(Ruangan 134)
USUL:	
Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2)1999.	(Ruangan 42)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat.	(Ruangan 169)
UCAPAN PENANGGUHAN:	
Cadangan Mempertingkatkan Martabat PDRM - <i>Y.B Tuan Lim Hock Seng</i>	(Ruangan 70)
Tunggakan Kes-kes Mahkamah - <i>Y.B Tuan M. Kulasegaran</i>	(Ruangan 72)

